فتيقن تيته
PETIKAN TITAH
"KEMERDEKAAN akan hampa jika kita hanya bersikap menonton tetapi di samping menonton, rakyat juga perlu sedar dan peka dengan apa yang terjadi di hadapan mereka." - Titah sempena sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Kali Ke-17 Tahun 2001.

Pelita فليتا بروني BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN
"JANGAN berbenci-benci, berdengki-dengki, jangan berbelakang-belakangan dan jangan memutuskan perhubungan. Adalah kamu hai hamba Allah bersaudara, tidaklah halal bagi seseorang Muslim akan memencil dari saudaranya lebih dari tiga hari." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 49 BILANGAN 3 | RABU 21 JANUARI 2004/1424 رابو 28 ذوالقعده | DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU | PERCUMA

# Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, dalam majlis itu yang berlangsung di Istana Nurul Iman, baginda dan TYT telah bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara dua hala terutama usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng serta Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan juga hadir di majlis itu yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Terdahulu dari itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama di Istana Nurul Iman.

Hadir sama di majlis itu ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Tuan Yang Terutama berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama dua hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar. – Gambar oleh Halim HS.

HARI KEBANGSAAN 33 HARI LAGI

# SERAHKAN SEGERA LAPORAN

Oleh Haji Ahat HI

**BERAKAS, 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda menggesa kesemua 10 persatuan sukan yang menyertai temasya Sukan Negara-Negara Asia Tenggara Ke-XXII di Viet Nam tahun lepas supaya menyerahkan laporan masing-masing.**

Bersabda demikian semasa berangkat di Post Mortem Kali Ke-2 Sukan SEA Viet Nam bertempat di Bilik Mesyuarat Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, Duli Yang Teramat Mulia menjelaskan bahawa laporan tersebut perlu diserahkan seberapa segera bagi mengetahui perkembangan dan masalah yang dihadapi oleh atlet dan pegawai.

"Saya minta semua laporan yang disiapkan oleh persatuan-persatuan yang dikirim kepada pihak-pihak berkenaan dapat diberikan salinan kepada saya untuk 'reference' bagi mengetahui masalah-masalah yang dihadapi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Terdahulu sebelum itu, Duli Yang Teramat Mulia yang juga Presiden Majlis Olimpik kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) telah bersabda menekankan para atlet negara tidak seharusnya berfikir hanya untuk menang secara mudah.

Atlet-atlet negara, sabda Duli Yang Teramat Mulia, perlulah berusaha dengan gigih memberikan cabaran bagi mendapatkan kemenangan, tanpa mengira lawan itu juara dunia atau 'rangking' dunia.

"Setiap atlet dari negara-negara peserta menunjukkan peningkatan dan kualiti yang tinggi tetapi atlet-atlet Brunei Darussalam seharusnya menandingi dan berusaha keras dengan apa cara sekalipun," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Pada temasya Sukan SEA itu Negara Brunei Darussalam telah mengemukakan kira-kira 118 atlet dan pegawai untuk bertanding dalam acara-acara biliard dan snuker, catur, karate-do, kayak, lawan pedang, menembak, olahraga, silat, sepak takraw dan tinju.

Dari 10 acara itu, Brunei Darussalam berjaya membawa pulang satu emas daripada acara seni silat, satu perak dari karate-do dan lapan gangsa dari acara karate-do dan silat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar. – Gambar oleh Masri Osman.

# Wabak SARS sentiasa diawasi

**TAHUKAH AWDA**

**PERBUATAN merosakkan kemudahan-kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah kesalahan jenayah yang serius di Negara Brunei Darussalam di bawah Bab 427 Kanun Keseksaan dan sesiapa yang didapati bersalah boleh dihukum penjara sehingga lima tahun dan disebat tidak kurang dari dua sebatan.** - *Sumber: PELITA BRUNEI (16 April 2003 : 3).*

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Januari. - Berikutan wabak SARS yang telah melanda dunia sejak tahun lepas, Kementerian Kesihatan hingga saat ini sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah yang perlu mengikut garis panduan yang telah disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Di antara langkah-langkah yang telah dijalankan hingga ke hari ini ialah pemeriksaan suhu badan bagi penumpang-penumpang yang masuk ke negara ini seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan Terminal Feri Serasa. Borang Pengisytiharan Kesihatan juga masih perlu diisikan oleh penumpang-penumpang. Langkah-langkah ini diteruskan hingga ke hari ini dan tidak pernah diberhentikan.

Lihat muka 16

## ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Prinsip ekonomi, kewangan Islam mendapat pengiktirafan antarabangsa - Muka 2

Spesies herba tempatan berpotensi untuk dimajukan - Muka 4

Pesta Buku Brunei 2004 - Muka 5

Terlibat dengan jenayah, perkhidmatan ditamatkan - Muka 10

Menabur bakti, jasa kepada negara - Muka 12

Ibadat korban banyak hikmah, kelebihan - Muka 3 ANEKA

Kepentingan negara perlu diberi perhatian - Muka 5 ANEKA

Peraduan Menulis Esei sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam - Muka 16 ANEKA

دڠن نام الله يڠمها
ڤموره دان مها ڤڽايڠ

**Dari Sidang Pengarang**

21 JANUARI 2004 BERSAMAAN 1424 ذوالقعده 28

## DI MANA KASIH SAYANG KITA

BARU-BARU ini, kita digemparkan dengan kes penemuan seorang anak damit dibuang dalam sebuah kotak berhampiran kawasan pembuangan sampah di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Alhamdulillah anak damit lelaki itu selamat. Sesungguhnya peristiwa malang itu sangat menyayat hati dan tidak berperikemanusiaan. Kes seumpama itu bukanlah suatu perkara baru yang berlaku di negara ini. Sebelum ini kita pernah mendengar anak damit dibuang di tempat-tempat pembuangan sampah, sungai, rumah-rumah persendirian dan kawasan publik. Fenomena ini walaupun ianya jarang berlaku tetapi senarionya sudah jelas sangat mengaibkan dan menjejaskan imej negara kita sendiri.

Soalnya sekarang di manakah kasih sayang kita terhadap anak-anak damit yang tidak berdosa itu. Mengapakah masyarakat kita tergamak melakukan perkara yang terkutuk itu. Persoalan ini sering bermain dan menjadi bualan masyarakat apabila saja berlaku perkara sedemikian. Pelbagai saranan dan komen orang ramai terhadap isu tersebut. Masyarakat Brunei yang terkenal dengan masyarakat penyayang dan tahap kekeluargaan yang tinggi sangat memandang berat perkara ini. Apa yang dikhuatiri, isu sosial seperti ini akan berlarutan dan menjadi perkara lumrah.

Semua pihak perlu memainkan peranan dalam perkara ini terutama sekali ibu bapa dalam memata-matai aktiviti anak-anak mereka. Adalah dipercayai perkara ini berpunca daripada pergaulan bebas, kurangnya pendidikan ugama dan keruntuhan rumah tangga. Kerajaan dalam mengawal isu tersebut daripada berlarutan telah memperuntukkan undang-undang mengenai kesalahan berhubung dengan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah Kanak-Kanak 2000 bagi kes-kes pengabaian, penganiayaan, pendedahan atau pembiaran kanak-kanak. Di bawah undang-undang itu mana-mana orang yang, iaitu orang memelihara kanak-kanak, menganiaya, mengabaikan, membiarkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkan fizikalnya tercedera atau perasaannya terluka atau menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibiarkan atau didedahkan boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga tujuh tahun dengan 10 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari $20 ribu atau kedua-duanya sekali.

Apa yang menjadi persoalan isu-isu sosial seperti pembuangan anak damit, penderaan kanak-kanak dan isteri-isteri, keganasan dalam rumah tangga, perkosaan, gangguan mental dan fizikal kanak-kanak dan wanita terus berlaku dan berleluasa di negara ini. Perbuatan sedih ini terus menimpa malang kanak-kanak dan wanita. Soalnya juga sekarang timbul di mana kasih sayang kita terhadap golongan yang lemah ini. Mengapakah kita mensasarkan golongan sedemikian, sedangkan kita berkewajipan untuk melindungi keselamatan serta hak-hak mereka dari dicabuli dan dianiaya.

Perkara ini diakui dan ditimbulkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika bertitah di Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh pada 11 Januari lalu. Antara lain baginda bertitah bahawa keganasan dalam rumah tangga, perkosaan, pencerobohan dan kedua-dua penderaan mental dan fizikal terus berlaku bukan sahaja di rumah dan di jalan-jalan raya tetapi juga di tempat-tempat lain di mana kaum wanita dan kanak-kanak sentiasa menjadi sasaran akibat nafsu yang kejam dan tidak berperikemanusiaan itu.

Apa yang menyedihkan kebanyakan penderaan di negara berlarutan dan tidak diadili kerana para mangsa tidak mengetahui undang-undang atau hak-hak mereka. Ke arah itu, baginda menekankan supaya keganasan dan penderaan tersebut ditangani melalui gabungan pendidikan dan hukuman yang lebih berat ke atas para penjenayah yang melakukannya. Bagi menangani isu keganasan itu, semua wanita seharusnya mengambil perhatian berat dan peka terhadap persoalan itu. Kunci utama kepada mewujudkan keluarga yang bahagia dan masyarakat yang berakhlak mulia, berdisplin, penyayang dan bersatu padu adalah bermula daripada peranan ibu bapa dan suasana rumah tangga yang tenteram dan bahagia.

Ke arah tujuan itu, persatuan dan pertubuhan wanita mempunyai peranan sebagai penggerak dan 'catalyst' pada mengukuhkan dan menstabilkan institusi kekeluargaan yang kini semakin terabai dan diabaikan. Kegiatan-kegiatan yang menjurus kepada pameran, bengkel dan seminar memberikan asas dan pengetahuan yang terkini kepada kaum wanita mengenai pengurusan dan pentabdiran rumah tangga serta keluarga. Secara langsung ini dapat menyumbang dan mewujudkan masyarakat yang dinamik, berdisiplin, bersatu padu dan pemedulian. Tindakan-tindakan bersepadu yakni 'integrated approach' dan kerjasama yang erat di kalangan mereka amatlah mustahak dalam menangani isu-isu sosial di negara ini. Persatuan-persatuan wanita berserta NGO perlu melihat perkara ini secara makro terutama hal yang menyangkut hak-hak wanita dan kanak-kanak. Kita perlu memberikan kefahaman kepada masyarakat di negara ini khususnya ibu bapa dan pasangan muda akan peranan penting yang dimainkan oleh institusi keluarga.

Sesungguhnya, bagi menangani fenomena sosial di negara ini dari terus membiak, peranan institusi keluarga penting bagi pembangunan ummah dan ketahanan bangsa dan negara. Sudah tiba masanya bagi kita mempertahan dan memperkukuhkan ikatan kekeluargaan yang sedia wujud berlandaskan kepada ajaran Islam dan adat istiadat orang-orang Brunei. Kerana dalam kita menuju kemajuan dan pembangunan cemerlang, kita tidak mahu terikut-ikut dan mengikuti jejak langkah yang dirintis oleh negara-negara maju yang berjalan di atas keruntuhan sosial dan akhlak. Sama-samalah kita berdoa semoga kekejaman dan penderaan kanak-kanak dan wanita yang sangat kejam dan menyayat hati tidak menjadi duri dalam daging dalam kehidupan seharian kita. Ternyata keutuhan institusi keluarga merupakan ejen utama bagi menghasilkan masyarakat yang dinamik, berdaya maju dalam membangun bangsa dan negara.

**HALUAN...**

# Prinsip ekonomi, kewangan Islam mendapat pengiktirafan antarabangsa

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

SAYA ingin mengucapkan tahniah kepada Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar Universiti Brunei Darussalam dan Institut Penyelidikan dan Latihan Islam, Bank Pembangunan Islam Jeddah kerana sama-sama menganjurkan Persidangan Antarabangsa Perbankan dan Kewangan Islam. Sudah tiba masanya bagi institusi pendidikan tinggi menghalakan sumbernya serta memberikan tumpuan yang khusus terhadap perkara ini. Saya percaya bahawa hasil dari kerja keras serta dedikasi awda, persidangan ini akan membawa kepada kesedaran dan penghargaan yang lebih besar kepada orang awam, dalam negeri, di rantau ini dan pada peringkat antarabangsa, mengenai asas teori serta implikasi praktikal subjek yang menjadi perbincangan.



**UCAPAN Menteri Pendidikan selaku Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Perbankan dan Kewangan Islam pada 12 Zulkaedah 1424/5 Januari 2004.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM**

Kami mendapat penghormatan atas kehadiran sejumlah cendekiawan serta para pengamal yang akan menyampaikan kertas kerja mereka sepanjang tiga hari ini. Para penceramah dan peserta akan berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan serta pengalaman di samping menjalinkan satu rangkaian dan kerjasama di antara satu sama lain.

Sejak tahun 1930-an, bilamana asas teori pertama bagi sistem ekonomi dan kewangan Islam moden mula dikonsepsikan di India, yang diikuti dengan kemunculan bank-bank Islam pertama di Mesir kira-kira 30 tahun kemudian, alhamdulillah langkah-langkah yang besar diambil ke arah merealisasikan matlamat penting bagi mewujudkan sistem kewangan dan ekonomi yang saksama yang dapat memenuhi keperluan semua - orang-orang Islam juga yang bukan Islam. Atas segala usaha sedemikian, terdapat pengiktirafan antarabangsa yang meningkat bagi prinsip-prinsip ekonomi dan kewangan Islam, bukan hanya sebagai pengaruh teori yang berkembang, bahkan juga kemungkinan rangka kerja berdaya maju bagi infrastruktur ekonomi antarabangsa pada masa hadapan.

Kemajuan besar yang telah dicapai setakat ini adalah hasil dari usahasama erat di antara para cendekiawan Islam, institusi kewangan serta kerajaan; yang merupakan testimoni bahawa orang-orang Islam boleh berjaya bila kami bersatu padu, insya-Allah. Tetapi mungkin pengajaran yang lebih penting dari kesemua ini adalah keupayaan orang-orang Islam menghalakan perubahan yang berlaku dalam persekitaran mereka. Kemajuan pesat yang dibuat oleh orang Barat dalam membina infrastruktur ekonomi dan kewangan di seluruh dunia membawa orang-orang Islam ke dalam situasi yang pada mulanya mereka terpaksa selaraskan dengan sistem yang sememangnya tidak konsisten dengan syariah. Namun, alhamdulillah, dalam menghadapi tentangan sedemikian, banyak orang Islam kini dipengaruhi oleh institusi-institusi kewangan yang dianggap 'mematuhi syariah'. Orang-orang Islam pada hari ini kini berupaya untuk menyertai dalam rangka kerja kewangan semasa hasil dari usahasama kami.

Segala kejayaan yang telah kami capai setakat ini menjadi bukti bukan hanya atas kemampuan kami mengamalkan konsep-konsep ekonomi dan kewangan yang baru dalam menghadapi realiti perubahan bahkan juga keupayaan kami untuk menghalakan segala perubahan tersebut dengan cara memesrakan konsepsi yang baru. Penggunaan prinsip-prinsip mudharabah dan musharakah, misalnya memberikan rangka kerja konsepsi bagi institusi perbankan dan kewangan untuk berfungsi bersama-sama dengan bank-bank konvensional. Simpanan semasa, simpanan pelaburan dan simpanan biasa dan banyak lagi yang lain biasanya lebih dikaitkan dengan bank-bank konvensional kini merupakan kemudahan biasa yang diberikan oleh bank-bank Islam. Dinamik intelek ini merupakan komponen penting dalam proses menyelaraskan perubahan sosioekonomi dan cara bagaimana perubahan dibentuk; sebagaimana orang-orang Islam tidak semata-mata bertindak terhadap proses perubahan ini, malahan mereka menghalakannya dengan cara penyatuan konsepsi yang inovatif.

Pencapaian ini tidak dapat disangkal lagi merupakan mercu tanda penting dalam pembangunan ummah Islam pada keseluruhannya, mereka masih merupakan orientasi reaktif yang positif untuk berubah bagi pihak kita. Prinsip-prinsip Islam terus digali untuk menumpukan perhatian kepada landskap sosioekonomi yang kerap berubah di mana kita diami. Apa yang kita temui, adalah persekitaran di mana kita diami yang sentiasa menentukan cara kita mengambil tindakan, yang memaksa kita mencari cara dan jalan untuk mengamalkan segala perubahan tersebut agar ianya 'mematuhi syariah'. Daripada menentukan penghidupan harian kita kerana mengikut kebiasaan yang diperlukan oleh syariah, orang-orang Islam masih menghadapi kesulitan mengikut kebiasaan yang ditentukan oleh orang lain, terutama sekali dalam bidang-bidang kewangan dan ekonomi.

Bagi agama Islam dan orang Islam untuk mendapatkan kedudukan yang membolehkan kita menentukan keadaan sosioekonomi dunia, dalam suasana pada masa ini, mungkin agak mustahil. Namun kita sekurang-kurangnya dapat melihat cara-cara mewujudkan rangka kerja ekonomi dan kewangan yang dapat memenuhi segala keperluan kita atau meninjau dimensi kewangan syariah yang lain yang dapat menyumbang ke arah pembinaan rangka kerja ekonomi Islam yang lebih komprehensif.

Adalah penting untuk tidak melupakan hakikat bahawa pembinaan sistem perbankan dan kewangan Islam - meskipun sememangnya penting - ianya hanyalah satu aspek pelbagai dimensi sistem ekonomi yang 'mematuhi syariah' pada keseluruhannya. Satu lagi aspek penting sistem ekonomi Islam dan satu-satunya yang mungkin kurang diberi perhatian adalah peranan zakah. Kemungkinan kita terlupa, di mana riba ditegah, kewajipan zakah sememangnya diwajibkan ke atas kita. Demikianlah beratnya kewajipan memberi zakah di mana tiada ayat dalam Al-Quran yang menyentuh tentang kewajipan salah yang tidak menyebut tentang pemberian zakah. Justeru itu, jika kebimbangan melanggar larangan Allah mendorong kita untuk mencapai kecanggihan kewangan yang kita miliki, sewajarnyakah usaha yang sama tidak boleh dipenuhi seperti yang telah diperintahkan?

Berdasarkan peranan penting yang dimainkan oleh bank-bank untuk mengawal segala kegiatan kewangan harian kita, sudah tiba waktunya untuk meninjau kemungkinan mewujudkan sistem institusi pengutipan dan pembahagian zakah. Dengan cara apakah zakah, jika dikutip dengan teratur dan dibahagikan dengan efisien, melibatkan kestabilan ekonomi? Bolehkah penanaman 2.5 peratus aset cecair oleh segmen masyarakat yang berkemampuan kepada strata ekonomi golongan rendah dapat memainkan peranan yang stabil dalam perlaksanaan ekonomi pada keseluruhannya?

Akibat yang lebih ketara dalam sistem zakah yang diinstitusikan adalah menyempitkan sumber yang berlebihan, yang demikian mengurangkan keupayaan mereka yang kaya bagi penggunaan yang boros serta pelaburan spekulatif. Disebabkan oleh peratus yang agak kecil dituntut oleh syariah untuk diagihkan kepada yang miskin dan yang memerlukan, pengurangan penggunaan yang boros dan pelaburan spekulatif tidak semestinya sama dengan ketiadaannya. Ianya akan menyebabkan mereka yang kaya lebih menitikberatkan pelaburan produktif. Di sebalik itu, bagi strata ekonomi yang lebih rendah, jika berpeluang menerima 2.5 peratus dari keseluruhan aset cecair Islam - yang miskin dan yang memerlukan lebih cenderung menghabiskan wang semata-mata kerana diperlukan bukan untuk menabung. Secara teori, ianya bererti perbelanjaan minima secara tetap ke atas keperluan sekurang-kurangnya 2.5 peratus dari jumlah pelaburan dan penabungan orang Islam.

Penyiasatan selanjutnya jelas perlu dijalankan, dan bukan tujuan saya untuk memulakan penjelasan secara teori faedah ekonomi dari zakah. Tetapi apa yang dimaksudkan di sini hanyalah untuk menyarankan kepada kumpulan cendikiawan yang terbilang ini, bahawa pemetakan yang meningkat di antara objektif ekonomi dan kewangan kita tidak seharusnya dibahagikan lagi sepanjang garisan semata-mata kerana 'motivasi keuntungan' tetapi hendaklah digabungkan di atas pangsi 'orientasi keuntungan'. Dengan cara ini, institusi kewangan Islam seharusnya tidak dipandu semata-mata oleh kuasa keuntungan tetapi tertumpu ke arah tanggungjawab sosioekonomi yang lebih besar; sesuatu yang dikukuhkan oleh keuntungan yang diperolehi daripada ekuiti ekonomi dan kewangan.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua penceramah dan peserta ke negara kami yang aman damai. Harapan saya agar persidangan ini mendatangkan manfaat kepada rakyat Negara Brunei Darussalam terutama sekali dan semua ummah pada umumnya lebih-lebih lagi dalam era di mana nilai-nilai keislaman sentiasa menghadapi cabaran.

Dengan tawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari ini, 12 Zulkaedah 1424 bersamaan 5 Januari 2004 dalam suasana yang penuh berkat ini, dengan ini saya merasmikan Pembukaan Persidangan Perbankan dan Kewangan Islam Antarabangsa.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# MENJELANG SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE - 20

## HURAIAN LOGO

KONSEP Logo ini ialah 'Patriotisme'. Logo ini mengandungi reka bentuk kontemporari dengan MOTIF KERIS yang membawa makna-makna tertentu dalam menyampaikan mesej tema: 'PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA'.

Melambangkan IDENTITI BANGSA BRUNEI yang memiliki semangat PATRIOTISME. Insya-Allah akan menjadikan anak-anak watan lebih bertenaga, hidup dan berdisiplin untuk menolak segala gejala yang boleh merosak bangsa dan memporak perandakan KEAMANAN dan KESTABILAN NEGARA. Dalam waktu yang sama berdaya upaya menciptakan KEMAJUAN-KEMAJUAN.

Melambangkan SEMANGAT dan KOMITMEN anak-anak bangsa membangun serta memajukan bangsa dan negara di pelbagai bidang kehidupan dengan penuh KEINSAFAN serta IKHLAS semata-mata kerana ALLAH SUBHANAHU WAATALA jua.

Melambangkan CALAK PATRIOTISME BRUNEI dengan falsafah dan berlandaskan nilai-nilai luhur Falsafah Negara 'MELAYU ISLAM BERAJA'

Merupakan motif utama dalam logo ini sebagai ciri atau adat tradisi MELAYU BRUNEI yang melambangkan SENJATA, SENI PERTUKANGAN, KEBUDAYAAN, ADAT ISTIADAT dan sebagainya yang menjadi kebanggaan orang-orang Melayu Brunei yang kaya dengan Adat Budaya Ketimuran.

Melambangkan PATRIOTISME atau SEMANGAT cintakan tanah air dengan nilai-nilai luhur bangsa yang kita warisi sejak zaman-berzaman.

Merupakan sebuah pernyataan SEMANGAT BERSEDIA dan RELA BERKORBAN untuk BANGSA, AGAMA dan NEGARA pada memelihara MARUAH, MARTABAT dan KEDAULATANNYA.

Melambangkan nilai PATRIOTISME mengikut cara kita boleh dijadikan sebagai ASAS/PEMANGKIN/TERAS kepada keteguhan Negara dalam erti kata NEGARA BRUNEI DARUSSALAM yang AMAN, MAJU, MAKMUR, KUKUH, SELAMAT, SEJAHTERA, TETAP MERDEKA DAN BERDAULAT.

## DPPW menerima mengadap dua perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN. - 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia, Tuan Yang Terutama Allaster Edward Cox, yang akan menamatkan perkhidmatannya dan Duta Besar Republik Sosialis Viet Nam yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ha Hong Hai dan perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Allaster Edward Cox, Duli Yang Terutama Mulia menyampaikan penghargaan di atas khidmat Tuan Yang Terutama semenjak tiga tahun yang lalu dan berharap Tuan Yang Terutama terus berjaya di masa-masa akan datang.

Tuan Yang Terutama dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Januari 2001.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Ha Hong Hai.

Semasa perjumpaan itu Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Duta Besar baru tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara dua hala.

Tuan Yang Terutama sebelum ini bertugas sebagai Timbalan Pengarah International Studies Review, Institut Perhubungan Antarabangsa, Viet Nam.





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima mengadap TYT Ha Hong Hai, Duta Besar Republik Sosialis Viet Nam yang baru ke negara ini (kanan) dan Pesuruhjaya Tinggi Australia, TYT Allaster Edward Cox (bawah kanan).**

| DAIRI PELITA BRUNEI | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **MASA** | **MAJLIS/CARA** | **TEMPAT** |
| **RABU 21 Januari 2004** | 7.30 pagi | Perbarisan Pegawai Pemerintah Daerah Temburong & Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat kepada anggota-anggota polis Daerah Temburong | Balai Polis, Temburong |
| | 8.00 pagi | Seminar 'Managing Organisational Change – Leveraging The E-Initiatives' | Dewan Sukma Indera, Pusat Pengurusan ASEAN-EC |
| | 8.30 pagi | Mesyuarat Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bersama Pegawai Daerah Brunei dan Muara | Bilik Gerakan Silaturahim, Jabatan Daerah Brunei dan Muara |
| | 9.00 pagi | Penyampaian Skim Galakan Khatam Al-Quran | Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan |
| | 9.00 pagi | Majlis Penyerahan Bangunan Masjid Perpindahan Negara Bukit Beruang | Masjid Perpindahan Negara Bukit Beruang, Kg. Perpindahan Negara, Bukit Beruang. |
| | 8.00 malam | Majlis Ramah Mesra Ahli Jawatankuasa Pegawasan Kejiranan Kampong STKRJ, Mata-Mata Gadong | Rumah Pg. Hj. Mohammad bin Pg. Hj. Ludin, No. 14 Spg. 207-10 STKRJ Mata-Mata, Gadong |
| **JUMAAT 23 Januari 2004** | 8.00 pagi | Majlis Membaca Surah Yaasiin/Tahlil/Doa Arwah sempena Hari Polis Ke-83 Tahun | Tapak Perkuburan Orang-Orang Islam, Kg. Subok, Jalan Residency |
| | 2.30 petang | Majlis penyampaian bantuan alat-alat sekolah | Dewan Persidangan Utama Blok A, Kementerian Pendidikan |
| **SABTU 24 Januari 2004** | 2.30 petang | Perjumpaan Besama Pengusaha-pengusaha Permit Bas 2004 | Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan |
| **ISNIN 26 Januari 2004** | 8.00 pagi | Pembukaan Rasmi Bengkel Intensif Penyambut Tetamu / Telefon Operator | Institut Perkhidmatan Awam |
| | 8.00 pagi | Sambutan Hari Kastam Antarabangsa | Ibu Pejabatn Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar |
| **SELASA 27 Januari 2004** | 2.00 petang | Penutupan rasmi Bengkel Intensif Penyambut Tetamu / Telefon Operator | Institut Perkhidmatan Awam |

**Nota: Maklumat diterima sehingga petang 20 Januari 2004**
**Acara tertakluk kepada perubahan.**

**Senyum Budiman**



# Spesies herba tempatan berpotensi untuk dimajukan

Oleh
Ak. Jefferi PD

JERUDONG, 15 Januari. - Spesies herba yang terdapat di negara ini mempunyai nilai tersendiri yang sebahagian besarnya tidak terdapat di negara lain dan inilah satu daripada aspek yang berpotensi untuk dikembangmajukan oleh usahawan-usahawan dan peneroka-peneroka herba yang berkemampuan untuk bergiat dalam bidang ini.

"Memang tidak dapat dinafikan bahawa Negara Brunei Darussalam memang kaya dan subur dengan tumbuh-tumbuhan yang mengandungi nilai perubatan aslinya yang tersendiri.

"Keunikan sumber asli yang berkhasiat tersebut perlulah dieksploitasi oleh para pencinta herba untuk diketengahkan bagi kepentingan kesihatan dan kecantikan tubuh badan agar tidak semata-mata bersandarkan kepada perubatan saintifik yang diadun dari makmal-makmal sahaja." Perkara tersebut ditekankan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman, di Majlis Pembukaan dan Perasmian Taman Botani Herba Tradisional di Ladang Kerajaan-Luahan Jerudong.

Beliau menambah kata, kewujudan Taman Botani Herba Tradisional yang dilaksanakan oleh Syarikat Saudy Marketing sebuah syarikat yang dipunyai oleh anak tempatan amat menarik perhatian beliau yang mana kewujudan taman ini difahamkan untuk mempelbagaikan penggunaan herba sekali gus menjurus ke arah suatu eposid legenda herba untuk mendidik generasi muda dalam membina kesihatan bangsa, hasil daripad tumbuhan ubat pusaka khazanah negara ini.

"Kita harus berasa bangga ke atas meningkatnya ubat-ubatan tradisional yang menggunakan herba yang dihasilkan di negara ini dan diharapkan ianya akan dapat menyumbang dan mendokong ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi Negara," tambah Dato Paduka.

Dato Paduka seterusnya menambah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 akan terus mengambil perhatian yang sewajarnya dalam membantu perlaksanaan projek tersebut dalam meningkatkan koleksi dan mengenal pasti spesies tanaman tempatan yang mengandungi unsur-unsur perubatan bagi mencapai kejayaan projek tanaman herba seperti ini.

Dato Paduka juga berharap semoga Syarikat Saudy Marketing ini nanti akan dapat memenuhi keperluan dan permintaan orang ramai dan pihak pengguna ke atas ramuan ubat-ubatan berasaskan herba yang selamat untuk digunakan tanpa kesan sampingan yang negatif.

"Sehubungan dengan ini, diharap syarikat ini akan dapat menumpukan sepenuhnya ke arah menghasilkan produk yang berkualiti dan memenuhi piawaian antarabangsa dan produk hasil negara ini akan dapat menembusi pasaran serantau dan antarabangsa," tambah Dato Paduka.

Seterusnya Dato Paduka menambah kata, dalam pada itu, adalah diharapkan agar syarikat ini akan sentiasa peka dan prihatin terhadap apa jua kesan sampingan yang negatif daripada ramuan herba yang disediakan dan tidak akan menghampakan harapan kita semua demi untuk menyahut seruan negara 'Rakyat Sihat Negara Maju'.

Saudy Marketing adalah sebuah syarikat yang dipunyai oleh anak tempatan iaitu Dr. Saadiah binti Minggo@Mansor. Saudy Marketing menjalankan perusahaan membuat ubat-ubatan berdasarkan herba tradisional bagi makanan kesihatan dan kecantikan. Syarikat ini telah menjalankan perusahaannya lebih 15 tahun iaitu bermula dari perusahaan secara kecil-kecilan semenjak akhir tahun 1985.

Pada bulan November 2002, Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengagihkan kepada beliau satu tapak Kawasan Pertanian Luahan Jerudong seluas empat hektar bagi memperkembangkan perusahaan beliau khususnya dalam memajukan tanaman herba tradisional. Pengagihan tapak perusahaan tersebut merupakan salah satu langkah jabatan ini dalam memberikan bantuan dan kemudahan bagi memajukan sektor pertanian sebagai salah satu sumber ekonomi negara.

Prosedur pengagihan tapak ini telah pun diatur semula bagi memastikan kesempurnaan dan keberkesanan penggunaan tapak-tapak kawasan pertanian yang diagihkan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman menanam sepohon pokok herba sebagai tanda pembukaan dan perasmian Taman Botani Herba Tradisional. Majlis berlangsung di Ladang Kerajaan-Luahan Jerudong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



DATO Paduka Haji Idris menerima penerangan ringkas mengenai sepohon pokok herba yang ditanam di Taman Botani Herba Tradisional oleh Syarikat Saudy Marketing iaitu sebuah syarikat yang dipunyai oleh anak tempatan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

# UBD akan terus terbitkan buku akademik

Oleh
Abdullah Asgar

TUNGKU, 14 Januari. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman berkata UBD akan terus memegang peranan yang lebih besar dan penuh cabaran di masa akan datang dalam aspek penulisan serta penerbitan buku akademik.

Jelasnya, peranan ini adalah seiring dengan perkembangan dunia dan negara di mana UBD adalah 'player' dan tidak dapat tidak akan terpaksa menangani dan menghadapinya.

"Cuma melaksanakan dengan cara yang bersesuaian dengan fungsi dan peranannya kerana di UBD terdapat cerdik pandai yang mempunyai kepakaran akademik sesuai dengan misinya bagi melahirkan idea dan pemikiran yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai," tambahnya.

Beliau menegaskan kenyataan itu ketika berucap di Majlis Pelancaran Buku 'Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah' di sini.

Katanya, semakin tinggi tamadun dunia yang kita alami dan lalui maka semakin banyak pula bentuk perubahan dan keanehan dalam corak kehidupan serta gelagat manusia yang mengharapkan sesuatu yang boleh memberikan jawapan terhadap masalah yang mereka hadapi.

Oleh itu, tegasnya, dalam hal ini UBD tidak dapat memandangnya sambil lewa atau 'ignore' akan kehadiran semua perubahan itu, kerana ia sudah menjadi sebahagian daripada 'variable' dalam budaya kehidupan akademik kita.

"Misalnya pelajar kita tidak lagi akan berdiam diri menerima pelajaran melalui konteks di Bilik Kuliah dan Tutorial semata-mata, mereka sudah didedahkan dengan kecanggihan ICT dan media yang agresif dalam menyalurkan maklumat serta ilmu pengetahuan," tegas beliau.

Jelasnya, UBD akan diberikan amanah untuk menjadi pembimbing, pemimpin, pengajar dan sebagainya, untuk orang yang diberikan kepercayaan mestilah membuat usaha yang lebih gigih, tidak hanya mengharapkan apa yang kita miliki sudah lengkap dan mencukupi.

"Merujuk kepada bidang pengajaran, kita mestilah melihat dan menilai semula apakah kaedah pengajaran kita sudah memadai dan mencukupi untuk diseimbangkan dengan kepesatan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), seperti ini," katanya.

Buku 'Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah' adalah hasil tulisan seorang pensyarah di UBD, Awang Zelzy Shahar Al-Johary yang sekarang melanjutkan pengajian di London untuk mendapatkan Ph.d.

Beliau yang sekarang tahun dua untuk memperolehi Ph.d. juga bertekad akan menulis beberapa buku lagi untuk digunakan orang ramai khasnya guru-guru di Kementerian Pendidikan.

Buku tersebut amat berguna untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada guru-guru di negara ini khasnya mereka yang mengajar mata pelajaran sejarah kerana ia banyak memberi tunjuk ajar yang berguna untuk dipraktikkan ketika mengajar dalam bilik darjah.

Kini buku tersebut telah banyak ditempah oleh Kementerian Pendidikan untuk digunakan oleh guru-guru, ia dijual dengan harga $9.00 senaskhah ia adalah terbitan Jabatan Pendidikan Sastera dan Sains Kemasyarakatan, UBD.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail (tiga dari kiri) hadir melancarkan Buku 'Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah'. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

# PESTA BUKU BRUNEI 2004

BANDAR SERI BEGAWAN - Sempena menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-20 tahun ini, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan Pesta Buku 2004 selama 10 hari bermula pada 25 Februari hingga 5 Mac, 2004 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pesta Buku 2004 akan dirasmikan pada pagi Rabu 25 Februari 2004 yang dibukakan kepada orang ramai pada hari tersebut mulai jam 11.00 pagi hingga 10.00 malam, dan pada hari-hari berikutnya mulai 9.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat iaitu 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 10.00 malam.

Untuk pesta ini pihak penganjur menyediakan lebih 70 buah gerai untuk ditempah oleh toko-toko buku, pencetak dan penerbit buku atau pembekal-pembekal teknologi maklumat seperti komputer dan bahan pendidikan lain dari dalam negeri dan juga dari luar negeri.

Toko-toko buku, pembekal atau pengedar bahan pendidikan yang berminat bolehlah menghubungi Setiausaha Bersama Pesta Buku, Awang Haji Osman bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohamad Tamin, Dayang Siti Zaleha binti Haji Kaprawi atau Awang Haji Alipudin bin Haji Omarkandi di talian telefon 2382511 di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama, Berakas untuk mendapatkan borang penyertaan. Tarikh tutup untuk menghantar borang tersebut ialah pada 21 Januari 2004.

Pesta Buku 2004 juga akan dimeriahkan dengan beberapa persembahan dan kegiatan sampingan sepanjang ia diadakan bagi membolehkan para pengunjung menyaksikan dan seterusnya menyertai kegiatan-kegiatan berkenaan seperti forum mengenai 'Buku Untuk Semua', peraduan membaca puisi/syair, peraduan menulis khat jawi, kuiz, origami, uji ingatan, peraduan melukis dan mewarna, mencari benda tersembunyi dan banyak lagi.

Satu lagi kegiatan dalam bidang penerbitan yang diselajurkan dengan Pesta Buku, akan diadakan ialah Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS). Pertubuhan ini merupakan sebuah badan yang prihatin terhadap lalu lintas penerbitan. Ia terdiri daripada kesepakatan empat buah negara anggota yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam sendiri, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Pada tahun ini, giliran Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah untuk menyelenggarakan forum yang diberi tajuk 'Pemasaran dan Promosi Buku' dan 'Dasar Buku-buku Terlarang'. Setiap peserta atau gerai akan diundang untuk menyertai forum ini yang akan berlangsung pada hari Khamis 26 Februari 2004 di Hotel Orkid Garden.

Orang ramai yang berminat dan ingin membudayakan diri dengan bahan bacaan adalah dipersilakan mengunjunginya.



# Penyampaian sijil perlantikan Ketua Kampong Rimba

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan menyampaikan sijil perlantikan Ketua Kampong Rimba yang baru, Awang Puspa Wira bin Haji Md. Noor (gambar atas).

Awang Puspa Wira mula dilantik sebagai Ketua Kampong Rimba pada bulan Oktober tahun lalu bagi menggantikan Haji Sisa bin Haji Ahmad yang sekarang menjadi Ketua Kampong Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba sejak September 2001 lalu. Kampong Rimba terletak di bawah Mukim Gadong kini mempunyai lebih 330 orang penduduk dengan mempunyai pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika meraikan ahli-ahli ACWW di Emperor's Court. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

# Makan tengah hari untuk ahli-ahli ACWW

**Oleh Siti Aishah HS**

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Januari. - 'Bekerjasama Dengan Wanita Di Seluruh Dunia' adalah tema bagi Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh, yang diadakan bermula 11 hingga 17 Januari di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Untuk melahirkan rasa penghargaan di atas penghormatan dan kepercayaan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam dalam mengendalikan persidangan enam hari itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku penasihat jawatankuasa persidangan mengadakan Majlis Makan Tengah Hari bersama ahli-ahli ACWW, di Emperor's Court di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal; Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol dan ahli-ahli jawatankuasa persidangan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam juga hadir sama di majlis berkenaan.




SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pengerusi Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Dato Paduka Haji Hazair mendahului Majlis Menepung Tawar Pesawat Airbus RBA yang baru. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# Pesawat airbus kedua RBA

**Oleh Abu Bakar HAR**

BERAKAS, 15 Januari. - Penerbangan Diraja Brunei (RBA) terus mencipta sejarahnya apabila menerima pesawat kedua jenis Airbus A320 sekali gus memperbesar bilangan pesawatnya.

Ketibaan pesawat yang membawa pendaftaran V8-RBT di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei tepat seperti yang dijadualkan dan seterusnya dialualukan oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pegawai dari syarikat penerbangan berkenaan.

Mendahului Majlis Menepung Tawar bagi pesawat baru itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pengerusi RBA, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Imam Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak.

Pesawat Airbus A320 merupakan pesawat yang kedua setelah yang pertama tiba di negara ini pada 21 Disember tahun lalu dengan dilengkapi sistem hiburan dalam pesawat termasuk kemudahan televisyen personel.

Selain itu pesawat ini dilengkapi dengan 144 tempat duduk yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 'economy class' yang menempatkan sebanyak 12 tempat duduk dan selebihnya bagi kelas ekonomi.

RBA yang baru-baru ini menempa sejarah dengan memperluaskan sayapnya hingga ke New Zealand sehingga kini mempunyai lapan buah pesawat jenis Boeing 767-300s, dua buah pesawat Boeing 757-200s dan empat buah jenis airbus iaitu dua buah A320 dan dua buah A319.



LENSA PELITA

PENCEMARAN alam sekitar akibat pembuangan sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab kini berleluasa dan menjadi isu nasional. Terdapat segelintir masyarakat kita yang melakukan perbuatan atau pembuangan sampah di merata-merata tempat yang sangat menjijikkan mata memandang, bahkan boleh memudaratkan kesihatan dan menjejaskan kesejahteraan serta kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini. Perbuatan yang menyedihkan itu sangat mengaibkan negara lebih-lebih lagi kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Oleh yang demikian amalan tersebut perlulah dikikis.

Kerajaan dalam usaha untuk menangani fenomena tersebut telah menyediakan tempat-tempat pembuangan sampah (seperti dalam gambar) yang lebih teratur dan sistematik. Manfaatkanlah usaha kerajaan yang murni itu ke arah mengekalkan alam sekitar yang bersih dan nyaman mata memandang. Gunakanlah kemudahan yang disediakan itu dengan sebaik-baiknya. Sama-samalah kita menunaikan tanggungjawab sosial itu dan janganlah sewenang-wenangnya membuang sampah di tepi-tepi jalan, kawasan awam, longkang-longkang dan parit-parit. Jadilah masyarakat yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap alam sekitar yang bersih. (Gambar oleh Masri Osman).

# Pegawai ATUDB terima lencana



PEMERINTAH ATUDB, Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin menyampaikan lencana penerbangan kepada seorang pegawai ATUDB (atas), sementara gambar bawah, Leftenan (U) Haji Md. Rahimin dan Leftenan Muda (U) Mohd. Yusree, masing-masing menerima lencana penerbangan. - Gambar oleh Halim HS.



Oleh
Aliddin HM

RIMBA, 15 Januari. - Dua orang pegawai Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB), hari ini menerima lencana penerbangan setelah mereka berjaya menamatkan latihan asas penerbangan di Nombor 3 Skuardon Sekolah Latihan Penerbangan ATUDB di sini.

Sehubungan dengan itu Majlis Penyampaian Lencana Penerbangan kepada dua orang pegawai ATUDB itu telah berlangsung di Markas Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Pangkalan Tentera di sini.

Mereka yang menerima lencana tersebut ialah Leftenan (U) Haji Md. Rahimin bin Haji Ismail dan Leftenan Muda (U) Mohd. Yusree bin Md. Yusainey.

Bagi menyempurnakan penyampaian lencana penerbangan itu telah disempurnakan oleh Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Leftenan (U) Haji Md. Rahimin telah menjalani latihan asas penerbangan pada bulan Jun 2002 hingga Disember 2003, manakala Leftenan Muda (U) Mohd. Yusree juga pada bulan Jun 2002 hingga November 2003.

# Jemaah haji bersyukur menjadi tetamu

Oleh
Haji Ahat HI dan
Gambar-gambar
oleh Haji Masmaleh
HMA

PANGGILAN Kaabah kembali berkumandang dan menggamit perasaan umat Islam untuk mengunjungi rumah Allah bagi menyempurnakan Rukun Islam Kelima. Sekalung tahniah diucapkan kepada umat Islam yang terpilih menjadi tetamu Allah (Duyuful Rahman) pada tahun ini.

Sesungguhnya tidak ada keistimewaan yang paling besar bagi seseorang Islam selain dari dapat diterima menjadi tetamu Allah.

Jika dilihat dari segi kemampuan dan keupayaan maka begitu banyak orang Islam yang mempunyai kemampuan dan keupayaan tetapi masih belum dapat rahmat untuk menjadi tetamu Allah.

Kerana itu, beruntunglah sesiapa jua yang dirahmati Allah yang dibukakan hatinya untuk berkunjung ke rumah Allah yang menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia. Menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan dari Abu Hurairah yang bererti *"Tidak digalakkan mengembara melainkan ke tiga buah masjid iaitu Masjidilharam (di Mekah), masjidku (Masjid Nabawi) di Madinah dan Masjid Aqsa (di Baitul Muqaddis)."*

Salah satu hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah dari Jabir Radiallahuanhu ada menyatakan: *"Satu salat yang dikerjakan di masjidku ini (Masjid Nabawi di Madinah) lebih utama dari seribu salat di masjid-masjid yang lain kecuali Masjidilharam dan satu salat di Masjidilharam lebih utama dari seratus ribu salat di masjid-masjid yang lain)."*

Mereka yang terpilih menjadi tetamu Allah setentunya akan menggunakan kesempatan ke Tanah Suci dengan semaksimam mungkin untuk meraih peluang ganjaran pahala bagi menempa haji mabrur yang balasannya seperti hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Bukhari dan Muslim yang berbunyi: *"Kelebihan umrah kepada satu umrah yang lain, menghapuskan dosa antara keduanya, dan haji yang mabrur (yang sah dan diterima serta tidak bercampur dengan dosa) tidak ada balasannya yang lain melainkan Syurga."*

Dari hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi riwayat An-Nasaie menyebutkan: *"Orang yang mengerjakan haji dan umrah itu ialah tetamu Allah dan pengunjung-pengunjungnya. Jika mereka meminta keampunan nescaya diampunkan-Nya, jika mereka berdoa nescaya dikabulkan dan jika mereka meminta syafaat nescaya diberi-Nya syafaat."*

Melihat kepada besarnya fadilat dan ganjaran mengerjakan haji ini, beberapa orang jemaah yang telah ditemui menyatakan rasa kesyukuran dan gembira apabila niat suci mereka itu terkabul apabila terpilih menjadi tetamu Allah di dua Kota Suci Mekah dan Madinah.

Kesemua mereka menyatakan cita-cita mereka untuk menunaikan ibadat haji kini terlaksana dan hanya perasaan rasa syukur dan gembira mereka panjatkan ke hadrat Allah yang telah memperkenalkan impian mereka.

"Cita-cita saya untuk menunaikan haji ini lama jua sudah dan ani tah sudah lambaiannya yang saya terima. Jadinya saya rasa bersyukur dan gembira apabila menerima lambaian naik haji ini," kata Awang Zaini bin Haji Omar ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI di Majlis Junjung Ziarah di Istana Nurul Iman.

Beliau yang berangkat bersama isterinya dalam penerbangan ketiga melalui pakej Darussalam Holdings memberi tahu bahawa segala persiapan berjalan lancar dan kini dia benar-benar sudah bersedia menyahut panggilan Baitullah.

Berbekalkan azam yang tinggi dan rezeki yang diperolehi katanya, dapatlah dia memenuhi hasrat yang sekian lama terpendam itu.

"Ani, nya orang 'first time' jadi tetamu Allah ni, dan apabila sudah ada lambaiannya siapa pun dikehendaki-Nya tetap jua akan naik dan syukur alhamdullilah kami suami isteri terpilih naik haji."

Perasaan yang serupa juga diluahkan oleh pasangan Awang Mazlan bin Badul dan isteri serta iparnya yang menyimpan untuk ke Tanah Suci.

"Sekarang alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana cita-cita yang sekian lama untuk naik haji ini tercapai. Ini sememangnya sudah rezeki dan syukur saya terpilih menjadi tetamu Allah tahun ini," jelasnya.

Beliau yang menyertai penerbangan ketiga melalui pakej Darussalam Holdings juga telah membuat persiapan yang cukup dengan melengkapkan pengetahuan ibadat haji melalui kursus dan latihan dari Jabatan Urusan Haji.

Melalui latihan lapan minggu yang merangkumi teori dan amali itu katanya, dapatlah dijadikan panduan dalam melaksanakan setiap Rukun dan Wajib Haji semasa di Tanah Suci Mekah.

Awang Haji Abdul Hamid bin Sigai yang juga menunaikan ibadat haji tahun ini bersama isteri dan anak melalui pakej Darussalam Holdings, penerbangan kedua pula mengharapkan agar dapat melaksanakan segala ibadat haji dengan sebaiknya selain menyatakan rasa syukur dapat menunaikan fardu haji.

Pada kesempatan ini digunakanlah untuk menjala sebanyak mana ibadat yang termampu dilakukan untuk meraih haji yang mabrur.

Sesungguhnya amat beruntunglah mereka yang terpilih menjadi tetamu Allah itu kerana dari ibadat yang dilakukan penuh khusyuk, tawaduk, sabar dan rendah diri itu setentunya akan dapat memperolehi ganjaran pahala dan hikmah, dapat mengukuhkan lagi keimanan sekembalinya ke tanah air.



"ANI tah sudah lambaian yang saya terima untuk naik haji...." Awang Zaini bin Haji Omar.



SANAK Saudara dan sahabat handai berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji.



"CITA-CITA yang sekian lama saya untuk naik haji ini tercapai dan syukur ke hadrat Allah...," Awang Mazlan bin Badul.



AWANG Haji Abdul Hamid bin Sigai berharap dapat melaksanakan segala ibadat haji dengan sebaiknya.

# BUDAYA MURNI BUKAN PENGHALANG KEMAJUAN

## FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

BUDAYA dan nilai-nilai murni perlu dipelihara dan dikekalkan bukan sahaja sebagai khazanah warisan bangsa dan kebanggaan kepada sesebuah masyarakat malah menjadi pemangkin kepada keutuhan, perpaduan, kesejahteraan dan pencapaian kecemerlangan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kita mengenali cara kehidupan, perwatakan dan tamadun sesebuah masyarakat itu melalui budaya dan tradisinya kerana budaya dan tradisi sering mempengaruhi pembentukan sifat dan peribadi individu atau kelompok masyarakat itu. Negara-negara di rantau sebelah Timur khususnya di Nusantara memang terkenal dengan kehalusan dan kemurnian budayanya.

Dunia luar mengenali masyarakat Timur sebagai masyarakat yang mempunyai budi pekerti yang tinggi, bersopan santun serta berbudi bahasa. Budaya dan tatasusila ketimuran juga perlu dijadikan teras dan benteng kepada masyarakat dari terjebak kepada segala macam gejala sosial dan perkara-perkara negatif di era globalisasi ini.

Di negara ini kita dididik dengan budaya kebruneian yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Masyarakat kita dikenali sebagai bangsa yang mempunyai identiti kebruneian serta jati diri yang kukuh. Budaya dan nilai-nilai murni itulah yang telah menjadikan bangsa kita dikagumi dan disegani oleh masyarakat luar. Malah jati diri yang dibentuk oleh nilai-nilai murni itu jugalah yang pernah mencatatkan kegemilangan dan kecermalangan bangsa di zaman lampau.

### PENGARUH

Kini suasana sudah berubah, kita berada di perkampungan sejagat dan era digital yang penuh cabaran. Suasana semasa banyak mempengeruhi cara kita berfikir dan bertindak. Ia juga sedikit sebanyak menghakis budaya dan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Pemodenan dan kesibukan tugas umpamanya melonggarkan ikatan persaudaraan. Budaya memucang-mucang sudah semakin berkurangan terutama di kalangan masyarakat di bandar. Misalnya persiapan majlis perkahwinan yang dahulunya dibuat secara bergotong-royong dibantu oleh sanak saudara dan masyarakat kampung kini dikendalikan melalui syarikat-syarikat swasta.

Dahulu untuk mengadakan majlis perkahwinan dan 'kenduri-kendara' yang lain, sanak saudara jauh dan dekat akan datang beramai-ramai membantu mendirikan 'tataruk', membuat pelaminan, menampi beras dan kerja-kerja lainnya. Hidangan untuk jamuan seperti daging, ayam, lauk-pauk, gulaian dan sebagainya akan dipotong dan dimasak beramai-ramai. Semuanya dibuat dalam suasana kekeluargaan yang penuh muhabah.

Tradisi tersebut sudah susut dan jarang-jarang dapat disaksikan. Sekarang kita tidak lagi mendirikan 'tataruk' tetapi khemah yang boleh disewa dari syarikat swasta. Hidangan pula kelazimannya ketika ini ditempah dari syarikat-syarikat katering. Begitu juga pelaminan boleh disewa dari pengusaha 'pelaminan', kita hanya sekadar memilih corak dan warna sahaja. Tradisi dahulu kini hanya tinggal sebagai nostalgia dan kenangan manis bagi mereka yang berusia dalam 'petengahan umur' dan tidak diketahui atau sempat disaksikan oleh generasi kita ketika ini.

### BERUBAH

Perubahan masa sedikit demi sedikit mempengaruhi budaya dan persekitaran. Di kalangan masyarakat sudah terdapat sebilangan remaja yang tidak begitu menghormati 'orang tua-tua' dan sebahagiannya tidak mengenali 'dangsanak'. Ada juga di antaranya yang sudah tidak tahu akan nama-nama 'barangan dan peralatan' tradisi kita. Tidak kurang juga yang tidak tahu erti perkataan-perkataan yang disebut dalam bahasa Brunei'.

Sebagai contoh terdapat remaja yang berziarah dengan orang 'tua-tua' sama sahaja seperti berjabat tangan dengan rakan sebaya tanpa menundukkan sedikit badan atau kepala kalau pun tidak mencium tangan. Padahal orang yang dengan berjebat salam itu jauh lebih berumur darinya apatah lagi kadang-kadang orang itu pangkat 'patuan' sendiri atau 'patuan' sepupu, dua pupu atau tiga pupu.

Perbandingan perubahan budaya generasi hari ini berbanding generasi muda dahulu amat ketara sekali. Dahulu sesuai dengan persekitaran ketika itu, generasi muda tidak begitu terdedah dengan gejala-gejala sosial terutamanya melalui peralatan eletronik dan media massa. Mereka kuat berpegang kepada budaya, adat resam, tatasusila dan niali-nilai murni warisan nenek moyang.

Sekarang sebilangan masyarakat sudah terlibat dengan gejala-gejala negatif seperti kes rompakan, judi, rogol, minum arak, penagihan dadah, samseng, penderaan, pergaulan bebas, buang anak, ponteng sekolah, melawan ibu bapa dan guru, penipuan dan bermacam-macam lagi.

Gejala-gejala seperti ini sangat membimbangkan kita. Ia harus ditangani sebaik mungkin secara bersepadu. Jika tidak, ia akan menggugat keamanan, keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat. Akibat yang paling parah ialah struktur masyarakat akan menjadi pincang dan lemah. Akhirnya negara dan bangsa akan menjadi lemah, kurang cemerlang dan tidak mampu berpacu dengan warga dunia yang lain.

### PRIHATIN

Gejala sosial yang melanda masyarakat sememangnya sudah disedari dan mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perkara tersebut sering disentuh dalam titah-titah baginda dengan memberikan peringatan, nasihat serta saranan cara menanganinya.

Dalam perutusan sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2004 baginda antara lain bertitah agar orang ramai perlu komited bersama kerajaan dalam menjaga keamanan dan keselamatan terutama dalam menangani anacaman-ancaman sosial yang beraneka ragam.

'Di antara ancaman-ancaman sosial itu ialah menyangkut perkara-perkara jenayah, penyalahgunaan dadah serta pelanggaran terhadap undang-undang dan ugama. Semuanya ini menjadi punca penyakit dalam masyarakat di mana pada akhirnya ia boleh menyebabkan keamanan dan ketenteraman binasa'.

Sementara pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang dihadiri oleh lebih seribu profesional muda di sektor awam dan swasta pada 30 November 2003 baginda antara lain bertitah:

*"Kita tidak boleh leka dari mengikuti perkembangan dunia yang begitu cepat dengan kemajuan sains, teknologi dan komunikasi yang secara drastik telah merubah sebahagian cara hidup termasuk beberapa tatacara bekerja dan bertindak yang memberi kesan kepada penghidupan bekeluarga dan bernegara secara keseluruhannya."*

*"Oleh kerana kita tidak dapat menghindarkan diri daripadanya maka mahu tidak mahu memerlukan kita mesti mempunyai persediaan agar kita tidaklah hanyut begitu saja dibawa oleh arus perubahan globalisasi itu. Kita mesti punya pegangan untuk dipegang serta ada dasar untuk memandu kita mengikut hala tuju."*

*"Dalam hubungan ini ajaran ugama Islam telah menjadi 'Suluh Keramat' yang menyampaikan kita kepada cita-cita besar: Kehidupan sejahtera, adil lagi makmur serta aman damai."*

*"Ugama Islam telah menanamkan segala nilai-nilai murni kepada bangsa kita yang digunakan untuk mengwujudkan masyarakat bersatu padu, taat kepada ketua, pemedulian, hormat-menghormati serta pengasihan terhadap sesiapa yang patut dikasihani."*

### CONTOH

Pada bulan Disember 2003, penulis berkesempatan beberapa hari berada di negara Jepun membuat liputan berita Sidang Kemuncak Memperingati Kerjasama ASEAN - Jepun yang berlangsung di Tokyo, ibu negara matahari terbit itu.

Pada pengamatan penulis sepanjang berada di sana rata-rata masyarakat Jepun masih mengamalkan budaya dan tradisi murni mereka. Masyarakat Jepun amat menghormati tetamu. Dalam setiap perjumpaan mereka akan menunduklcan badan dan kepala, begitu juga ketika hendak berpisah. Mereka juga akan bertutur dengan menggunakan bahasa yang lembut serta memberikan perhatian kepada setiap patah perkataan yang kita ucapkan. Selain dari itu mereka sentiasa memberikan penghargaan dengan mengucapkan terima kasih berulang kali.

Apa yang kita ingin tekankan di sini ialah kemajuan yang dicapai oleh negara ini. Jepun merupakan antara negara yang begitu maju, berteknologi tinggi serta mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Di bidang elektronik dan kejuruteraan, Jepun merupakan negara yang cukup dikenali. Peralatan elektrik, jentera dan kenderaan menembusi pasaran dunia. Selain harga berpatutan, kualiti pembuatan juga diyakini oleh masyarakat dunia.

Kepakaran yang mereka miliki juga dipindahkan kepada negara-negara lain melalui kerjasama dan bantuan teknikal. Bagitu juga kekayaan yang mereka miliki disumbangkan kepada negara lain melalui Bantuan Rasmi Pembangunan (ODA) khususnya ke negara-negara Asia Tenggara melalui kerjasama ASEAN-Jepun.

Apa yang cuba kita analisa dan contohi di sini ialah bahawa budaya murni bukan penghalang kepada kemajuan malah menjadi pemangkin kejayaan dan kecemerlangan seperti yang berlaku kepada masyarakat Jepun.

Atas kesedaran itu jugalah Deklarasi Tokyo Bagi Perkongsian ASEAN-Jepun Yang Dinamik dan Berkekalan Di Milenium Baru dan Pelan Tindakannya menekankan bagi 'Pengekalan Budaya Warisan' sebagai sebahagian asas kerjasama ASEAN - Jepun. Ini jelas bahawa kedua belah pihak perlu mengekalkan budaya dan tradisi murni dalam menjalin kerjasama, meneroka pembangunan serta mengekang gejala sosial.

### KESIMPULAN

Pada kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama Islam yang maha suci, di samping mengekalkan budaya dan tardisi murni kebruneian untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.

Budaya murni bangsa berteraskan ajaran ugama Islam akan menjadi benteng dalam mengekang segala rupa bentuk gejala negatif malah menjadi perangsang dan teras dalam memperkukuh jati diri bangsa bagi mewujudkan bangsa cemerlang dan negara terbilang.

# Orang ramai perlu berhati-hati dan waspada

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei mengingatkan orang ramai untuk mengambil langkah berhati-hati di musim menjelang Hari Raya Tahun Baru Cina 2004 Masihi yang akan datang.

Menurut siaran akhbarnya hari ini, langkah berhati-hati adalah perlu bagi mengelakkan si penjenayah mengambil kesempatan atau peluang pada hari cuti awam berikutan dengan merayakan perayaan tersebut di negara ini ataupun luar negara dengan meninggalkan rumah-rumah mereka untuk menziarahi keluarga atau melancong ke luar negeri.

Dalam suasana sedemikian, orang ramai hendaklah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

Rumah hendaklah dikunci dan memastikan kunci pintu dan jendela berkeadaan baik dan selamat; Kawasan rumah hendaklah diterangi dengan lampu termasuk sebilangan lampu di dalam rumah; memaklumkan jiran atau saudara mara mengenai dengan ketiadaan kita di rumah supaya mereka dapat memata-matai rumah berkenaan; barang-barang kemas atau berharga hendaklah disimpan dengan selamat; keadaan lampu elektrik dan kepala gas hendaklah diperiksa bagi mengelakkan kebakaran dan jangan ditinggalkan barang-barang atau alat-alat di luar rumah yang boleh digunakan oleh penjenayah bagi melakukan jenayah.

Ketika membeli-belah di kedai-kedai atau pasar-pasar raya pihak polis juga mengingatkan wang dan barang-barang persendirian seperti kad pengenalan, kad kredit, lesen memandu dan sebagainya hendaklah disimpan di dalam beg serta saku dengan baik dan selamat bagi mengelakkan terjadinya kejadian saluk saku dan ragutan. Jangan membawa wang tunai terlalu banyak dan satu perkara yang penting ialah memastikan pintu-pintu dan tingkap-tingkap kereta ditutup rapat dan dikunci semasa membeli-belah.

"Apabila melakukan pengeluaran wang tunai di bank, khususnya ketika musim perayaan dan juga semasa pengeluaran wang-wang gaji dan bonus tidak lama lagi kita hendaklah berhati-hati dan berjaga-jaga. Langkah-langkah waspada hendaklah dibuat dengan memerhatikan orang yang kelihatan mencurigakan. Sebagai contoh orang yang sentiasa mengikuti gerak-geri awda. Sebarang peristiwa yang mencurigakan hendaklah dilaporkan kepada pihak polis dengan hotline 993," tegas siaran itu.

Siaran itu menambah, apabila hendak mengeluarkan wang melalui mesin-mesin ATM, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengeluarkan wang di siang hari. Sekiranya perlu untuk mengeluarkan wang melalui ATM pada waktu malam, orang ramai adalah dinasihatkan untuk ditemani oleh saudara mara ataupun rakan-rakan. Apabila ternampak orang yang mencurigakan di sekitar mesin ATM, jangan mengeluarkan wang dan terus tinggalkan tempat berkenaan. Ambil perhatian mengenai wajah dan bentuk badan orang tersebut dan mencatatkan jenis serta nombor kenderaan yang digunakan sekiranya ada dan maklumkan dengan segera kepada pihak polis.

"Jangan sekali-kali menggunakan mesin ATM yang ditempatkan di tempat tersembunyi atau jauh dari khalayak ramai di waktu malam," tegas siaran itu lagi.

## TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

*JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN - BAHAGIAN II*

*BAHAGIAN BELIA*

| Bil. | Perkhidmatan | TPOR |
|---|---|---|
| 1. | Permohonan tempahan penggunaan kemudahan Pusat Belia<br>* Memproses/menghadapkan sokongan kebenaran<br>* Memberikan keputusan kebenaran terhadap permohonan | 3 hari bekerja<br>3 hari bekerja |
| 2. | Pencalonan belia dalam penyertaan luar negeri<br>* Memaklumkan kepada pihak persatuan/pertubuhan belia bagi pencalonan | 5 hari bekerja dari penerimaan surat jemputan dari luar negeri |
| | * Memproses/ketetapan penghantaran | 7 hari bekerja dari tarikh pencalonan diterima |
| | * Memaklumkan keputusan kepada persatuan/calon | 5 hari bekerja setelah menerima maklumat dari pihak penaja/penganjur |



# BERANGKA MERASMIK PERSIDAN SERANTAU KALI KE-7 ACWW

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta ahli kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



BAGINDA berkenan menerima pesambah dari Yang Dipertua WI, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif (atas).

Gambar-gambar oleh Ramli HT, Masri Osman, Abdullah HAD dan Pengiran Rafee PDPHM





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan mengurniakan titah di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri).











BAGINDA berkenan beramah mesra bersama Yang Dipertua Dunia Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW), Puan Hilda Stewart (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyaksikan pameran semasa persidangan tersebut berlangsung (kanan).

# T
# AN
# GAN





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tuanku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah di Majlis Makan Malam bersempena Persidangan Serantau Kali Ke-7 ACWW Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh (atas).

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Empire Hotel and Country Club dijunjung oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam serta Ahli-ahli Jawatankuasa Persidangan Serantau Kali Ke-7 ACWW Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam ketika berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam bersempena Persidangan Serantau Kali Ke-7 ACWW Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club, Jerudong (bawah).










BAGINDA ketika berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) serta Ahli-ahli Jawatankuasa Persidangan Serantau Kali Ke-7 ACWW Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh (kiri). Sementara gambar atas kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama seorang Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persidangan Serantau ACWW.

BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah para penari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sejurus keberangkatan balik baginda selepas menghadiri majlis Makan Malam bersempena Persidangan Serantau Kali Ke-7 ACWW Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh (kanan).



PERSEMBAHAN nyanyian 'Kurnia Budi' disampaikan oleh sebahagian ahli Jawatankuasa Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam (kiri).

ANTARA ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan WI yang hadir di majlis tersebut (kanan).





PEMANGKU Menteri Pertahanan, YAM Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menyampaikan derma kepada seorang bakal jemaah haji dari Kementerian Pertahanan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

# YSHHB akan terus beri sumbangan

Oleh
Abdullah Asgar

TEMBURONG, 13 Januari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) akan terus memberikan sumbangan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan walaupun di mana mereka berada di negara ini malah apa pun kejadian juga akan tetap dibantu.

Demikian ditegaskan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dalam temu bual ringkas bersama wakil PELITA BRUNEI ketika melawat tapak kebakaran yang menimpa rumah Awang Haji Taha bin Tubu pada hari Jumaat lepas di Kampong Belais, Temburong.

"Yayasan tiada peruntukan khusus dalam memberikan bantuan atau sumbangan kepada orang yang memerlukan," jelasnya.

Tambahnya, bantuan dan sumbangan itu akan terus diberikan mengikut garis pandu yang ada, malah warga emas yang mempunyai keluarga pun akan dibantu jika ditimpa kesusahan seperti kebakaran atau sebagainya.

Terdahulu dari itu, beliau telah menyampaikan sumbangan Yayasan kepada Awang Haji Taha dan anaknya Afendi Haji Taha sejumlah $1,800.00 bersama barangan makanan harian setelah rumah kediaman mereka hangus dijilat api.

Majlis berlangsung di rumah Ketua Kampong Belais, Awang Haji Ahmad bin Mohd. Husain yang turut disaksikan oleh Penghulu Mukim Bokok, Awang Haji Mohd. Salleh Bongsu dan beberapa orang rombongan dari Yayasan.

Rumah kayu kediaman milik Awang Haji Taha yang dibinanya sejak lebih 28 lalu ranap dalam satu kebakaran Jumaat lalu yang didiami oleh dua keluarga bersama anaknya Afendi Haji Taha.

Namun mereka lebih bernasib baik kerana tiada kecederaan tetapi pakaian dan barangan lain termasuk beberapa dokumen penting turut terbakar.

Awang Afendi memberi tahu wakil PELITA BRUNEI dengan mengucapkan rasa syukur dan terima kasih kepada masyarakat sekeliling kerana memberikan sumbangan termasuk kepada pihak Yayasan atas sumbangan yang diterima bersama keluarga.

"Bagi mendapatkan bantuan tempat tinggal beberapa permohonan telah dibuat kepada pihak-pihak tertentu dan sekarang dalam proses termasuk kepada pihak Yayasan," katanya.

Mengenai pakaian harian jelasnya lagi, sedekah dan sumbangan dapat menampung dan rumah kediaman sementara juga sudah ada untuk berteduh daripada hujan, namun mereka masih perlukan rumah kekal.



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyampaikan sumbangan Yayasan kepada Awang Afendi bin Haji Taha. - Gambar ihsan Haji Minor.

# Doa kesyukuran jemaah haji Kem. Pertahanan

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 9 Januari. - Seperti lazimnya sebelum pemergian bakal-bakal jemaah haji ke Tanah Suci, majlis-majlis doa kesyukuran diadakan oleh kaum keluarga bagi sama-sama mendoakan keselamatan dan kesejahteraan mereka yang akan menjadi 'tetamu Allah'.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pertahanan sebagai salah satu aktiviti tahunannya telah mengajurkan Majlis Doa Selamat untuk bakal-bakal jemaah haji kementerian berkenaan berlangsung di Surau Bolkiah Garison di sini hari ini.

Pemangku Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asit hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan.

# Terlibat dengan jenayah, perkhidmatan ditamatkan

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 13 Januari. - Pentadbiran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) tidak akan teragak-agak untuk menamatkan perkhidmatan anggota-anggotanya yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penyalahgunaan dadah dan tidak hadir bertugas serta terjebak dalam kes-kes jenayah.

Sebahagian dari aktiviti itu akan memberikan kesan negatif kepada ABDB sebagai sebuah pasukan pertahanan, malah ia juga akan menjejaskan karier mereka dalam ABDB dan merugikan diri sendiri.

"Memiliki kemahiran dan kepakaran saja tidak dapat menjamin keberkesanan dan pecapaian yang dihasratkan oleh ABDB jika tidak disertakan dengan tatatertib yang baik dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan," jelas Pengarah Keanggotaan dan Pentabiran ABDB, Leftenan Kolonel (U) Napiah di Majlis Penerimaan Bakal Pegawai Kadet dan Bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-124 di Berakas Garison.

Katanya, sebagai persediaan untuk mengharungi cabaran di sepanjang perkhidmatan dalam ABDB, para rekrut juga akan diserapkan kepada nilai-nilai asas ABDB seperti taat setia, kehormatan, profesionalisme, keberanian, pengorbanan dan setia kawan selain menerima tunjuk ajar dan latihan asas ketenteraan.

Menurutnya, nilai asas itu perlu dijadikan pegangan dalam mendukung peranan masing-masing sebelum berkhidmat dengan penuh setia kepada pasukan, di samping mendukung kepentingan agama, raja dan negara.

"Nilai asas itu juga akan dapat melahirkan keazaman untuk mereka berusaha dalam meningkatkan disiplin, jati diri, sikap bertanggungjawab dan mengukuhkan semangat berpasukan dan semangat setia kawan, membina akhlak yang mulia dalam menjadikan ABDB sebagai benteng pertahanan negara yang berwibawa dan benar-benar berkesan," ujarnya.

Latihan-latihan ketenteraan itu adalah bagi menguatkan lagi ketahanan fizikal dan mental, di samping melatih supaya mereka menguasai perasaan, membina perpaduan dan menanamkan semangat berpasukan serta mengekalkan keharmonian di kalangan anggota-anggota ABDB.

Seramai 150 bakal rekrut termasuk seorang bakal pegawai yang berjaya diterima bagi pengambilan ke-124 akan menjalani latihan rekrut selama enam bulan bermula 2 Febuari 2004 berakhir 30 Julai 2004 nanti.

Dari jumlah itu, seramai 140 orang akan ditempatkan ke unit tentera darat, lima orang ke angkatan tentera udara dan empat orang lagi akan ditempatkan di angkatan tentera perkhidmatan.

Pemilihan bakal rekrut itu adalah berdasarkan pemilihan yang lebih teliti dan dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Ini selaras dengan perkembangan yang pesat keanggotaan atau tenaga manusia dan perkembangan teknologi yang terpaksa diterima oleh ABDB sehingga memerlukan anggota yang benar-benar berkelayakan, berwawasan, bermotivasi dan berdisiplin dalam kerjaya tentera.

"Pemohon telah melalui beberapa ujian dan temu duga bagi mengelakkan andaian mengenai terdapatnya elemen pilih kasih, memilih keluarga atau kawan di dalam sistem pemilihan yang dikendalikan ABDB seperti yang pernah disuarakan sama ada di dalam perbincangan seharian mahupun melalui media massa atau media elektronik," jelas Timbalan Pegawai Turus Pengambilan, Mejar Pengiran Said.

Sementara itu, ABDB juga mengambil kira kelulusan dan keupayaan serta pencapaian yang diperolehi semasa ujian dan temu duga sebelum menempatkan mereka ke unit-unit ABDB.

Sehubungan dengan itu, bakal pegawai dan rekrut adalah diseru supaya berkhidmat dengan jujur, amanah, penuh dedikasi dan bersemangat dengan mengutamakan kepentingan negara dan pasukan daripada kepentingan sendiri.

Sepanjang perkhidmatan nanti, ABDB akan menyediakan peluang-peluang yang terbaik dalam meningkatkan karier dan potensi masing-masing.

Setiap anggota juga berpeluang untuk mencapai tempat yang tertinggi dalam kerjaya tentera terdapat peluang untuk menunjukkan kemampuan masing-masing dan bila sampai masanya nanti mereka juga berpeluang untuk memegang jawatan-jawatan yang tinggi dan mencabar.



PENGARAH Keanggotaan dan Pentadbiran ABDB, Leftenan Kolonel (U) Napiah berucap merasmikan penerimaan bakal pegawai kadet dan bakal rekrut lelaki pengambilan ke-124. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



SERAMAI 150 bakal rekrut termasuk seorang bakal pegawai berjaya diterima bagi pengambilan ke-124 bakal pegawai kadet dan bakal rekrut lelaki ABDB. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

# Sokongan padu rakyat tingkatkan hubungan Brunei - Jepun

Oleh
Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Januari. - Perhubungan yang erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun terus berkembang dalam pelbagai bidang melalui sokongan padu rakyat dan penduduk kedua-dua buah negara.

Tahun Pertukaran ASEAN-Jepun pada tahun lepas, menurut Tuan Yang Terutama memperlihatkan peningkatan hubungan kedua-dua belah pihak dalam pelbagai bidang.

Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Yoshinobu Nisaka menyatakan demikian di Majlis Makan Malam Tahun Baru 2004 anjuran Kedutaan Besar Jepun di kediaman Tuan Yang Terutama di Jalan Kota Batu.

"Tahun 2004 menyaksikan ulang tahun ke-20 penubuhan hubungan diplomat antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun. Banyak acara yang telah diatur dan diharap akan merangkumi kekuatan yang dinikmati semasa tahun pertukaran itu. Dengan yang demikian, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Jepun akan terus berkembang lebih kukuh," ujar Tuan Yang Terutama.

Kedutaan Besar Jepun dalam siaran akhbarnya menjelaskan, sambutan itu yang diadakan di kediaman Tuan Yang Terutama dihadiri oleh masyarakat Jepun di negara ini.

# Misi Jabatan Penerangan memberikan maklumat

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 15 Januari. - Delegasi yang menghadiri Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh hari ini mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan di sini.

Ketibaan delegasi yang ketuai oleh Presiden ACWW, Hilda Stewart telah dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Masu'ut serta pegawai-pegawai kanan jabatan berkenaan.

Ketika mengalu-alukan delegasi, Pengarah Penerangan menjelaskan bahawa misi jabatan adalah untuk memberikan maklumat kepada masyarakat di negara ini dengan komunikasi yang berkesan melalui falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Katanya, penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April 1952 bertujuan antara lain untuk mengukuhkan perkhidmatan penerangan secara efisien dan berkesan serta bagi menggalakkan dan mendidik masyarakat agar menghormati falsafah negara.

Delegasi ACWW kemudiannya berkesempatan mengadakan lawatan ke Pameran Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan di Dewan Serbaguna jabatan berkenaan.

Persidangan selama enam hari bermula pada 11 Januari lepas bertemakan 'Bekerjasama Dengan Wanita Di Seluruh Dunia' anjuran bersama Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Belia dan Sukan antara lain membincangkan mengenai isu alam persekitaran, kualiti kehidupan/sosial, isu pembangunan masyarakat dan beberapa isu yang berkaitan dengan tema persidangan.

Semasa bertitah merasmikan persidangan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha antara lain menyeru kaum wanita supaya peka mengenai bahaya pencemaran ke atas kesihatan disebabkan kebanyakan mereka bertanggungjawab dalam menyediakan makanan untuk keluarga dan penjagaan kesihatan anak-anak mereka.

Baginda bertitah menegaskan bahawa pencemaran udara dari perindustrian dan pengangkutan boleh memberi risiko kesihatan kepada anak-anak di mana asma dan penyakit pernafasan yang lain kini menjadi penyakit biasa di kalangan kanak-kanak.

Dalam pada itu, baginda turut bertitah menggesa semua wanita agar mengambil berat mengenai isu keganasan terhadap mereka, yang mana keganasan dalam rumah, perkosaan, pencerobohan dan kedua-dua penderaan mental dan fizikal berlaku bukan sahaja di rumah dan di jalan-jalan raya tetapi juga di tempat kerja dan di tempat-tempat lain di mana kaum wanita seharusnya meresa selamat.

Matlamat ACWW adalah untuk memperbaiki taraf kehidupan wanita, keluarga mereka dan masyarakat melalui sokongan jaringan kerja yang meluas dan projek-projek dari akar umbi.




PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut ketika hadir mengalu-alukan delegasi Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh yang membuat lawatan ke Ibu Pejabat Penerangan. – Gambar oleh Mahmud HI.



DELEGASI ACWW ketika mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan. – Gambar oleh Mahmud HI.



YANG Dipertua Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Antin bin Ahad menyampaikan cenderahati kepada seorang guru besar sekolah PGGMB yang bersara. – Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

# Promosi, pendidikan kesihatan berterusan

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 14 Januari. - Kementerian Kesihatan terus giat berusaha memastikan rakyat dan Negara Brunei Darussalam menikmati tahap kesihatan yang cemerlang dengan melalui aktiviti-aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan yang berterusan.

Promosi kesihatan merupakan satu proses yang membolehkan orang perseorangan dan masyarakat dapat mempertingkatkan pengawalan terhadap isu-isu yang boleh membawa kesan terhadap kesihatan.

Pegawai Pemakanan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dayang Nursama 'Aini berkata pentingnya memastikan pengambilan 'makanan yang sihat' adalah bagi menjauhkan penyakit, di samping bagi memberikan kualiti kehidupan seseorang itu dalam waktu yang panjang.

"Pengambilan pemakanan yang tidak seimbang dan makanan yang sia-sia boleh menyebabkan sakit jatung, kanser apa lagi pelbagai jenis makanan telah diperkenalkan oleh pihak pengimport sangat mudah didapati," jelasnya kepada wakil PELITA BRUNEI di Seminar Promosi Kesihatan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan.

Menurutnya, ada dua masalah yang dikenal pasti oleh masyarakat di negara ini ialah masalah kegemukan dan kurang berat badan.

Katanya, pesakit kencing manis, darah tinggi dan masalah kegemukan merupakan penyakit yang kerap dijumpai dan dirujuk di klinik-klinik kesihatan ketika ini.

"Bagi mengelakkan masalah itu, orang ramai perlu peka dengan mengambil pemakanan yang seimbang seperti yang disarankan, di samping mengadakan aktiviti bersenam bagi meningkatkan kesihatan diri," jelasnya.

Beliau menambah, kita tidak perlu menyalahkan kepada orang ramai semata-mata kerana mengambil makanan yang sia-sia tetapi perlu juga dilibatkan kepada para peniaga yang berperanan membawa masuk makanan berkenaan ke negara ini.

"Apa yang penting, para individu, pihak pengimport barangan makanan dan agensi yang terlibat perlu peka terhadap pengambilan pemakanan yang sihat dan mengambil langkah positif dan perlu sebagai salah satu langkah ke arah cara hidup yang sihat," katanya.

Terdahulu dari itu, beliau telah menekankan beberapa aspek yang berhubung kait dengan konsep-konsep promosi kesihatan dengan memberikan penekanan terhadap peranan yang dimainkan oleh industri makanan dan pengimport makanan ke negara ini dalam menyediakan pilihan makan yang sihat kepada orang ramai.

Peserta seminar yang terdiri dari pengimport makanan juga berkongsi maklumat dan mengadakan perbincangan dan memberi penerangan mengenai produk barangan yang mereka import dari negara luar dan dipasarkan di negara ini.

Seminar berkenaan itu dihasratkan bagi memberi kesedaran kepada peserta terhadap peranan yang dimainkan dalam memberikan persekitaran yang kondusif bagi pemakanan yang sihat.



PEGAWAI Pemakanan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dayang Nursama 'Aini ketika memberi penjelasan mengenai 'makanan yang sihat' di Seminar Promosi Kesihatan. Majlis berlangsung di Pusat Pemeriksaan Kesihatan. – Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

# Sumbangan guru dihargai

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Januari. - Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) menghargai sumbangan dan sokongan dari guru-guru dan kakitangan yang bertugas di semua cawangan sekolahnya.

Mereka diraikan dengan Majlis Malam Gemilang Sekolah-sekolah PGGMB yang diadakan di bangunan PGGMB di ibu negara di sini.

Antara atur cara majlis malam itu ialah penyampaian cenderahati kepada dua orang guru besar sekolah PGGMB yang bersara oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad.

Majlis juga diserikan dengan beberapa persembahan tarian dan nyanyian oleh guru-guru dari semua cawangan sekolah PGGMB yang diselitkan dengan cabutan tiket bertuah.

Sekarang PGGMB telah mempunyai lima buah cawangan sekolah yang terdiri dari empat di Brunei dan Muara dan sebuah di Kuala Belait.

Kini PGGMB juga mempunyai sejumlah 292 guru yang terdiri daripada guru tempatan dan guru-guru kontrak yang kebanyakannya dari negara-negara jiran seperti Republik Filipina, Malaysia, Republik Singapura dan Republik Indonesia.

Tahun lalu, sekolah PGGMB antara sekolah bukan kerajaan yang memperolehi keputusan 100 peratus bagi Penilaian Sijil Rendah (PSR).

# PDB merupakan agensi penguat kuasa yang tertua

PASUKAN Polis Diraja Brunei (PDB) merupakan sebuah pasukan yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara serta kestabilannya, di samping menjaga nama baik pasukan agar ianya tidak tercela oleh sekelompok anggota yang tidak bertanggungjawab.

# MENABUR BAKTI, JASA KEPADA NEGARA

OLEH AWANGKU JEFFERI PENGIRAN DURAHMAN

### SEJARAH

Pasukan polis di negara ini mula wujud pada tahun 1906 dan penubuhannya pula pada Januari 1921 dan dinaikkan taraf dengan menggunakan nama yang ada sekarang sejak tahun 1965.

PDB bermula pada tahun 1906 dengan dua orang anggota polis, seorang berbangsa Pathan dan seorang berbangsa Sikh. Di akhir tahun tersebut tiga orang berbangsa Melayu menyertai pasukan tersebut dan pada tahun berikutnya dari hanya dua orang, Pasukan Polis Brunei telah bertambah bilangan anggotanya menjadi empat orang pegawai yang tidak bertauliah dan 24 orang mata-mata. Pasukan tersebut diletakkan di bawah kawalan British Resident yang mana ianya terdiri daripada anggota-anggota polis Sikh dan Melayu yang dipinjam daripada Pasukan Negara-negara Selat yang pada ketika itu berpangkalan di Labuan.

Pada tahun 1909 seorang Inspektor British bernama S.G. Crummy telah dilantik dan mengambil alih Kawalan Pasukan Polis Brunei. Dalam tahun 1916 kekuatan Pasukan Polis Brunei telah bertambah menjadikan bilangan Sikh seramai 13 orang dan bilangan bangsa Melayu seramai 22 orang. Pada tahun 1917 Inspektor S.G. Crummy telah digantikan oleh Ketua Inspektor G.C. Mc Afee.

Menjelang tahun 1923 tanggungjawab pasukan polis pada ketika itu telah diperluaskan dengan tambahan tugas-tugas bomba, penjara, imigresen, pendaftaran kenderaan-kenderaan bermotor, pengeluaran lesen-lesen memandu dan kedai runcit, pendaftaran orang-orang asing dan pengeluaran surat-surat kebenaran bermastautin.

Pada tahun yang sama juga seorang Sarjan Tempatan yang pertama telah dihantar ke Singapura untuk menjalani latihan.

Sepanjang Perang Dunia Kedua ketika tentera Jepun menduduki Brunei dari tahun 1942 hingga 1945 tersebut terus menjalankan tugas-tugas mereka di bawah Pentadbiran Tentera Jepun.

Pada tahun 1950, Ibu Pejabat Polis Brunei telah berpindah ke Kuala Belait dan Ketua Polis pada ketika itu telah diletakkan di bawah Pemerintahan Pesuruhjaya Polis Sarawak.

Walaupun di era 1950-an, bilangan jenayah di negara ini ketika itu kecil, namun sebuah Jabatan Penyiasatan Jenayah atau CID telah ditubuhkan. Begitu juga dengan kesalahan lalu lintas dan korban kemalangan jalan raya.

### JALANI LATIHAN

Pada tahun 1951, Pasukan Polis Brunei telah memulakan sekolah latihannya sendiri di Seria. Pengambilan rekrut-rekrut tempatan pada ketika itu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei bergambar ramai di hadapan bangunan Ibu Pejabat Polis Gadong.

hanyalah seramai dua puluh orang dan disebabkan kekurangan pegawai-pegawai untuk mengendalikannya, maka rekrut-rekrut tersebut telah dihantar ke Kuching, Sarawak bagi menjalani latihan asas selama enam bulan.

Dari tahun 1954 hingga ke tahun 1967, ramai anggota-anggota Polis Brunei telah menghadiri latihan di Malaya, seperti Kursus Cawangan Khas, Rekrut, Inspektor Percubaan di Kuala Lumpur dan Kuala Kubu, dan Kursus Polis Laut di Tampoi, Johor.

Pada tahun 1955, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid merupakan pegawai pertama tempatan yang dilantik sebagai Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei. Dalam bulan September 1956, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Penguasa Polis. Pada tahun 1957, Pasukan Pancaragam Polis Brunei telah ditubuhkan. Pengarah Pancaragam yang pertama ialah R. E. House.

1 Julai 1958, Jabatan Imigresen telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang berasingan dan anggota-anggota polis yang di Bahagian Imigresen diteruskan bekerja di jabatan tersebut sebagai kakitangan awam. Begitu juga pada tahun 1960, Jabatan Pengangkutan Darat telah menjadi sebuah jabatan berasingan, dan pada tahun 1961 Pasukan Bomba juga telah ditubuhkan menjadi sebuah jabatan yang berasingan.

Dengan pengisytiharan Perlembagaan oleh Kerajaan Brunei pada 29 September 1959 beberapa perubahan telah dibuat dan seorang Pesuruhjaya Polis telah dilantik bagi Pasukan Polis Brunei.

Pasukan tersebut juga telah menubuhkan Pasukan Simpanan Bergerak bagi menggantikan Platun Pasukan Medan Sarawak atau Field Force Platoon. Seorang Pegawai dari Malaya telah dipinjamkan dan pembantunya merupakan seorang anak tempatan iaitu Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Apong (Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Pesuruhjaya Polis pada tahun 1984) dan kini ialah Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan iaitu Pesuruhjaya Polis pada masa ini.

Pada tahun 1962 di mana pada ketika itu Pasukan Polis Brunei hanya merupakan bilangan yang kecil sahaja iaitu lebih kurang 500 orang namun ianya dapat memberikan khidmat bakti yang baik dan menumpukan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pemberontakan Bersenjata telah dilancarkan oleh Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) dan daripada lapan buah Balai Polis, enam buah telah ditawan, kecuali Ibu Pejabat Polis Daerah Belait dan Balai Polis Pekan Brunei yang mana ketika itu masih dapat bertahan. Dalam pemberontakan tersebut seramai empat orang anggota polis telah terkorban dalam mempertahankan balai-balai polis di bawah jagaan mereka. Ketaatan dan ketekunan terhadap tugas yang diperlihatkan oleh semua anggota pasukan dan kakitangan awam adalah sangat-sangat dihargai dan ketika itu tidak ada pasukan bersenjata selain daripada Pasukan Polis Brunei.

### GELARAN 'DIRAJA'

Pada 23 September 1965, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien) telah berkenan menganugerahkan gelaran 'Diraja' kepada Pasukan Polis Brunei.

Dalam tahun 1967, Sekolah Latihan Polis telah ditubuhkan di Jalan Berakas Brunei dan latihan dalam berbagai-bagai aspek telah diberikan kepada anggota-anggota dari rekrut hingga ke pangkat pegawai. Di samping latihan dalam negeri, anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) juga dihantar ke negara-negara luar seperti United Kingdom, Malaysia, Singapura, Hong Kong, Australia, Amerika Syarikat, Indonesia dan Jepun.

Pada tahun 1971, Pasukan Polis Diraja Brunei telah meraikan hari ulang tahun ke-50 dan pada tahun itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk menjadi Inspektor Jeneral Polis Diraja Brunei. Panji-Panji Diraja telah dianugerahkan oleh baginda pada 14 Ogos 1971. Pada masa itu pasukan simpanan telah ditambah keramaiannya dengan mengadakan Kompeni Kedua iaitu Pasukan Simpanan 'B' Kompeni.

Manakala pada tahun 1974, pengambilan polis wanita telah dilaksanakan di mana Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna menjadi Komandan Unit Polis Wanita. Pada tahun 1975, Unit Polis Wanita telah ditubuhkan dan kumpulan pengambilan pertama telah menjalani latihan asas rekrut polis di Pusat Latihan Polis, Jalan Aman, Berakas.

### MEMEGANG JAWATAN

Pada tahun yang sama iaitu 1975 pegawai tempatan pertama iaitu Pengiran Dato Utama Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid (kini dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid) telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis pada ketika itu. Pada tahun 1981 pula, seorang lagi pegawai tempatan iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong telah dilantik menjadi Timbalan Pesuruhjaya Polis dan pada waktu beliau memegang jawatan inilah semua pegawai-pegawai asing telah ditamatkan perkhidmatan mereka dengan pasukan berkenaan kecuali dua orang pakar.

Jawatan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei pada masa itu telah diambil alih oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar mulai 1 Januari 1984, setelah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bersara.

Pasukan Polis Diraja Brunei pada masa ini mempunyai anggota seramai 3,932 orang.

Sepanjang ditubuhkan, pasukan itu juga telah banyak menabur bakti dan jasa dalam mempertahankan kedaulatan serta keharmonian negara walaupun terpaksa berkorban nyawa demi negara, ini juga jelas terbukti dengan terkorbannya pahlawan-pahlawan polis kita semasa mempertahankan Balai Polis Sengkurong dan Temburong dari serangan pemberontakan yang berlaku pada 8 Disember 1962.

Bagi mengingati jasa-jasa mereka yang terkorban, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-47 tahun 1963, telah berkenan mengurniakan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kebesaran Negara Brunei kepada anggota-anggota polis yang terkorban di kejadian tersebut iaitu The Most Gallant Order Of Pahlawan Negara Brunei 3rd Class. Pahlawan Negara Brunei Darussalam (PNB) telah diberikan kepada Sarjan 20 Pengiran Ali bin Pengiran Ghani (Posthumous); The Most Gallant Order Of Pahlawan Negara Brunei 4th Class. Pekerma Jaya Brunei (PJB) diberikan kepada P.C. 179 Selasa bin Othman (Posthumous) dan P.C. 465 Mohammad bin Haji Tahir (Posthumous).

Ke arah melahirkan anak-anak tempatan yang berkaliber dan berpangkat lebih tinggi di dalam bidang kepolisian beberapa kursus juga diadakan oleh Pusat Latihan Polis Diraja Brunei (lihat rajah A).

Lihat muka 13



SEORANG anggota polis pangkat rendah ketika menerima sijil Kursus Pegawai Peralihan daripada Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman (atas).



PEGUAM Negara, Dato Paduka Awang Haji Kifrawi ketika menyampaikan hadiah kepada seorang rekrut wanita terbaik di Upacara Tamat Latihan Rekrut Wanita dan Lelaki (kanan).

# Menabur bakti, jasa kepada negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memeriksa perbarisan anggota pasukan polis.

Dari muka 12

Selain menjalani kursus-kursus yang diusahakan oleh Pusat Latihan Polis Diraja Brunei, beberapa mata pelajaran dalam kursus latihan di pusat tersebut juga diadakan. (lihat rajah B).

Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) juga menghantar anggota-anggotanya untuk menjalani kursus di seberang laut yang mana ianya bertujuan untuk meningkatkan lagi usaha tugasan mereka.

Ini adalah sebahagian daripada negeri-negeri dan jenis-jenis kursus yang dijalankan. (lihat rajah C).

Latihan-latihan akan dijalankan selama setahun sebelum mereka dihantar atau ditempatkan di cawangan-cawangan polis di seluruh negara. Semasa dalam latihan mereka akan diajar berbagai-bagai aspek selaku seorang anggota polis dan ianya bertujuan untuk mencekapkan mereka apabila ditugaskan di cawangan-cawangan polis sesudah menamatkan latihan nanti. Dari segi teori pula mereka akan diajar Undang-undang Negara Brunei Darussalam, Peraturan Am Polis dan Pertolongan Cemas, manakala dari segi praktikal pula mereka diberi latihan kawad, seni mempertahankan diri, renang dan latihan senjata.

Bagi mengeratkan lagi hubungan bersama orang awam, Pasukan Polis Diraja Brunei telah menubuhkan satu cawangan yang dikenali sebagai Cawangan Perhubungan Awam, Polis Diraja Brunei. Ia ditubuhkan pada 1 Mac 1988 di mana melalui jabatan ini berbagai-bagai projek khusus untuk kebajikan telah dijalankan bersama dengan orang-orang awam untuk memberi sumbangan khidmat bakti kepada masyarakat dan yang memerlukannya.

Selain menjalankan aktiviti seharian dan tanggungjawab yang harus dijalankan tanpa disedari kini PDB sudah pun menjangkau usia 83 tahunnya, sepanjang ianya ditubuhkan kematangan serta jasa-jasa yang dibuat oleh pasukan ini jelas menampakkan keberhasilannya sebagai sebuah pasukan yang benar-benar mementingkan keamanan negara serta keharmonian rakyat dan penduduk di negara ini.

Ketika ini PDB telah mempunyai cawangan-cawangan dan pos-pos polis di seluruh negara dengan Ibu Pejabat Polis Gadong sebagai pusat pentadbiran utamanya di mana terletaknya Pusat Latihan Polis yang kini terus mempelawa anak-anak tempatan bagi berkhidmat sebagai seorang anggota polis yang terlatih.



PASUKAN Polis Diraja Brunei sejak penubuhannya telah banyak melahirkan rekrut-rekrut lelaki dan wanita terbaik dalam pasukan tersebut.

### Rajah A : KURSUS DALAM NEGERI

Beberapa kursus yang diusahakan oleh Pusat Polis Diraja Brunei.

- PUSAT LATIHAN POLIS DIRAJA BRUNEI
  - KURSUS ULANGKAJI
    - Ulangkaji Inspektor
    - Ulangkaji S.P.O.
    - Ulangkaji Mata-mata
  - KURSUS ASAS
    - Pegawai Kadet Percubaan
    - Rekrut Lelaki/Wanita
    - Rekrut Lelaki APO
    - Memandu Kereta/Motosikal
  - PEPERIKSAAN KELAYAKAN
    - Peperiksaan Inspektor Kanan
    - Peperiksaan Inspektor
    - Peperiksaan Inspektor Percubaan
    - Peperiksaan Sarjan
    - Peperiksaan Koperal
    - Peperiksaan Mata-mata
  - KEMENTERIAN PENDIDIKAN
    - Kadet Polis Sekolah

### BERKEMBANG

Sekarang PDB terus berkembang dengan mempunyai beberapa peralatan terkini dan canggih bagi memudahkan penyiasatan dan menyelesaikan kes-kes jenayah dengan dibekalkan mesin pengesan cap cari khas yang dikenali sebagai AFIS.

Selain itu, bagi menangani pembalakan haram dan pendatang asing yang menyusup masuk dari kawasan darat, Pasukan Polis Hutan ditubuhkan dan telah beberapa kali berjaya menangkap dan memberkas kes pembalakan haram serta menebang pokok kayu yang dilindungi oleh Undang-undang Perhutanan Negara.

Selain itu, PDB juga menjadi ahli kepada beberapa pertubuhan serantau dan antarabangsa antaranya menjadi ahli ASEAN-POL, INTERPOL dan beberapa pertubuhan yang lainnya.

Setiap tahun juga pasukan tersebut akan menyambut hari ulang tahunnya dan pada tahun ini genaplah usia Pasukan Polis Diraja Brunei 83 tahun.

Hari Polis seharusnya dilihat sebagai cermin bagi semua anggota pasukan tanpa mengira pegawai atau anggota pangkat rendah dalam menilai tahap kejayaan PDB selaku agensi penguat kuasa undang-undang yang induk dan tertua di negara ini.

Keunggulan Pasukan Polis Diraja Brunei bergantung kepada persepsi masyarakat yang dinilai dari bentuk kewibawaan dan profesionalisme anggota dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab.

Menurut Seksyen 38 Tugas-tugas Polis, setiap anggota adalah berperanan bagi memelihara keamanan awam, mencegah dan mengesan jenayah. Anggota PDB juga berperanan bagi mengiringi pesalah-pesalah, mengumpul dan memproses risikan keselamatan di samping melindungi harta benda awam.

### Rajah B : SUKATAN PELAJARAN

Di bawah ini adalah mata pelajaran yang diajarkan dalam Kursus Latihan di Pusat Latihan Polis Diraja Brunei.

| MATA PELAJARAN DIAJARKAN | BAHAGIAN DARI PERKARA-PERKARA YANG DIAJARKAN |
|---|---|
| KANUN HUKUMAN JENAYAH (PENAL CODE) | Darihal subahat, pakat jahat, kesalahan berkenaan dengan ugama dan terhadap harta-benda. |
| KANUN PERATURAN JENAYAH (CRIMINAL PROCEDURE CODE) | Darihal memberi bantuan dan maklumat kepada Majistret, Pegawai Polis dan orang ramai. Perhimpunan yang menyalahi Undang-undang dan Gangguan (Mudarat) Awam. |
| AKTA-AKTA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM | Kesalahan berkenaan dengan bunga api, kesalahan berkenaan dengan lalu lintas, halangan, judi, orang gila, binatang, perosak harta benda kerajaan dan lain-lain. |
| AKTA POLIS DAN PERATURAN-PERATURAN AM POLIS | Kesalahan-kesalahan tatatertib, tugas-tugas dan tanggungjawab ahli-ahli Pasukan Polis. |
| PENGETAHUAN AM | Pengetahuan dalam dan luar negeri. |

### PEMERIKSAAN KAWAD

| JENIS-JENIS KAWAD | PERGERAKAN KAWAD TERSEBUT |
|---|---|
| KAWAD KAKI | Cara berjalan dalam satu barisan. |
| KAWAD SENJATA | Cara kawad dengan menggunakan senjata. |
| KAWAD RUSUHAN | Cara berkawal/mengawal satu-satu rusuhan |

### Rajah C : KURSUS SEBERANG LAUT

Ini adalah sebahagian daripada negeri-negeri dan jenis-jenis kursus :

| NEGERI | JENIS-JENIS KURSUS |
|---|---|
| UNITED KINGDOM | Kursus Pegawai Kanan Polis. |
| SINGAPURA | Kursus Pakar Judi, Kursus Pengarahan Lapangan Terbang, Kursus Risikan dan Pencegah Jenayah, Kursus Motosikal. |
| HONG KONG | Kursus Pendakwa, Kursus Latihan Penyiasatan, Kursus Pengarahan Lapangan Terbang dan Kursus Polis Laut. |
| AMERIKA SYARIKAT | Kursus di F.B.I., Kursus Perlindungan Keselamatan Orang-orang Kenamaan, Kursus Anti Pengganas dan Kawalan Bangunan dan Kursus Pentadbiran Keselamatan Penerbangan Federal. |
| MALAYSIA | Kursus Pentadbiran, Kursus Jurulatih Kawad dan Kursus Motosikal. |
| INDONESIA | Kursus Am Pegawai Polis Kanan, Kursus Pentadbiran Keselamatan Lapangan Terbang dan Kursus Anti Dadah. |
| JEPUN | Meninjau dan Memerhati Kursus Pengurusan Polis. |



PASUKAN Polis Diraja Brunei juga prihatin di dalam mengadakan Operasi Bersepadu dengan mengadakan sekatan jalan raya bagi memastikan para pengguna jalan raya sentiasa mematuhi undang-undang keselamatan jalan raya.

ARENA SUKAN

# Kurang pendedahan, pengalaman antara faktor kegagalan

Oleh
Hj. Ahat Hj. Ismail
Gambar oleh
Pg. Rafee PDPHM

KURANG persiapan dan kurang pendedahan di perlawanan-perlawanan peringkat serantau dan antarabangsa merupakan antara faktor atlet-atlet negara kurang menyerlah pada temasya Sukan SEA Ke-XXII di Bandar Raya Hanoi dan Ho Chin Minh.

Pendedahan itu dinyatakan oleh perwakilan persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam laporan ringkas mereka pada temasya sukan dwitahunan di Viet Nam semasa Post Mortem Ke-2 Sukan SEA di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama di 'post mortem' itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC).

Juga hadir ialah Timbalan Presiden BDNOC, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Naib-naib Presiden BDNOC, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Dalam laporan ringkas itu pengurus-pengurus pasukan juga menyatakan perkembangan prestasi atlet-atlet yang bertanding meskipun kurang pendedahan dan pengalaman.

Menurut mereka para atlet telah memperlihatkan semangat juang yang tinggi dengan memberikan saingan hingga ke penghujung perlawanan.

Pada kesempatan itu juga persatuan-persatuan sukan melahirkan penghargaan kepada Duli Yang Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang berkenan berangkat dan memberikan sokongan kepada atlet negara yang bartanding.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) mendengar laporan ringkas oleh perwakilan-perwakilan sukan di Post Mortem Ke-2 Sukan SEA Viet Nam. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan (atas), sementara gambar bawah, sebelum memulakan perjalanan, acara senaman bermula di kawasan lapang depan Stadium Negara Hassanal Bolkiah berjalan sejauh 4.8 kilometer.

# 6,000 SERTAI WALKATON TABUNG KEMANUSIAAN IRAQ

Oleh Samle HJ
Gambar oleh Haji
Masmaleh HMA

BERAKAS, 11 Januari. - Rakyat dan penduduk di negara terus memberi sokongan bagi menambah kutipan Tabung Bantuan Kemanusiaan Rakyat Iraq menerusi pelbagai aktiviti dalam sama-sama menyatakan merasakan rasa simpati kepada rakyat berkenaan yang dalam kemelaratan hidup akibat kesan perang di negara itu.

Acara walkaton yang disertai oleh lebih 6,000 pegawai dan kakitangan kerajaan, pihak persendirian dan agensi swasta merupakan salah satu usaha menambah kutipan tabung berkenaan kendalian Jawatankuasa Tertinggi Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-kementerian.

Peserta lelaki berjalan sejauh 4.8 kilometer, sementara peserta wanita pula berjalan sejauh tiga kilometer di mana acara itu bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar adalah antara ribuan yang menyertai acara.

Awal dari itu, acara diselajurkan dengan majlis penyerahan wang kutipan dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan syarikat-syarikat.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi menyerahkan wang sejumlah $18,177.80 yang kumpul melalui kutipan dari pegawai dan kakitangan serta guru-guru dan pelajar sekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menerima sumbangan dari Jabatan Audit, Jabatan Penerangan, Gadong Properties, Syarikat Muafakat dan Syarikat Dayang Limah.

Tabung berkenaan telah ditubuhkan bagi memberi bantuan kepada rakyat Iraq yang hidup dalam kesusahan akibat perang yang melanda di negara itu.

Jawatankuasa Penyelaras Walkaton, Awang Mohd. Noor Haji Abdullah, Penolong Ketua Belia dan Sukan memberi tahu wakil PELITA BRUNEI dari keprihatinan rakyat dan penduduk di negara ini, tabung berkenaan telah berhasil mengumpul lebih $100 ribu sejak ditubuhkan pada 14 April 2003.

Katanya, selain untuk menambah hasil kutipan tabung, acara itu juga diharap akan mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan aktiviti riadah dalam meningkatkan kecergasan mental menambah kekuatan fizikal.

Beliau juga gembira melihat sambutan yang di luar dugaan sehingga menyaksikan penyertaan bukan saja di kalangan kakitangan kerajaan malah juga disertai oleh pihak swasta.

"Sekalipun tarikh menyumbang ke tabung ini sudah berakhir namun sambutan dari orang ramai terus menggalakkan dan masih berterusan," jelasnya sambil mengalu-alukan lebih ramai orang untuk menyumbang.



PARA peserta lelaki berjalan sejauh 4.8 kilometer (bawah kiri), manakala gambar bawah kanan, memperlihatkan peserta wanita berjalan sejauh tiga kilometer.





ANEKA SUKAN

## Persiapan Liga Perdana Malaysia 2004:

# SKUAD NEGARA BELASAH SABAH

SKUAD bola sepak negara memulakan kempen persiapan liga bola sepak Perdana Malaysia musim 2004 ini dengan menumpaskan naib juara Piala Malaysia, Sabah 5-3 di Padang Jabatan Belia dan Sukan, Berakas.

Berangkat menyaksikan perlawanan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim.

Perlawanan persahabatan kali pertama itu menyaksikan kelibat Mohd Brian Iman Abdullah Bothweel masih lagi berbisa apabila pemain yang pernah membawa Brunei Darussalam menjuarai Piala Malaysia tahun 1999 lalu berjaya menjaringkan tiga dari lima jaringan kemenangan tuan rumah.

Oleh
Haji Ahat HI

Pada permainan separuh masa pertama, skuad negara mendahului negeri di bawah bayu itu 2-0 melalui jaringan Mohd. Brian Iman dan Fadlin Gelawat.

Bagaimanapun 15 minit permainan separuh masa kedua bermula pasukan pelawat merapatkan jurang 2-1 dan selang lima minit kemudian menambahkan lagi jaringan menjadi 2-2.

Selepas kedudukan itu skuad negara kembali menyerlah mendahului pelawat melalui dua jaringan berturut-turut melalui Mohd. Brian Iman dengan menjadikan kedudukan 4-2.

Sekalipun ketinggalan, pelawat cuba bangkit melancarkan banyak percubaan jarak dekat, namun penjaga gol Mohd. Wardun Yusof lebih tangkas mengawal pintu gol tuan rumah daripada dibolosi oleh pelawat.

Dalam keduduan selesa itu skuad negara kemudian menambahkan lagi derita pelawat apabila Rosmin Kamis menjaringkan gol kelima hasil hantaran Fadlin Gelawat di sudut kanan.

Pelawat yang akan beraksi dalam Liga Super musim ini terus ketandusan idea untuk merapatkan jurang, bagaimanapun pada minit-minit terakhir mereka berjaya menjaringkan gol ketiga melalui sepakan sudut dan permainan berakhir dengan kedudukan 5-3.

Juga menyaksikan perlawan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga Presiden BAFA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat menyaksikan Perlawanan Persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Sabah. – Gambar Mohd. Zul-Izzi HD.



FADLIN Gelawat menyumbang satu gol melalui tandukan kencang hantaran tinggi Mohd. Brian Iman Abdullah yang menjaringkan tiga gol pada pertemuan dengan Sabah. – Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

## Patuhi peraturan demi kemajuan bola sepak

SETIAUSAHA Agung Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (BAFA), Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Matasan mengingatkan pasukan-pasukan bola sepak dan para pemain yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Merebut Piala NBT 2004 supaya mematuhi setiap peraturan dan disiplin permainan bola sepak.

Dengan mematuhi peraturan dan bermain dengan penuh disiplin katanya, kejohanan akan dapat dijalankan dengan jayanya dan menepati matlamat kemajuan penganjuran serta perkembangan bola sepak.

"Jika semua undang-undang dan peraturan dipatuhi penganjuran dapat dijalankan dengan sistematik mengikut sistem permainan bola sepak yang sebenar," jelasnya ketika mengaturkan pengundian bagi kumpulan pasukan-pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Merebut Piala NBT di ruang ligar Syarikat NBT di Bunut.

Selain soal peraturan dan disiplin, Pengiran Haji Metussin juga menyarankan supaya setiap pasukan sentiasa komited dalam meningkatkan mutu permainan dan menggalakkan para pemain bermain secara yang terbaik.

"Perkara ini, juga perlu diambil perhatian oleh pasukan bola sepak kerana dengan mutu permainan yang baik akan dapat melahirkan pemain berpotensi di masa akan datang," tambahnya

Dalam masa yang sama juga Setiausaha Agung BAFA menggesa pasukan-pasukan dan kelab-kelab bola sepak yang mempunyai pemain-pemain yang dipilih menyertai Skuad Kebangsaan bagi saingan Liga Perdana Musim 2004 ini supaya memberikan kelonggaran beraksi mewakili negara.

Menyentuh mengenai penglibatan sektor swasta dalam sama-sama mengelolakan kejohanan bola sepak di negara ini, Setiausaha Agung BAFA amat mengalu-alukannya dan berharap lebih banyak lagi kejohanan akan dianjurkan oleh banyak pihak.

"NBT telah memainkan peranan penting dalam mengelolakan kejohanan bola sepak ini dan BAFA berharap langkah begini akan dapat diikuti oleh sektor swasta yang lain," ujarnya.



DI KUMPULAN MANA?... Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Metussin melihat undian semasa menjalankan undian Kejohanan Bola Sepak Piala Rebutan NBT. – Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PENGARAH Urusan NBT, Ninan Chako menyampaikan cenderahati kepada pasukan yang menyertai Piala Rebutan NBT. – Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

## 16 pasukan rebut Piala NBT

Oleh
Haji Ahat HI

SEJUMLAH 16 buah pasukan bola sepak dari jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat korprat akan berentap menyertai Kejohanan Bola Sepak Merebut Piala NBT 2004 yang akan bermula 30 Januari ini.

Dalam pengundian yang dijalankan oleh Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Matasan di ruang ligar NBT Bunut pada 15 Januari lepas, Kumpulan 'A' dibarisi oleh Kumpulan DST, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Daerah Brunei/Muara dan Jabatan Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tuan rumah yang menampilkan dua pasukan menduduki Kumpulan 'B' iaitu NBT F.C, Pemeliharaan Teknikal Diraja Brunei (RBTS), Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan Jabatan Pengangkutan Darat.

Penyandang juara Jabatan Kastam dan Eksais Diraja diundi dalam Kumpulan 'C' bersama Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, IBB Kredit dan Jabatan Belia dan Sukan.

Kumpulan 'D' pula dianggotai oleh sebuah lagi pasukan tuan rumah Kesebelasan NBT (NBT XI), Jabatan Imigresen, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jerudong Park and Country Club (JPCC).




KEDUDUKAN pasukan tiap-tiap kumpulan selepas undian dijalankan. – Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, TYT Profesor S. Jayakumar. - Gambar oleh Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika meraikan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar di Majlis Jamuan Makan Malam yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan di sini. – Gambar oleh Ramli Tengah.

## DYTM raikan TYT Profesor S. Jayakumar

**Oleh Aliddin HM**

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri malam tadi meraikan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar di Majlis Jamuan Makan Malam yang berlangsung di Balai Pengadapan, Bukit Kayangan di sini.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersama-sama pegawai kanan dari kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar berada di negara ini bagi lawatan rasmi selama dua hari.

## Membincangkan perkara dua hala

**Oleh Ak. Jefferi PD**

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala dan bertukar-tukar pandangan mengenai beberapa isu serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.

Tuan Yang Terutama Profesor S. Jayakumar berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan rasmi selama dua hari.

# Tempatkan wanita dalam kedudukan yang lebih baik

**Oleh Aliddin HM**

**BERAKAS, 16 Januari. - Adalah penting untuk terus memberikan penekanan yang mendalam terhadap pembangunan dan keupayaan manusia dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan latihan yang seimbang.**

**Ini akan dapat membantu wanita meningkatkan pembangunan diri dan menempatkan mereka dalam kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi cabaran-cabaran serta menggunakan sepenuhnya peluang-peluang yang ada di dunia yang semakin penuh dengan persaingan.**

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda demikian di Majlis Penutupan Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Teramat Mulia menambah sabda, wanita hendaklah bersedia menanamkan keinginan belajar sepanjang hayat dan terus mengemaskinikan pengetahuan serta kemahiran masing-masing dalam dunia globalisasi yang mengutamakan teknologi maklumat dan perhubungan ini dan wanita juga harus mengambil peluang-peluang yang ada dalam ekonomi baru.

Semua usaha ini sabda Yang Teramat Mulia, perlu bagi merapatkan jurang perbezaan digital dalam masyarakat dan membuka kemudahan-kemudahan internet kepada wanita dalam semua peringkat.

"Meskipun faedah ekonomi wanita sangat penting, perkembangan sosiobudaya juga sangat penting maka mereka mesti boleh mengimbangi tanggungjawab mereka di rumah dan tempat kerja," sabda Yang Teramat Mulia.

Menurut Yang Teramat Mulia, persidangan seumpama itu boleh membantu wanita meningkatkan perkembangan diri dan menempatkan mereka di posisi yang lebih baik untuk menerima cabaran selain mempergunakan kesempatan dalam menambah lagi cabaran dunia.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia menerima Redokumentasi dari Pengerusi Bersama persidangan, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Yang Teramat Mulia juga menerima pesambah yang disembahkan oleh Presiden ACWW, Puan Hilda Stewart.

Persidangan selama seminggu itu membawa tema yang bertajuk 'Bekerjasama Dengan Wanita Di Seluruh Dunia' atau 'Working With Women Worldwide'.

Semasa persidangan itu para peserta telah membincangkan pelbagai isu mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi wanita dalam kehidupan seharian mereka dalam dunia globalisasi.

Persidangan dianjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menerima Redokumentasi dari Pengerusi Bersama Persidangan Serantau Kali Ke-7 Perkumpulan Wanita Sedunia (ACWW) Bagi Asia Tenggara dan Timur Jauh, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali di Majlis Penutup. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Dari muka 1

Berikutan dengan pengesahan kes baru SARS di Republik Rakyat China baru-baru ini, pengawasan diperketatkan lagi bagi penumpang-penumpang yang datang dari Negara China termasuk Hong Kong, Beijing dan Shanghai.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka dan memantau perkembangan semasa mengenai wabak SARS. Sekiranya terjadi kes SARS di negara ini, di samping langkah-langkah yang diambil mengikut pelan tindakan yang telah disediakan. Kementerian Kesihatan juga akan mendapatkan bantuan teknikal dan kerjasama dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia jika ianya diperlukan.

Sebagai langkah berjaga-jaga dan berwaspada, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan penjagaan kesihatan diri dan persekitaran dalam melindungi diri dari apa jua penyakit-penyakit berjangkit termasuk penyakit SARS.

سلامت منونيکن عبادت حج
SELAMAT MENUNAIKAN IBADAT HAJI

دتربيتکن اوليه جاباتن ڤنراڠن، جاباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جاباتن ڤرچيتقن کراجأن، نݢارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

انيكا
ANEKA

BILANGAN 3 RABU 21 JANUARI 2004 رابو 28 ذوالقعده 1424 PERCUMA

# 10 JUTA UDANG ROSTRIS DIEKSPORT

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Januari. - Dalam peningkatan keupayaan ekonomi negara dan keyakinan terhadap kualiti benih udang rostris yang dihasilkan, Gulf Seafood Fiji Limited membuat tempahan kali kedua dengan jumlah 300 ribu ekor dieksport ke negara berkenaan hari ini.

Manakala penghantaran percubaan, pengeksportan benih udang rostris buat kali pertama telah berjaya dilakukan pada 24 Disember 2003 dengan kadar kehidupan sebanyak 95 peratus telah dapat dicapai dengan cara pembungkusan dan penghantaran kualiti benih tersebut dipastikan baik apabila benih-benih itu tiba di destinasinya selama 24 jam perjalanan.

Sementara itu, pada 8 Januari 2004, sejumlah 50 ribu ekor benih udang rostris juga buat pertama kalinya dieksport ke Taipei iaitu Win-Knight Business Limited dengan pencapaian penghasilan kadar kehidupan 100 peratus.

Oleh Siti Aishah HS

Kejayaan cemerlang verifikasi penghasilan udang rostris di negara ini bermula sejak tahun 2000, diikuti dengan kejayaan verifikasi komersil penghasilan benih udang rostris di Pusat Penetasan Meragang, manakala kejayaan pada tahun 2003 adalah peralihan teknologi dan pengendalian sepenuhnya pusat berkenaan kepada Seiwa Corporation Sendirian Berhad iaitu anak Syarikat Semaun Holdings Sendirian Berhad.

Bagi kapasiti penghasilan benih, pusat itu telah meningkatkannya kepada 10 juta setiap bulan, sementara sejumlah lima hingga enam juta diperlukan untuk dihasilkan setiap bulan pada masa ini yang membolehkan adanya peluang menerokai pasaran eksport, sebaik-baik saja keperluan dapat dipenuhi.

Untuk pengeksportan benih-benih udang rostris yang berkualiti, benih itu dituai pada awal pagi apabila suhu air diturunkan kepada 19 darjah celsius bagi mengurangkan stres semasa perjalanan dan kemudian sejumlah 2,000 ekor benih akan disimpan ke dalam setiap beg plastik dan diisikan dengan bekalan oksigen yang mencukupi sebelum memasukkan empat bungkus beg plastik tersebut ke dalam setiap kotak styrofoam.

Penghantaran benih-benih udang berkenaan, lazimnya akan dilakukan sekurang-kurangnya tiga jam lebih awal ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas sebelum jadual penerbangan berlepas.

Ke arah merealisasikan hasrat untuk menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan, keupayaan pengeksportan benih udang rostris akan diteruskan di rantau ini, di samping menjadikannya salah satu lagi komoditi eksport selain daripada udang ukuran pasaran yang mana pengeksportannya sudah jauh meningkat daripada hanya $0.705 juta pada tahun 2000 kepada $1.47 juta pada tahun 2002 di pasaran eksport seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara lain.






PEMBUNGKUSAN dan pemilihan benih dan udang rostris bagi tujuan pengeksportan ke negara-negara seperti Jepun, Taipei, Amerika Syarikat dan lain-lain negara dilakukan oleh Pusat Penetasan Udang Meragang.

## Sastera dan Budaya سسترادان بودايا

# PUISI MODEN BRUNEI DI AWAL KEBANGKITAN KEMERDEKAAN

OLEH SALMI MESRA

### PENDAHULUAN

DALAM memperkatakan kreatif sastera seperti puisi Brunei moden, memang ia memainkan peranan penting bagi meyalurkan fikiran dan perasaan hati penulis, di samping menjadi santapan rohani masyarakat. Di dalamnya tergarap peristiwa hidup yang berbagai-bagai ragam seperti susah, sedih, senang, gembira, cinta, merintih dan sanjungan.

Dalam hal ini - penulis adalah salah seorang manusia yang ingin merasa kebahagiaan hidup, maka setiap sendi gerak itu tentu akan dirasakan yang akan berubah-ubah mengikut aliran zaman dan keadaan yang dihadapi oleh seseorang penyair yang mana kehidupan masyarakat yang ada kasta-kasta dan berperingkat-peringkat itu sama ada bagi kehidupan di kampung atau di kota-kota.

Seseorang penyair adalah mempunyai perasaan penting dalam sesuatu pandangan yang meluas terhadap apa yang dapat dirasakan oleh penyair itu sendiri dari segi penelitian hidup dan tajamnya penulisan (pena) seorang penyair itu dengan kejadian-kejadian dalam masyarakat. Dari hal tersebut timbullah rasa untuk melahirkan daya cipta bagi memahami dan meneliti keadaan atau perasaan hidup itu.

### KREATIF SASTERA : PUISI

Masyarakat Brunei melihat bahawa perkembangan puisi Brunei berkembang mengikut arus zamannya, maka puisi baru (sajak) adalah mengambil tempat untuk tersebar luas ketika pelajar-pelajar Brunei di Malaysia dan Singapura. Puisi-puisi baru Brunei mula ditulis oleh kalangan guru-guru tahun 30-50-an di antara penulis-penulis awal yang kerap menulis ialah Yura Halim, Nun Ain Lam, H.M. Salleh, Tamin Mali, S. Muhammad, Sekunar Hayat, Adi Kelana, Guru Muda, Anak Jati Brunei, Wijaya, A. Doli dan Putri Tanjong. Kemudian lahir lagi keluhan penyair seperti Shukri Zain, Yahya M.S., Badaruddin H.O., Adi Rumi, Salmi Mesra, Atma Kelana, Seri Brunei, Sabda Jiwa, Jali Abdul Latif, Asri Ananda, Zairis M.S., Armada, Muhammad Abdul Latif, A.S. Isma, Adi Marhaen, Noorilham, Rahim M.S., A. Yusof Gumbul, K. Manis, Mahdi Matarsad, Adi Wahab, A.M. Noor, Pengiran Amir Nusantara, M.I. Mas, Masra, Latiff Chuchu, A. Hashim Hamid, Adi Misere, Norsiah M.S., Noor Islam, Ferdaus H.N., Metusin Omar, Yusof M.D., Tuah Barma, A. Mahad, M.T. Zunah, H. Mar, Faridah Hamid, Aminah Momin, Noorhaimen, Tinta Merah, Jawawi Haji Ahmad, Patani, Suganda dan lain-lain.

Hasil karya penyajak-penyajak Brunei yang begitu banyak itu telah diterbitkan melalui kumpulan antologi puisi perseorangan dan bersama yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei - syarikat swasta dan penerbitan tempatan dalam negeri dan luar negeri seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia (antologi bersama).

Dalam awal-awal tahun 60-an puisi moden Brunei dirasakan semakin membiak walaupun tidak ada akhbar-akhbar tempatan yang memupuk karya sastera mereka, namun tidak menjadi halangan besar untuk melihat perkembangan daerah persajakan dari Negara Brunei Darussalam dan tidak dapat menahan suara-suara mereka tampil ke hadapan menyalurkan persajakan melalui akhbar-akhbar baru dan majalah baru di tanah Melayu dalam tahun 60-an seperti akhbar Mingguan Malaysia dan Majalah-majalah Angkatan Baru dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang sering menampung karya-karya yang dihantar dari seberang laut khasnya penyajak-penyajak dari Brunei Darussalam dan ini tidak ketinggalan akhbar-akhbar dari Sabah, Kota Kinabalu. Tiga Akhbar dari Sabah yang menampung ruangan sajak dan cerpen dalam ruangan bahasa Melayu iaitu akhbar Daily Express, Utusan Kinabalu dan Sabah Times, maka dari ketiga-tiga akhbar inilah mula bercambahnya kelahiran penulis-penulis kesusasteraan Melayu Brunei.

Apakah kesan kepada penyajak-penyajak mengenai peristiwa dalam tahun 60-an di Brunei? Revolusi atau peristiwa yang meletus di Brunei itu memang banyak yang mengilhamkan kepada penyajak-penyajak atau cerpenis-cerpenis sebagai sesuatu bangsa yang terlibat didalamnya, tentu tidak terlepas kepada kancah politik pada tahun 1962 itu - apatah lagi penyair-penyair Brunei memang sudah berkobar-kobar dengan semangat kebangsaan yang meluap-luap semakin lama mengidamkan kebebasan rohaniah dan jasmaniah.

Tetapi sajak-sajak yang lahir selepas revolusi atau peristiwa itu tidaklah begitu terlibat dalam kancah api revolusi politik - mereka lebih menilai dari *Insight Humanisme*, bukan seperti revolusi di Indonesia yang pada keseluruhannya melibatkan diri untuk menentang kolonialisme dari Belanda dan Jepun oleh seluruh bangsa Indonesia sehingga sajak-sajak revolusiner terhadaap pihak penjajahan seperti saja-sajak revolusiner, contohnya sajak 'Aku', 'Diponegoro', 'Cerita Buat Dien Tamaela' serta 'Persetujuan Dengan Bong Karno' (sajak oleh Khairil Anwar) atau novelis revolusi - Pramodia Anantator yang melahirkan novel *Perburuan, Mereka Yang Dilumpuhkan atau Bukan Pasar Malam*, umpamanya banyak mendapat bahan dari pecahnya revolusi Indonesia.

Penyair Brunei dipelopori oleh penyajak veteran (Angkatan Tua) yang lebih lama bertapak di dunia persajakan - salah seorang dari penyajak itu ialah Adi Rumi, penyajak revolusi (memberontak dalam nada dan kalimah sajak) dan herdik (lihat kritikan sastera yang ditulis oleh Kemala dalam Mastika - Januari, 1964). Kemudian diikuti oleh penyair Yahya M.S.; dan Badaruddin H.O. penyajak romantik - idealis (menurut pandangan penyair Kemala) yang kadang-kadang menerjunkan diri ke alam fantasi. Kemudian diikuti lagi dengan deretan nama seperti A.S. Isma; Salmi Mesra; Atma Kelana; Adi Marhaen yang sering membawa unsur-unsur humanisme dalam sajak serta banyak lagi penyajak-penyajak muda yang kemudiannya lahir dalam tahun 60-an.

### SAJAK MENGENAI REVOLUSI

Kemerdekaan memang suatu perjuangan yang hak dan mutlak bagi setiap bangsa di dunia ini - kemerdekaan itu dicapai sama ada menerusi evolusi ataupun revolusi. Suatu penderitaan dan pengalaman hidup yang pahit selama itu ditekan oleh pihak penjajahan, maka penulis tetap meneruskan dan dikumandangkan melalui sajak. H.B. Jassin pengkritik Indonesia yang terkenal menyatakan : "Penderitaan dan pengalaman membikin orang jadi sinis dan berani" - hal ini kita terima sebagai kenyataan yang mutlak, jadi tak usah hairan kalau penyair Adi Rumi bangun membentak dengan penuh sinis.

Tiada yang lebih mesra dalam dada yang menyemburkan darah ke langit bahang abad kita hubungkan bersama tali-tali jantung yang meresap bau-bau revolusi kerana orang demikian anak menurut arus gelagatnya! (Adi Rumi : Revolusi).

Dalam suara yang lebih diutamakan bahawa getaran rasa dan jiwa penulis pemilihan tema yang agak subjektif seperti sajak 'Aku' (H.B. Hidup) dari antologi sajaknya *Tasek Lembauh Buntar* bersama S.M.J.A. - M.S; bermadah :

Aku adalah manusia biasa
lahir dengan berlumuran darah
belum mengenal cinta
Aku!
cinta damai, keadilan, kemakmuran
Aku!
kembali dengan berlumuran darah semula.

Kemudian dalam 'Tangisan Terjajah' (Yura Halim) kita petik daripada frogrem sajak itu seperti berikut :

Beta terasa
darah beta darah hidup mengalir
biarpun kini diperkosa
masanya kan tiba bergilir.

Beta terbaring
wajah keindahan Alam pesaka
biarpun jiwa melayang
asalkan bangsa Negara Merdeka.

Jiwa penyajak yang faham mengenai kebangsaan itu terdiri daripada golongan tertentu, malah tokoh-tokoh politik, antaranya dua orang penyajak yang dipaparkan di atas (Al-Marhum H.B. Hidup) bekas tokoh politik, begitu juga Yura Halim tetap terus berkarya, dan penyajak-penyajak yang lain dari kalangan guru-guru, pelajar-pelajar dan rakyat biasa kita petik sebahagiannya :

Segala musim yang diperhitungkan
antara kehadiran dan kealpaan
biru hati dan lagunya
daerah kering tanahnya.

(Bahaman : Lagunya - April 1958,
dipetik dari : *Malaysia*).

Ada ribuan derita
kelanjutan daerah papa
mengimbau senja bermega
menanti siapa yang berbudi
daerah ini jauh bertapa
samar-samar lagu hidupnya.

(Salmi Mesra : Khabar Dari Daerah
Berita Brunei : Ogos, 1985)

Lantaran itu suara-suara yang lantang dipupuk sendiri oleh akhbar-akhbar tempatan seperti *Mingguan Salam, Berita Brunei, Malaysia, Suara Rakyat, Suara Bakti*, dan lain-lain lagi yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan kesusasteraan tanah air. Apatah lagi kebanyakan akhbar tersebut kuat berpegang kepada kebebasan menyuarakan perjuangan rakyat yang sering kali kita mendengar esak tangisan menuntut kemerdekaan rohaniah dan jasmaniah. Kita petik tiga buah sajak daripada tiba akhbar tempatan itu :

Dari *Suaru Bakti*

Biarkan mereka berpesta
kau menunggu Syurgamu
kita sebangsa
kita mau merdeka.

(Adi Warna : Kita Mau Merdeka, Disember 1961).

Dari *Berita Brunei*

Dari jendela terbuka membayanglah kekeringan
awan kemelau berceritalah anak menghadapi rentangan
bertanya bintang hari jadi dan ukiran hati
oh kekeringan yang belum juga terisi selama ini?.

(Madah Satria : Pengharapan).

Dari *Malaysia*

Sepi meliputi ruang hatinya kini
asing terlantang di kamar mati
lagunya semalam malam
membalam
anak mati di rumah sunyi
kejalangan kenang menemusi
'damai di hasrat hati'
masih jauh untuk menyenarinya.

(Surya Mas Derma : 'Kecewa' Mei 1958).

Lanjutan dari itu melalui puisi (sajak) penyajak-penyajak muda Brunei boleh dianggap sebagai golongan *The Angry Young Man* bangun menyuarakan semangat berkobar-kobar untuk 'Kemerdekaan', apatah lagi setelah melihat negara jiran tetangga muncul satu demi satu merdeka - Malaysa dan Indonesia banyak mempengaruhi golongan *The Angry Young Man* itu.

Apabila urusan perjuangan menuntut kemerdekaan melalui penyajak dengan menggunakan nama samaran, yang tujuannya untuk berlindung supaya tidak diketahui oleh pihak penjajah. Maka satu demi satu akhbar mingguan - *Malaysia, Berita Brunei* dan *Salam* telah berhenti penerbitannya iaitu peringkat awal dengan meniadakan ruangan kesusasteraan, demikian pula *Suaru Bakti*. Kemudian perjuangan persajakan diteruskan oleh orang kuat seperti Yahya M.S., Badaruddin H.O., Adi Rumi, Salmi Mesra, Atma Kelama, Mohd. Zain (Shukri Zain) dan lain-lain, mereka ini semuanya pelajar Brunei yang menuntut di Kolej Islam Malaya dan Sekolah Arab Al-Juneid, Singapura, mereka berkesempatan penuh dan kebetulan mengecap hawa kesusasteraan di Tanah Melayu dan terus berkecimpung sama di akhbar-akhbar seberang laut seperti : *Utusan Kanak-Kanak, Utusan Pemuda, Gelanggang Filem, Fikiran Rakyat, Warta Ahad, Semenanjong* dan kemudian *Berita Minggu, Utusan Zaman* serta juga majalah-majalah.

Penulis-penulis Brunei lebih banyak mengutamakan unsur-unsur 'humanisme' dalam menghasilkan sajak-sajak mereka. Kita lihat sajak A.S. Isma berikut :

Lihat muka 15

**APAKAH kesan kepada penyajak-penyajak mengenai peristiwa dalam tahun 60-an di Brunei? Revolusi atau peristiwa yang meletus di Brunei itu memang banyak yang mengilhamkan kepada penyajak-penyajak atau cerpenis-cerpenis sebagai sesuatu bangsa yang terlibat di dalamnya, tentu tidak terlepas kepada kancah politik pada tahun 1962 itu - apatah lagi penyair-penyair Brunei memang sudah berkobar-kobar dengan semangat kebangsaan yang meluap-luap semakin lama mengidamkan kebebasan rohaniah dan jasmaniah.**




# IBADAT KORBAN BANYAK HIKMAH, KELEBIHAN

MARILAH kita sama-sama tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Masa itu berlalu begitu cepat di mana Hari Raya Aidiladha tahun 1423 dirasakan baru sahaja berlalu, kini tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya Aidiladha tahun 1424 Hijrah, Hari Raya Haji dikenali juga dengan nama Hari Raya Korban. Pada hari tersebut, umat Islam yang berkemampuan dan berhajat untuk melakukan ibadat korban akan menyembelih binatang korban sebagai tanda syukur dan cinta terhadap Allah Subhanahu Wataala kerana agama Islam telah mensyariatkan ibadat korban itu sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

Ibadat korban merupakan antara amalan yang amat disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda sentiasa menggalakkan sahabat-sahabat Baginda melakukan ibadat korban. Ini memandangkan ibadat korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan-kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, ugama dan masyarakat. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang mampu seharusnyalah mengambil iktibar terhadap galakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada sahabat-sahabat Baginda untuk berbuat demikian.

Korban dari segi bahasa bererti dekat dan dari segi istilah syarak pula korban bererti mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala dengan jalan menyembelih binatang dengan niat yang tertentu dan dalam waktu yang tertentu pula. Ibadat korban dilakukan pada Hari Raya Adha atau pada hari-hari tasyriq iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah. Menurut Mazhab Al-Imam As-Syafie hukum ibadat korban ialah sunat muakadah dan binatang-binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri dengan syarat binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib yakni kecacatan mengikut hukum syarak.

Ibadat korban terbahagi kepada dua: korban nazar dan korban sunat. Menurut hukum syarak daging korban nazar wajib disedekahkan keseluruhannya, sementara daging korban sunat dilakukan seperti berikut:

Pertama : Kesemua daging korban tersebut disedekahkan kepada fakir dan miskin dan bagi orang yang berkorban bolehlah mengambil sedikit sekadar beberapa suap untuk mengambil berkah dari korban tersebut.

Kedua : Daging korban tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga disedekahkan kepada fakir miskin, satu pertiga dihadiahkan kepada umat Islam dan satu pertiga lagi untuk orang yang berkorban.

Sesungguhnya amalan ibadat korban itu mengandungi banyak hikmah dan fadilat antaranya:

Pertama : Supaya kita sentiasa ingat terhadap kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail Alaihissalam sebagai korban dan Allah menggantikan dengan seekor kibas.

Kedua : Memupuk semangat prihatin dan pemedulian terhadap masyarakat sesama Islam khususnya golongan yang tidak berkemampuan iaitu fakir dan miskin dengan memberikan daging korban tersebut kepada mereka.

Ketiga : Sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wataala terhadap nikmat-nikmat yang dikurniakan-Nya kepada kita.

Keempat : Menanamkan nilai-nilai murni yang digalakkan oleh Islam ke dalam jiwa seperti sifat belas kasihan, sikap penyayang, bekerjasama, suka menolong, bersedekah dan sebagainya.

Keutamaan ibadat korban banyak diceritakan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di antaranya ialah sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

*"Dari Aisyah Radiallahuanha bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wataala dari menumpahkan darah. Bahawasanya ia (korban itu) datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya dan bulu-bulunya dan kukunya, dan bahawasanya darah (korban itu) mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih."* (Riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana kita di Negara Brunei Darussalam telah sedar dan peka akan kelebihan ibadat korban di mana setiap kali kedatangan Hari Raya Adha, amalan korban diadakan di sana sini seperti di masjid-masjid, di sektor-sektor awam dan suatu dan tidak kurang juga yang mengadakan ibadat korban secara persendirian di rumah masing-masing, dengan adanya amalan ibadat korban sedemikian jelas membuktikan wujudnya suasana kerjasama dan bantu-membantu di antara semua pihak. Di samping kita mengharapkan ibadat korban kita diterima oleh Allah Subhanahu Wataala maka dalam keghairahan kita melakukan amalan berkorban itu perlu juga diingat supaya anggota-anggota yang tidak berguna dan tidak diperlukan seperti tulang, perut dan sebagainya hendaklah disempurnakan dengan cara menanamnya. Dan tempat majlis korban diadakan jika terdapat sisa-sisa dan darah binatang korban yang masih ada, hendaklah dibersihkan bagi mengelakkan bau busuk dan didatangi oleh binatang-binatang.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga setiap amalan kebajikan yang kita lakukan termasuklah amalan korban kita akan diterima dan mendapat ganjaran pahala yang besar dari Allah Subhanahu Wataala jua, Amin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 37 yang tafsirnya:

*"Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keredaan Allah, tetapi ketaqwaan dari kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hadiah-Nya kepada kamu. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik."*

**ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana kita di Negara Brunei Darussalam telah sedar dan peka akan kelebihan ibadat korban di mana setiap kali kedatangan Hari Raya Adha, amalan korban diadakan di sana sini seperti di masjid-masjid, di sektor-sektor awam dan suatu dan tidak kurang juga yang mengadakan ibadat korban secara persendirian di rumah masing-masing dengan adanya amalan ibadat korban sedemikian jelas membuktikan wujudnya suasana kerjasama dan bantu-membantu di antara semua pihak.**

## وقت سمبهيڠ، امساك، شورووق دان ضحى

وقت٢ سمبهيڠ، امساك، شورووق دان ضحى باڬي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 28 ذوالقعده، 1424 برسامأن دڠن 21 جينواري، 2004 هيڠڬ كهاري ثلاث، 5 ذوالحجه، 1424 برسامأن دڠن 27 جينواري، 2004 اداله سفرت دباوه اين:-

| مسيحي | ضحى | سوروق | صبح | امساك | عشاء | مغرب | عصر | ظهر | هجره |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| جينواري | | | | | | | | | ذوالقعده |
| 21 | 6.59 | 6.34 | 5.14 | 5.04 | 7.41 | 6.28 | 3.55 | 12.33 | 28 |
| 22 | 6.59 | 6.35 | 5.14 | 5.04 | 7.42 | 6.29 | 3.55 | 12.33 | 29 |
| | | | | | | | | | ذوالحجه |
| 23 | 6.59 | 6.35 | 5.14 | 5.04 | 7.42 | 6.29 | 3.55 | 12.33 | 1 |
| 24 | 7.00 | 6.35 | 5.14 | 5.04 | 7.42 | 6.29 | 3.55 | 12.34 | 2 |
| 25 | 7.00 | 6.35 | 5.15 | 5.05 | 7.42 | 6.30 | 3.56 | 12.34 | 3 |
| 26 | 7.00 | 6.35 | 5.15 | 5.05 | 7.43 | 6.30 | 3.56 | 12.34 | 4 |
| 27 | 7.00 | 6.35 | 5.15 | 5.05 | 7.43 | 6.30 | 3.56 | 12.34 | 5 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي دائره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلأيت دتمبه تيڬ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولأي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

# MENSYUKURI NIKMAT MELALUI AQIQAH

ارشاد حكوم

## IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 173

**BISMILLAH, WALHAMDULILLAH WASSALATU WASSALAMU 'ALA RAULILLAH, WA'ALAA ALIHIE WASAHBIHIE WAMAN WALAH.**

PARA ulama telah berselisih pendapat dalam mengertikan aqiqah. Dari segi bahasa terdapat empat pendapat yang diberikan iaitu:

a) Aqiqah ialah rambut yang di atas kepala anak ketika dia dilahirkan.

b) Perkataan aqiqah diambil daripada kata dasar 'al-'aqq' yang membawa erti memutuskan (al-qath').

c) Aqiqah adalah perbuatan menyembelih itu sendiri. Hujahnya, bahawa makna asal 'al-'aqq' itu adalah dari perkataan 'al-qath" (memutus atau memotong).

d) Mengandungi makna kedua-duanya sekali iaitu dengan makna rambut dan menyembelih, dan ini merupakan pendapat yang lebih baik dipegang.

Manakala dari segi syarak pula, aqiqah ialah binatang ternakan yang berkaki empat yang disembelih ketika hendak mencukur rambut di kepala anak yang baru dilahirkan, sama ada disembelih pada hari ketujuh atau selepasnya.

### HUKUM AQIQAH DAN TUJUANNYA

Jumhur ulama mengatakan bahawa hukum aqiqah itu adalah sunat muakkadah iaitu sunat yang sangat digalakkan oleh Islam. Dasar kepada tuntutan ini ialah hadits Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

*"Anak-anak tergadai (terikat) dengan aqiqahnya, disembelih (aqiqah) untuknya pada hari ketujuh (kelahirannya) dan diberi namanya serta dicukur rambutnya."* (Hadis riwayat Tirmidzi).

Terdapat dua pendapat dalam menghuraikan maksud "anak-anak tergadai dengan aqiqahnya". Pendapat pertama mengatakan bahawa jika tidak diaqiqahkan, anak itu akan terbantut atau terhalang pertumbuhannya, tidak seperti anak-anak lain yang diaqiqahkan. Pendapat kedua mengatakan bahawa maksudnya ialah anak itu tidak akan memberi syafaat kepada kedua ibu bapanya pada Hari Kiamat kelak jika dia tidak diaqiqahkan. Pendapat kedua ini adalah pendapat Imam Ahmad bin Hanbal, dan pendapat ini adalah pendapat yang terbaik.

Keguguran anak yang sudah bernyawa (ditiupkan roh) juga dituntut supaya dibuatkan aqiqah untuknya.

Aqiqah dituntut oleh Islam bukan sahaja bertujuan untuk menghidupkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bagi mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala, tetapi juga dituntut bagi melahirkan kesyukuran ibu bapa kepada Allah di atas anugerah cahaya mata atau zuriat keturunannya. Di samping itu, ia juga merupakan latihan untuk umat Islam dalam melakukan sedikit pengorbanan.

Selain daripada itu, pelaksanaan aqiqah juga adalah bagi melahirkan kegembiraan ibu bapa di atas nikmat yang besar itu. Adalah dianggap kurang sopan kepada ibu bapa yang telah dikurniakan nikmat yang begitu besar, tidak bersyukur kepada Allah dengan melaksanakan aqiqah itu, sedangkan dia mempunyai kemampuan dari segi kewangan dan kelapangan.

### ORANG YANG BERHAK MELAKUKAN AQIQAH

Orang yang disunatkan membuat aqiqah untuk anak yang baru dilahirkan itu ialah orang yang wajib memberi nafkah kepada anak tersebut iaitu bapa atau ibunya sekalipun mereka itu orang fakir atau papa.

Aqiqah tidak boleh dilakukan oleh orang yang tidak wajib ke atasnya memberi nafkah kepada anak tersebut melainkan dengan izin daripada orang yang wajib memberi nafkah (bapa atau ibunya).

Belanja untuk aqiqah itu hendaklah diambil dari wang atau harta bapa atau ibu itu sendiri dan tidak boleh diambil dari harta anak yang hendak diaqiqahkan kerana aqiqah adalah tabarru' (sedekah). Jika diambil dari wang atau harta anak, aqiqah yang dibuat itu tidak sah dan ibu bapa tersebut wajib menggantinya.

Bagi ibu bapa yang berkemampuan, hukum sunat melakukan aqiqah untuk anak mereka itu berkekalan sehinggalah anaknya itu baligh atau cukup umur. Jika anak itu sudah baligh tetapi tiada dibuat aqiqah untuknya, maka sunat ke atasnya melakukan aqiqah untuk dirinya sendiri.

Adapun yang dimaksudkan dengan berkemampuan yang merupakan syarat untuk melakukan aqiqah itu ialah orang yang hendak melakukan aqiqah itu mempunyai wang belanja yang lebih untuk dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya sebelum berlalu jangka masa terpanjang bagi perempuan bernifas iaitu enam puluh hari. Jika kemampuannya itu wujud selepas berlalu masa tersebut (sebelum itu dia tidak mampu, kemudian selepas enam puluh hari baharulah dia mampu), maka tidaklah disunatkan ke atasnya beraqiqah.

Al-Syeikh Muhammad Al-Khathib Al-Syarbini di dalam kitabnya Mughni Al-Muhtāj mengatakan bahawa jika wali anak tersebut tidak mampu untuk beraqiqah sebaik saja anak itu dilahirkan, kemudian dia mampu sebelum umur anak itu genap tujuh hari, maka sunat ke atas wali itu beraqiqah untuk anaknya itu.

Jika kemampuannya itu ada selepas hari ketujuh dari hari kelahiran anaknya dalam masa isterinya sudah melalui semaksima hari-hari nifasnya (enam puluh hari), maka kebanyakan ulama muta'akhirin berpendapat tidak disunatkan ke atasnya aqiqah.

Adapun jika kemampuan itu wujud selepas hari ketujuh dari hari kelahiran anaknya sedang isterinya masih dalam nifas, maka dalam hal ini, para ulama berbeza pendapat. Menurut pendapat Yusuf Al-Ardabili di dalam kitabnya Al-Anwār li A'māli Al-Abrār, beliau mentarjihkan (lebih cenderung kepada) pendapat yang mengatakan sunat ke atasnya aqiqah.

Dalam erti kata lain, jika wali itu tidak mampu sehingga habis masa nifas isterinya, maka gugurlah daripadanya hukum sunat melakukan aqiqah.

Dalam masalah menentukan hukum melakukan aqiqah untuk anak zina pula, menurut Ibnu Hajar sebagaimana tersebut dalam kitabnya Tuhfah Al-Muhtāj bahawa hukumnya adalah sunat ke atas ibunya melakukan aqiqah untuk anak zinanya itu, akan tetapi hendaklah dilakukan aqiqah itu secara sembunyi-sembunyi (tidak dizahirkan).

### MASA AQIQAH

Aqiqah sunat dilakukan sebaik-baik sahaja anak dilahirkan dan berterusan sehinggalah anak itu baligh. Ini adalah pendapat yang paling *rājih*. Apabila anak itu sudah baligh, gugurlah hukum sunat itu daripada walinya dan ketika itu hukum sunat berpindah ke atas anak itu sendiri dalam melakukan aqiqah untuk dirinya sendiri.

Walaupun masa yang disunatkan untuk beraqiqah itu panjang, tetapi yang afdalnya hendaklah dilakukan pada hari ketujuh dari hari kelahirannya. Termasuk dalam kiraan tujuh hari itu, hari anak itu dilahirkan. Jika anak itu dilahirkan pada waktu siang sebelum terbenam matahari, maka hari itu dikira satu hari. Sebaliknya jika dia dilahirkan pada waktu malam, maka malam dia dilahirkan itu tidak dikira sebagai satu hari, bahkan kiraan tujuh hari itu bermula dari hari selepasnya (siang berikutnya).

Jika tidak sempat disembelih aqiqah pada hari ketujuh, digalakkan disembelih pada hari yang keempat belas dari hari kelahiran anaknya, jika tidak sempat pada hari tersebut, disembelih pada hari yang kedua puluh satu. Begitulah seterusnya, boleh dilakukan selepas itu setiap kali berlalu tujuh hari yang berikutnya, seperti pada hari yang kedua puluh lapan, tiga puluh lima dan seterusnya.

Di dalam kitab Kifāyah Al-Akhyār ada menyebutkan bahawa masa untuk menyembelih aqiqah (bagi yang mampu) itu hendaklah jangan melebihi tempoh sehingga kering darah nifas ibu yang bersalin. Jika tidak dilakukan aqiqah setelah kering darah nifas ibunya, maka bolehlah dilakukan selepas itu, tetapi sepatutnya janganlah terlewat sehingga anak itu berhenti menyusu (dalam tempoh dua tahun dari tarikh lahir). Jika tidak dilakukan juga, maka bolehlah dilakukan selepas itu, tetapi janganlah terlewat sehingga anak itu berumur tujuh tahun. Jika tidak dilakukan juga sehingga anak itu berumur tujuh tahun, boleh lagi dilakukan selepas itu, tetapi hendaknya sebelum anak itu sampai umur (baligh). Jika anak itu telah sampai umur baligh, maka pada masa itu diberi pilihan kepada anak tersebut melakukan aqiqah untuk dirinya sendiri.

Masa yang afdhal untuk menyembelih aqiqah itu ialah setelah terbit matahari, dan semasa penyembelihan itu dilakukan hendaklah dibaca yang ertinya:

*"Dengan nama Allah dan Allah Maha Besar (kerajaan-Nya), ya Allah, mohon kurniakan selawat, rahmat dan kebesaran kepada Sayyidina Muhammad, keluarga dan sahabat-sahabat Baginda, ya Allah, ini aqiqah si Polan."*

Semasa menyembelih itu juga disyaratkan berniat dengan niat bahawa binatang yang disembelih itu adalah untuk aqiqah.

### BILANGAN BINATANG YANG HENDAK DISEMBELIH

Bagi anak lelaki, yang afdalnya disunatkan menyembelih dua ekor kambing yang sama keadaan keduanya (besarnya). Manakala bagi anak perempuan, memadai dengan seekor kambing sahaja. Ini berdasarkan kepada hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Sayyidatina 'Aisyah Radiallahuanha yang maksudnya:

*"Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menyuruh kami beraqiqah untuk anak lelaki dengan (menyembelih) dua ekor kambing dan untuk anak perempuan dengan (menyembelih) seekor kambing."* (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Jika tidak mampu menyembelih dua ekor kambing untuk anak lelaki, maka memadailah dengan seekor kambing atau satu pertujuh dari seekor unta atau dari seekor lembu atau kerbau sahaja, kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri membuat aqiqah untuk cucunda Baginda, Sayyidina Hasan dan Sayyidina Husain dengan menyembelih seekor kambing bagi tiap-tiap seorang.

Bagi anak yang khuntsā iaitu anak yang mempunyai dua kemaluan pula, para ulama berbeza pendapat dalam menentukan bilangan binatang aqiqah yang hendak disembelih untuknya. Ibnu Hajar berpendapat bahawa anak khuntsā sama seperti anak perempuan iaitu memadai disembelih seekor kambing sahaja. Manakala Imam Al-Ramli mengatakan bahawa bagi anak khuntsā disunatkan disembelih dua ekor kambing, sama seperti anak lelaki.

Pada perkara membuat aqiqah itu, yang lebih afdhal ialah dengan tujuh ekor kambing, kemudian seekor unta, kemudian dengan seekor lembu atau kerbau, kemudian dengan seekor kibasy, kemudian dengan seekor kambing, kemudian dengan satu pertujuh unta dan seterusnya dengan satu pertujuh lembu atau kerbau.

Oleh kerana itu, jika seseorang itu mempunyai harta yang banyak, yang paling afdal sekali, dituntut supaya dia beraqiqah bagi seorang anak dengan tujuh ekor kambing atau dengan seekor unta atau seekor lembu.

### BINATANG AQIQAH DAN DAGINGNYA

Binatang yang sah disembelih untuk aqiqah sama seperti binatang-binatang yang sah dibuat korban iaitu binatang ternakan berkaki empat seperti unta, lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan kibasy yang telah sampai umurnya dan sihat badannya, tidak berpenyakit dan tidak ada sebarang kecacatan yang boleh mengurangkan daging atau lemaknya atau mengurangkan anggota-anggota yang boleh dimakan.

Oleh kerana itu, binatang yang sangat kurus, yang kudung, yang patah kaki atau pincang, yang buta, yang terpotong telinga atau seumpamanya, tidak sah dibuat aqiqah.

Manakala daging aqiqah digalakkan supaya tidak disedekahkan dalam keadaan mentah, bahkan disunatkan dimasak dengan sedikit rasa manis. Tujuannya ialah untuk menarah harapan baik (optimis) terhadap keelokan perangai dan budi pekerti anak yang diaqiqahkan.

Kemudian daging yang dimasak itu diberi makan kepada fakir miskin, sama ada dengan dihantar masakan itu ke rumah-rumah mereka atau dijemput mereka hadir makan ke rumah tempat beraqiqah, tetapi jika dihantar masakan itu ke rumah-rumah mereka adalah lebih afdal.

Adapun kaki hingga ke pangkal peha kambing tersebut adalah dikecualikan dari dimasak iaitu dibiarkan ia mentah, dan disunatkan disedekahkan kaki kanannya kepada bidan yang menyambut kelahiran anak tersebut. Ini kerana Sayyidatina Fatimah Radiallahuanha, puteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri melakukan demikian dengan suruhan Baginda.

Sementara itu, orang yang beraqiqah digalakkan memakan sebahagian kecil daripada daging binatang yang diaqiqahkan selama mana aqiqahnya itu bukan aqiqah wajib (aqiqah nazar).

Begitu juga daging aqiqah itu harus dihadiahkan kepada orang kaya, dan dia memiliki apa yang dihadiahkan kepadanya itu, dengan maksud bahawa dia boleh memakannya atau menjualnya.

Akan tetapi daging aqiqah haram diberikan kepada orang kafir dan juga haram dijual.

Semasa memotong daging disunatkan supaya jangan dipecah-pecah atau dikerat-kerat tulang binatang yang diaqiqah itu, bahkan dikehendaki supaya diasing-asingkan tulang-tulang itu antara satu sama lain melalui sendi-sendinya sahaja, ini bertujuan untuk mengambil sempena baik supaya tulang anak-anak nanti tidak pecah dan tidak patah sebagaimana tidak pecah dan tidak patahnya tulang-tulang binatang aqiqahnya. Kalau sekiranya tulang-tulang binatang aqiqah itu dipecah-pecah atau dipotong-potong dan dikerat sebagaimana yang biasa dilakukan kepada binatang sembelihan biasa, maka tidaklah menjadi makruh, akan tetapi hanyalah menyalahi yang utama (*khilāf al-awlā*).

Sebagai kesimpulan, aqiqah merupakan ibadat yang antara lain sebagai tanda menyyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala, oleh itu adalah perlu ianya dilakukan menurut sebagaimana yang digariskan oleh syarak.

# Hasad dengki, fitnah dan jahat sangka merosakkan perpaduan

منوجو كريضاٴن الله

**Menuju Keredaan Allah**

كلوارن ڤوست دعوه اسلاميه

PERPADUAN persaudaraan dan kekukuhan masyarakat adalah penting dan mustahak diperhitung dan diambil berat dalam usaha pembangunan umat. Bagaimanapun perpaduan, persaudaraan dan kekukuhan itu tidaklah akan lahir sendirinya, juga tidaklah sesuatu tempat itu secara automatiknya dapat melahirkan tanpa usaha dan kemahuan penduduknya. Maka nyatalah bahawa ketiga-tiga perkara ini adalah dibentuk dan dilahirkan oleh sesebuah masyarakat atau penduduk sesuatu tempat itu dan ia tidak akan dapat dibentuk dan dilahirkan jika anggota masyarakat itu tidak mahu membentuk dan melahirkannya. Dalam hal ini sikap sesebuah masyarakat itu tidak mahu membentuk dan melahirkannya. Dalam hal ini sikap sesebuah masyarakat adalah penting. Jika sesebuah masyarakat itu mahu masyarakatnya baik, aman, sempurna dan dapat membangun, maka anggota masyarakat itu hendaklah berusaha untuk melahirkan tiga perkara tersebut. Di dalam Al-Quran Allah Subhanahu Wataala telah memberi peringatan sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Al-Anfaal ayat 46, tafsirnya: *"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar."*

Dalam usaha ke arah perpaduan dan kekukuhan dalam ikatan persaudaraan itu, setentunya pasti terdapat gejala-gejala yang boleh memecah, merosak dan menggagalkannya, antara lain timbul dari sifat-sifat individu di antara anggota masyarakat itu sendiri, justeru perkara inilah yang perlu diketahui seterusnya perlu dihindarkan oleh setiap anggota masyarakat itu.

Antara lain gejala-gejala yang boleh menggagal dan merosakkan usaha-usaha ke arah perpaduan dan kekukuhan umat itu ialah adanya penyakit hati seperti hasad dengki, fitnah dan mengadu domba (menghasut) dan jahat sangka di kalangan sesetengah anggota masyarakat.

Sifat hasad dengki yang dimaksudkan dalam hal ialah sifat dengki yang disertakan dengan niat jahat dan iri hati. Orang yang hasad dengki seperti ini merasa keberatan pada kurnia dan nikmat yang Allah berikan kepada orang lain sehingga orang yang hasad itu bercita-cita dan berniat kalau boleh nikmat Allah itu hilang dari orang lain walaupun ia tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada hilangnya nikmat tersebut. Orang yang bersifat hasad dengki ini sebenarnya sentiasa jauh dari kasih sayang dan sentiasa berada di dalam seksaan iaitu sentiasa terseksa dengan tekanan perasaan, tidak tenteram dengan nikmat yang Allah kurniakan kepada orang lain. Orang yang bersifat hasad dengki ini di dalam hidupnya tidak akan dapat mencapai hakikat iman selama ia belum lagi mencintai bagi seluruh kaum Muslimin apa-apa yang ia cintai bagi dirinya sendiri dan perlu diingat bahawa ikatan persaudaraan orang mukmin itu ibarat sebuah bangunan, di mana satu bahagian mengukuhkan bahagian yang lain dan ibarat sebatang tubuh, apabila mana-mana anggota mereka merasa sakit maka penderitaan itu bersahut-sahutan dirasakan oleh seluruh anggota badan yang lain. Jadi jelasnya bahawa sifat hasad dengki itu adalah di antara sejahat-jahat sifat hati kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bererti: *"Sifat hasad itu memakan pahala kebaikan seperti mana api memakan kayu api."* (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Sementara fitnah dan mengadu domba (menghasut) adalah lahir dari perasaan dendam, tidak puas hati terhadap seseorang atau satu-satu pihak kerana sebab-sebab yang tertentu seperti kerana hajat tidak dapat dipenuhi, iri hati, cemburu atau semata-mata untuk menjatuh dan menggagalkan seseorang demi kepentingan diri sendiri, untuk mencari kebahagiaan di atas penderitaan orang lain.

Allah Subhanahu Wataala berfirman di dalam Surah Al-Quran ayat 10 hingga 12 yang tafsirnya: *"Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah-belahkan orang ramai), yang sangat-sangat menghalangi amalan-amalan kebajikan, yang melanggar hukum agama, lagi yang sangat-sangat berdosa."*

Diriwayatkan daripada Khudzaifah Radiallahuanhu, katanya: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *"Tidak akan masuk Syurga orang yang suka mengadu domba."* (Hadis riwayat Al-Imam Muslim).

Dan diriwayatkan oleh Imam At-Thabarani bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *"Bukan dari golonganku (umatku), orang yang buruk hati, yagn suka menghasut, yang suka menelek (menenung nasib), dan aku bukan dari golongan mereka itu."*

Sifat dan perbuatan yang tersebut di atas adalah berbahaya dalam pembangunan umat dan masyarakat kerana kesan yang akan timbul daripada sifat-sifat hasad dengki, menabur fitnah dan mengadu domba (menghasut) itu tidak lain melainkan akan menjadi suatu penganiayaan kepada orang lain yang kadang-kadang sukar hendak diatasi atau diperbetulkan oleh orang yang menjadi sifat-sifat mudah percaya mudah menerima, mudah terpengaruh, kurang teliti dan kurang usul periksa, maka akan timbul pula sifat syak wasangka yang tidak baik (jahat sangka) dan perselisihan faham di dalam masyarakat yang akhirnya akan membawa kepada perpecahan dan perbalahan.

Diriwayatkan oleh Abi Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *"Tiga perkara tiada seorang pun yang dapat terlepas daripadanya, iaitu hasad (dengki), sangkaan buruk dan memandang sial terhadap sesuatu. Mahukah kamu saya tunjukkan jalan keluar daripadanya. Jika kamu mendengki, jangan melampaui batas. Jika kamu menyangka buruk, jangan kamu benarkan dan jika kamu merasa sial, hendaklah kamu teruskan."* (Hadis riwayat Ibnu 'Adi).

Dari itu dapatlah diambil kesimpulan bahawa dalam konteks pembangunan umat dan masyarakat, perpaduan dan kekukuhan masyarakatnya melalui sifat-sifat persaudaraan adalah perlu dan mustahak diwujudkan, sementara sifat-sifat yang boleh merosak dan memecah-belahkan dan yang menimbulkan persaingan perlu dijauhkan.

# Kepentingan negara perlu diberi perhatian

BERAKAS, 10 Januari.- Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang mengingatkan mana-mana kesatuan pekerja supaya menyedari mengenai kepentingan negara perlu diberi perhatian dan keutamaan dari segala-galanya.

Awang Haji Bujang menyatakan perkara tersebut sewaktu menerima serombongan pelawat yang terdiri dari Ahli Jawatankuasa Tadbir Kesatuan Pekerja-pekerja Padang Minyak Brunei Shell, Seria (BOWU) di Jabatan Penerangan bagi mendengar ceramah kenegaraan.

Kata Pengarah Penerangan, sebagai kesatuan BOWC sememangnya menjaga kepentingan ahli-ahlinya serta merundingkan sesuatu adalah yang terbaik namun dalam waktu yang sama dan ada ketikanya para kesatuan perlu memikirkan bahawa kepentingan negara itu lebih didahulukan dan diutamakan dari kepentingan ahli.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang ketika menerima serombongan pelawat yang terdiri Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Kesatuan Pekerja-pekerja Minyak Brunei Shell, Seria (BOWU). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Dalam konteks tersebut tambah Awang Haji Bujang, apabila ia menjurus kepada perpaduan, keselamatan dan kesejahteraan awam serta kebahagiaan negara adalah penting bagi kesatuan untuk mengambil bahagian dan inisiatif bahawa kepentingan negara diambil perhatian sepenuhnya dalam memikirkan apa jua rancangan atau isu.

Sementara dalam ceramah kenegaraan yang bertajuk 'Negara Brunei Darussalam Latar Belakang, Struktur dan Fungsi Kerajaan' telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Ahmad Ghazali.

Antara yang dimuatkan dalam ceramah tersebut termasuklah yang menyentuh mengenai pengertian negara dan kerajaan, di samping ciri-ciri sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.

Menurut Awang Haji Ahmad Ghazali menerusi

Oleh
Abu Bakar HAR

Jabatan Penerangan sebagai jabatan yang memberi dan menyalur maklumat kepada masyarakat di negara ini akan sentiasa mengulang-ulang ceramah seumpama hari itu supaya masyarakat di negara ini tidak lupa dan faham serta dapat menanai perkara-perkara yang dimaksudkan dengan negara ini.

Semoga dengan ceramah yang diusahakan oleh jabatan berkenaan sedikit sebanyak mengimbau kembali mengenai diri kita sebagai rakyat, macam mana negara kita ini dan siapa kita dalam negara kita ini agar kita dapat menyampaikan maklumat tersebut kepada masyarakat sekeliling.

Sementara menurut Presiden BOWU, Awang Haji Suhai berkata dengan menghadiri ceramah hari itu telah memberikan pengetahuan baru kepada mereka, di samping dapat menanamkan semangat patriotik kepada mereka yang hadir.

Beliau yang ditemu bual di majlis itu melahirkan penghargaan di atas undangan Jabatan Penerangan dengan harapan untuk memberi pengetahuan mengenai sesi kenegaraan, di samping menjiwainya dalam diri masing-masing agar patuh kepada peraturan dan undang-undang negara.

Dengan menghadiri ceramah tersebut katanya setentunya melahirkan rasa taat bernegara dan pemimpinnya, di samping berazam untuk menyebarkan segala pengetahuan yang diperolehi hari itu kepada ahli-ahli dan masyarakat di sekeliling supaya negara ini sentiasa berkeadaan dalam aman dan hidup harmoni.

# Kelulusan, kemahiran dan pengalaman penting dalam tingkatkan diri

LAMBAK, 7 Januari. - Sijil kelulusan, kemahiran dan pengalaman merupakan tiga elemen penting yang akan meningkatkan harga diri para pelajar dan salah satu nilai tambah bagi mereka yang mengikuti sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional.

Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud berkata, dengan adanya sikap positif dan minat terhadap kursus yang diikuti sudah pasti akan membolehkan para pelajar memajukan diri sendiri sekali gus mampu untuk menyumbang dalam aktiviti pembangunan negara.

Beliau berucap demikian di Majlis Suaikenal dan Memulakan Kursus Bagi Pengambilan Ke-17 Sesi Januari 2004 - Jun 2005 Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam yang berlangsung di sekolah berkenaan, beliau seterusnya berharap agar pengetua dan kakitangan serta pengajar-pengajar di sekolah berkenaan akan sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk

Oleh
Bolhassan HAB

memastikan semua pelajar akan diberikan pendidikan dan latihan yang berkualiti serta prihatin akan perkembangan dan kemajuan mereka.

Dalam pada itu, Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik turut menyeru ibu bapa dan penjaga supaya sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan anak mereka dan akan berhubung terus dengan pihak sekolah jika ada apa-apa juga masalah yang dihadapi.

Jelasnya, fungsi utama Jabatan Pendidikan Teknik adalah untuk merancang, menyelaras dan menilai perlaksanaan program-program pendidikan teknik dan vokasional dalam memenuhi keperluan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam dan menyokong serta mempromosikan perkembangan sumber tenaga manusia melalui penyediaan perkhidmatan pendidikan teknik dan vokasional kepada masyarakat, kerajaan dan sektor swasta.

Ke arah memenuhi fungsi tersebut, katanya Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Teknik telah menyediakan satu sistem pendidikan teknik dan vokasional, menyediakan infrastruktur pendidikan teknik dan vokasional, menyediakan program-program pendidikan dan latihan serta tenaga pengajar yang profesional dan berkemahiran.

Menurutnya pada masa ini terdapat 95 jenis kursus yang dikendalikan oleh tujuh buah institusi pendidikan teknik dan vokasional di negara ini termasuk dua program ijazah berkembar, sembilan diploma kejururawatan dan 84 buah program yang di kendalikan oleh Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Brunei Darussalam.

Jabatan Pendidikan Teknik akan menyediakan satu sistem pendidikan teknik yang komprehensif, berkualiti dan relevan yang mengandungi tiga peringkat kelulusan dan kemahiran meliputi program-program latihan kemahiran, teknologi dan profesional untuk keperluan sumber



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Teknik, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud berucap di Majlis Suaikenal dan Memulakan Kursus Bagi Pengambilan Ke-17 Sesi Januari 2004 - Jun 2005 Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

tenaga manusia yang diperlukan oleh negara.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh 94 pelajar baru dalam sesi suaikenal termasuklah sukan ria.

# 94 pelajar baru mulakan latihan

LAMBAK, 7 Januari.- Seramai 94 orang berjaya terpilih bagi mengikuti tujuh jenis kursus di peringkat Sijil Kejuruan Kebangsaan 2 dan 3, serta Sijil Vokasional Kebangsaan pengambilan ke-17 Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam di sini.

Pengetua Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Awang Haji Ashri bin Haji Ahmad menjelaskan sebanyak 256 permohonan telah diterima bagi mengikuti kursus-kursus, penyusunan bata; pembuatan pakaian dan jahitan; mengecat dan dekorasi; elektrik; elektro-

Oleh
Bolhassan HAB

nik; sistem paip dan pemasangan paip dan dandanan rambut.

Menurutnya, sejak kebelakangan ini persaingan untuk mendapatkan tempat bagi melanjutkan pengajian di sekolah berkenaan dan di institusi pendidikan teknik dan vokasional amnya semakin tinggi.

Dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Suaikenal dan Memulakan Kursus Sesi Januari 2004 - Jun 2005, Awang Haji Ashri turut menyeru kepada para pelajar baru supaya akan dapat memanfaatkan peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya.

"Pelajar-pelajar mestilah menanamkan komitmen yang kukuh dan berusaha dengan tekun lagi bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan yang cemerlang," ujarnya.

Perkara itu, katanya adalah penting bagi masa depan diri pelajar di samping memastikan pelaburan negara di dalam latihan pendidikan teknik dan vokasional agar dapat memberikan pulangan yang diharapkan.

Pengetua sekolah berkenaan seterusnya menggesa ibu bapa dan penjaga pelajar supaya sentiasa memberikan dorongan dan memata-matai perkembangan pendidikan anak-anak mereka dalam sama-sama memastikan kejayaan mereka.

Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam mempunyai visinya untuk mencapai kecemerlangan dalam latihan di bidang teknik dan vokasional, sementara misinya adalah untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir di bidang vokasional melalui program yang relevan, di samping itu misinya termasuklah menyediakan para pelajar dengan kelulusan yang bersesuaian untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.



PELAJAR-PELAJAR baru Sesi Januari 2004 - Jun 2005 Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BRUNEI ANEKA

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

# Negara bersih rakyat sihat

KEBERSIHAN adalah sangat dituntut oleh ugama. Untuk menunaikan fardu sembahyang kita disuruh membersihkan badan dan pakaian yang kita gunakan hendaklah yang bersih dan kemas. Ini menunjukkan ugama menyuruh kita sekalian sentiasa berada di dalam keadaan bersih.

Kita disuruh menjaga kebersihan untuk kesihatan. Mempunyai negara yang bersih maka sudah tentu kita akan sihat dan dijauhi oleh segala penyakit. Kebersihan itu bermula daripada kita sendiri, keluarga, alam persekitaran, kampung, mukim dan negara.

Jika negara itu bersih sudah tentulah rakyat akan sihat dan cergas dalam menjalani rukun kehidupan, dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap diri dan negara yang tercinta dengan baik dan teratur. Jika negara kotor sudah tentu rakyat akan mudah dijangkiti oleh pelbagai jenis penyakit yang membawa kemudaratan, kelemahan dan tidak bersemangat dalam membuat apa jua tindakan yang membuka minda dan fizikal tubuh badan. Sudah tentu ini akan membebankan pihak yang berwajib.

Bagaimanakah caranya kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini membuat negara bersih rakyat sihat? Kita sebagai rakyat dan penduduk bernaung di bumi bertuah ini haruslah menanamkan sikap patriotisme, prihatin, peka dan rasa bertanggungjawab dalam memelihara dan menjaga kebersihan negara sebagai tempat tinggal yang sedap dipandang mata.

Elakkanlah membuang sampah merata-merata tempat. Sebagai warga yang berdisiplin pembuangan sampah sarap hendaklah dibuat secara teratur untuk mengelakkan kekotoran yang pasti akan mendatangkan pelbagai jenis penyakit berjangkit. Sampah sarap itu hendaklah dibuang di tempat yang disediakan oleh kerajaan atau melalui pengangkutan lori yang menawarkan perkhidmatan secara berbayar bulanan.

Sebagai warga yang bertanggungjawab terhadap kesihatan kita haruslah mengelakkan daripada membuat pembakaran secara terdedah atau terbuka sewenang-wenangnya kerana ini akan membuat pencemaran udara. Jika kita lakukan perkara ini sudah tentu mendatangkan pencemaran kepada udara dan apabila udara itu kita sedut sudah tentu mendatangkan kemudaratan terutama kepada pesakit ampus.

Dalam hidup bermasyarakat kita hendaklah membuat kerja gotong-royong, membuat kerja amal dalam pembersihan dan mencantikkan kawasan halaman masing-masing dengan menanam pokok-pokok bunga demi membisaikan lagi negara yang tercinta ini untuk mendapatkan udara bersih di samping bumi yang menghijau.

Sebetulnya kita sudah didedahkan kepada kesihatan melalui kebersihan semenjak kita kecil lagi iaitu semenjak di bangku sekolah. Di mana setiap pagi murid-murid sebelum masuk kelas di suruh mengutip sampah di sekeliling sekolah dan juga membersihkan tandas. Ini menunjukkan kita sudah dilatih mengenai kesihatan melalui kebersihan. Jadikanlah latihan yang pernah kita lalui di masa silam diteruskan di masa kini. Adakanlah kempen kebersihan di setiap kampung atau mukim bagi semua penduduk tidak kira usia atau umur, muda atau tua, kaya atau miskin dalam menjaga kebersihan alam sekitar untuk menjamin kesihatan. Keluarlah beramai-ramai untuk membersihkan kawasan masing-masing untuk mencapai matlamat negara bersih rakyat sihat.

**Mohd. Khairul Amilin bin Haji Tengah,**
**No. 33, Kampong Madewa, Kilometer 7, Jalan Tutong, BF 1120.**
**No. k/p: 00-275504.**

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. **'Jaugi Dari Melakukan Rasuah'**. Tarikh tutup 28 Januari 2004
2. **'Budaya Murni Bukan Penghalang Kemajuan'**. Tarikh tutup 4 Februari 2004.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,**
**Minda Pembaca,**
**Unit Pelita Brunei,**
**Jabatan Penerangan,**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3510,**
**Negara Brunei Darussalam.**
**email: pelita@brunei.bn**

# Bersama menjaga kebersihan persekitaran

DEWASA ini masalah kebersihan dan kesihatan adalah menjadi isu globalisasi yang sangat diambil berat dan perhatian oleh semua negara di dunia ini dengan mengambil langkah-langkah positif dan bermacam-macam lagi. Ini kerana kebersihan dan kesihatan mempunyai hubungan yang rapat dalam kehidupan kita. Bermula dari kebersihan diri sendiri dan alam sekeliling akan menjadikan kita sentiasa menjalani kehidupan yang sihat.

Kesihatan adalah penting untuk diri kita manakala kebersihan pula penting bagi diri kita dan negara. Kebersihan dapat membantu untuk menjauhi diri kita daripada segala penyakit yang datang dari kekotoran seperti denggi. Oleh itu pihak berkuasa dan masyarakat haruslah bekerjasama dalam menangani dan menjaga kebersihan alam sekeliling. Kita haruslah mengambil langkah positif dengan mengamalkan cara hidup sihat melalui kempen-kempen kebersihan dan sebagainya. Perlu diingat, kebersihan bermula dari diri kita sendiri dan halaman rumah untuk menjadikan negara kita bersih.

Apa yang sering menjadi tumpuan untuk dibersihkan dan dicantikkan di negara ini ialah tempat-tempat perkelahan antaranya pantai-pantai peranginan dan teman-teman rekreasi. Tidak terkecuali juga ialah di kawasan-kawasan bangunan kerajaan serta masjid-masjid dan kediaman persendirian. Oleh itu institusi penghulu mukim dan ketua kampung di negara ini diseru melibatkan diri dalam menjadikan amalan menjaga kebersihan kampung dan persekitarannya sebagai suatu budaya hidup dalam masyarakat berkampung.

Jika kawasan perumahan persekitaran mukim dan kampung bersih serta indah, bebas dari sebarang pencemaran sememangnya mempunyai banyak kemanfaatannya serta faedah bukan saja dari aspek kesihatan, kesejahteraan malah daya tarikan yang akan dapat membantu dalam menaikkan nama dan imej mukim atau kampung itu sendiri, di samping itu ia secara tidak langsung boleh menarik minat kehadiran pelancong dari luar negeri sekali gus boleh meningkatkan ekonomi.

Akhirnya setiap individu haruslah berperanan dalam menjaga kebersihan negara daripada segala kekotoran dan pecemaran yang boleh mendatangkan penyakit. Slogan kata 'Negara Bersih Rakyat Sihat' adalah cogan kata yang menarik yang dapat membantu kita untuk menyedari kebersihan itu adalah penting untuk kesihatan. Ia juga membawą maksud jika negara kita bersih bebas daripada segala pencemaran dan kekotoran dapat membawa rakyat menjalani hidup dengan sihat. Dengan kebersihan juga dapat membantu kita menghirup udara segar dan selesa menjalani kehidupan seharian seperti beriadah dan sebagainya.

**Suhaibul bin Awang Ahmad,**
**No. 662, Simpang 660,**
**Kampong Lumapas 'B', BJ 3524.**
**No. k/p : 00-296033.**

# Tanamkan sifat pembersih kepada kanak-kanak

SEBUAH negara dan setiap masyarakat memang mengidamkan kebersihan untuk mencapai kesihatan yang mantap. Jika negara tidak bersih sudah setentunya rakyat jelatanya akan turut terjejas dari segi kesihatan mentalitinya mahupun fizikalnya. Bagaimana untuk mengaplikasikan bersih terhadap negara supaya rakyat kita mengamalkan hidup yang sihat lagi cergas, kita perlu menjaga dan memantau setiap tempat dan sudut bandar-bandar utama, kampung-kampung, kompleks membeli-belah dan tempat-tempat yang menarik dengan membuat pemantauan oleh pihak yang berkuasa. Pihak yang bertanggungjawab iaitu sektor awam dan sektor swasta perlu menyediakan infrastruktur-infrastruktur bagi membersihkan kawasan-kawasan yang sering dilanda kekotoran.

Masyarakat juga perlu sedar bahawa kebersihan perlu ditekankan dalam pergaulan kehidupan seharian agar kita tidak berpenyakit, cuba bayangkan jika negara kita mengalami banyak penyakit disebabkan oleh kekotoran dan tidak mengamalkan sikap pembersih sudah setentunya tahap ekonomi negara akan turut terjejas kerana kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan kos perubatan yang tinggi, malahan lebih mendukacitakan penyakit berjangkit boleh sahaja meragut jiwa seperti kanak-kanak kecil, pelajar-pelajar, wanita-wanita dan sebagainya. Di manakah logiknya rakyat yang pembersih dan mengamalkan hidup yang sihat jika sekiranya masih mengalami penyakit? Memang semua ini anugerah daripada Ilahi yang telah ditentukan tetapi perlu diingat Allah Subhanahu Wataala menyarankan kepada kita supaya berusaha untuk mengubah segalanya dan sentiasa berdoa mengingati Allah Subhanahu Wataala melalui ibadah melakukan salat lima waktu.

Setiap keluarga juga disarankan untuk menjaga etika keberihan dalam rumah tangga supaya anak-anak akan dapat mengikut segala apa yang ibu bapa mereka lakukan. Penanaman sikap pembersih di peringkat kanak-kanak sudah pasti terbentuk dengan sempurna dan baik kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya, maka tanamkan sikap pembersih dari sejak kecil supaya kelak nanti negara kita tidak menanggung rugi. Ada segelintir masyarakat yang tidak merasa dirinya salah malah merasa dirinya betul, membuang sampah di merata-merata tempat, sehingga menyebabkan pencemaran udara berlaku.

Justeru itu di Kampong Ayer sekarang telah disediakan tong-tong sampah setiap rumah bagi mengelakkan pencemaran air berlaku. Ini kerana jika hampir semua penduduk di Kampung Ayer membuang sampah ke dalam sungai setiap hari maka kepupusan ikan akan berlaku dan kuman berjangkit akan semakin berkembang biak. Sebab inilah kerajaan peka terhadap perkembangan yang ada di sekeliling Kampong Ayer untuk menyediakan tong-tong sampah supaya penduduknya tidak membuang sampah ke dalam air yang juga menyebabkan ikan-ikan di air dan tumbuh-tumbuhan dalam air akan turut terjejas dan akhirnya akan pupus.

Sebagai kesimpulannya, amalkan sikap pembersih agar kita sejahtera dalam mencapai hidup bermasyarakat. Islam telah menitikberatkan mengenai kebersihan supaya penyakit tidak akan timbul. Iman yang kukuh adalah lahir dari kesucian zahir dan batin maka kebersihan asas dalam mewujudkan masyarakat dan rakyatnya yang sihat. Jika negara mengalami penyakit berjangkit misalannya SARS, terpaksalah kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi di samping boleh meragut jiwa yang tidak bersalah dan berdosa.

Amalkanlah sikap pembersih kerana masyarakat yang bersih akan menempa nama negara di arena antarabangsa seperti negara kita antara 10 teratas dari segi kebersihan. Namun perkara yang paling penting jagalah negara supaya bersih supaya tahap kesihatan rakyat terjamin, di samping itu jagalah kebersihan negara dari tohmahan dan kritikan negara-negara asing, jangan sampai kita dilabel antara negara-negara yang pengotor.

**Norsharizahwati binti Mohd. Said,**
**No. 18 'B', Kampong Sungai Kebun, BK 2325.**
**No. k/p : 00-311857.**

**MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Negara Bersih Rakyat Sihat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak $40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

REMAJA

# MENGASUH BAKAT KEPIMPINAN

OLEH H. A. MANAP

HARI ini ketrampilan diri dan corak pemikiran yang melahirkan setail pimpinan bukan lagi menjadi perkara yang asing. Ia amat rapat bergabung dengan kredibiliti dan juga inovasi yang dapat dilahirkan oleh seseorang yang dipilih untuk memimpin sebuah organisasi. Generasi muda selalunya menjadi fokal untuk diasuh dan dididik atau yang lebih kerap digunakan di 'groom' untuk dijadikan sebagai modal untuk menjadi pemimpin. Kepimpinan hari ini terlalu jauh berbeza jika dibandingkan dengan 10 atau 15 tahun yang sudah kita tinggalkan. Keperluan pelanggan, kehendak dan naluri serta cita rasa mereka sudah begitu tinggi untuk dipenuhi. Justeru kepimpinan hari ini mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk mewujudkan corak kepimpinan yang berkualiti tinggi.

Sesebuah organisasi dalam keadaan yang ada sekarang bukan hanya setakat memberikan janji akan tetapi ialah menunaikan perkhidmatan dengan lebih baik dan sempurna. Lebih inovatif, produktif dan berdaya saing yang diadun dengan kualiti yang tinggi untuk dilahirkan. Kepimpinan hari ini mestilah bijak mempengaruhi orang bawahan melampaui kepandaian yang sedia ada dan mampu mewujudkan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi untuk dijadikan sebagai sebahagian dari janji yang ingin dilakukan.

Pemasaran kredibiliti juga perlu diungkayahkan ke tahap yang amat maksimum untuk dijadikan sebagai modal memperkenalkan jenama organisasi atau kempimpinan kerja. Era sekarang lebih ramai orang menjadi sebahagian dari kita berbanding menjadi penonton atau pengguna semata. Maknanya perkhidmatan yang akan kita berikan adalah perkhidmatan yang mampu dilihat sebagai memenuhi sekurangnya kehendak dan keperluan mereka meskipun tidak memenuhi keperluan dan kehendak tersebut secara seratus peratus.

Senario yang kita lalui sekarang inilah yang menjadikan kita lebih proaktif dan dinamik dalam menangani keperluan sebagai pemimpin dalam sebuah organisasi. Generasi muda yang dianggap sebagai generasi pelapis, sudah selayaknya diasuh dan dilatih untuk menjadi pemimpin yang dinamik dan progresif. Sebaik sahaja melangkah ke alam pekerjaan sudah tentulah perkara baru dan suasana sekeliling akan mengajar kita erti tanggungjawab dan peranan yang patut kita mainkan. Kita tidak akan dapat lari dari memikul tanggungjawab ini. Justeru, adalah penting dari usia muda ini untuk kita belajar dan memahami erti kepimpinan itu sendiri.

Mudah-mudahan dengan adanya pemahaman dan tahu akan peranan dan tanggungjawab mudahlah dalam menunaikan tugas dan kewajipan kita. Kita tidak perlu menunggu masa yang agak lama, katakan kita berkira-kira sebaik-baik sahaja selesai pengajian barulah kita akan menentukan ke mana dan bagaimana kita akan berperanan.

Mengapakah persoalan kepimpinan penting dalam membentuk sebuah masyarakat dan negara itu? Mencorakkan kehidupan yang lebih baik dan sempurna memerlukan kepada corak kepimpinan yang berkaliber besar dan mempunyai kewibawaan yang sangat tinggi. Ia tidak akan lahir begitu sahaja tanpa adanya asuhan dan juga pendedahan yang sentiasa bersifat proaktif dan dinamik. Kita perlu berani dalam menangani dan mewujudkan suasana kepimpinan yang kondusif. Kerana itu generasi muda harus bersedia dari sekarang mengisikan bekalan dengan kemahiran dan keilmuan dalam bidang pengurusan yang mencakupi pelbagai bidang. Kemahiran dan kepandaian sedemikian inilah yang akan dipergunakan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Perubahan semasa yang berlaku sekarang memerlukan kita untuk lebih melihat keadaan dan suasana ini sebagai medan untuk menterjemahkan kebolehan bertindak dan mengurus. Kepintaran dan kecekapan diri dalam mengurus keadaan inilah yang menentukan tahap pencapaian yang akan kita capai. Kita terpaksa berdepan dengan cabaran masa kini yang bukan setakat menguji kemahiran dan kecekapan akan tetapi juga kebolehan dalam menunaikan dan membuat aplikasi pengurusan yang boleh diterima pakai.

Bila disebut mengenai cabaran ramai yang mengaitkannya dengan unsur positif dan negatif dan jarang yang mahu mengkaji rahsia di sebalik cabaran itu. Cabaran bidang pengurusan yang mewujudkan corak pimpinan dalam sesebuah organisasi merupakan dorongan merangsang kejayaan individu. Cabaran adalah merupakan suatu yang baik dilakukan kerana ia boleh membawa seseorang itu untuk gigih dan giat berusaha. Akan tetapi unsur cabaran mestilah merupakan sesuatu yang baik dan positif untuk dilakukan bukannya merupakan sesuatu yang boleh memusnahkan kehidupan seseorang.

Dalam era yang ada sekarang, kita berdepan dan dicabar untuk mencipta kecemerlangan hidup, kejayaan tinggi di bidang pendidikan, dicabar mencipta kemahiran yang gemilang dan bermacam lagi yang boleh merangsang ke arah itu. Sahutan cabaran adalah satu cara untuk kita membuktikan kepada kawan-kawan, keluarga mengenai kebolehan yang kita miliki. Justeru hanya mereka yang bijak dalam menentukan kejayaan diri akan berjaya merempuh cabaran dan dapat mewujudkan corak pimpinan yang berwibawa dan mendatangkan kesan terhadap perkembangan organisasi yang dipimpinnya.

# Industri makanan berperanan sediakan makanan sihat

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 13 Januari. - Peranan industri-industri makanan di negara ini memainkan peranan penting dalam menyediakan pilihan makanan yang sihat ke arah cara hidup yang sihat dan memberikan persekitaran kondusif bagi pemakanan yang sihat sebagai salah satu langkah bagi memastikan orang ramai dapat mengurangkan dan menghindarkan terjadinya pelbagai penyakit.

Perkara itu adalah antara yang ditekankan di Seminar Promosi Kesihatan bagi pengusaha-pengusaha restoran di seluruh negara yang berlangsung di Pusat Pemeriksaan Kesihatan di sini.

Menurut Pegawai Pemakanan, Bahagian Pemakanan Masyarakat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Awang Irham bin Haji Mohd. Ali, pengambilan makanan yang seimbang hendaklah diambil kira oleh setiap individu, apatah lagi para pengusaha restoran dalam penyediaan makanan yang berkualiti.

Beliau menambah, pengambilan makanan yang tidak mengikuti kuantiti yang disarankan akan menimbulkan beberapa faktor yang menyebabkan terjadinya penyakit termasuklah penyakit jantung koronari iaitu penyebab utama kematian di negara ini, diikuti dengan penyakit barah, kencing manis, buah pinggang dan pendarahan otak.



PEGAWAI Pemakanan, Bahagian Pemakanan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Awang Irham bin Haji Mohd. Ali ketika memberikan taklimat kepada pengusaha-pengusaha restoran. – Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Mengikut kajian yang dibuat, mendapati banyak jenis pemakanan yang boleh mengakibatkan penyakit-penyakit dengan mengambilan zat-zat makanan dan minuman secara berlebihan atau berkurangan juga adalah faktor yang boleh menyebabkan penyakit.

Dalam memastikan untuk menikmati tahap kesihatan yang cemerlang, beberapa aktiviti promosi dan pendidikan yang berterusan adalah sangat penting dititikberatkan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kesihatan kini lebih menekankan kepada mempromosikan kepada kesihatan positif daripada memberikan penekanan terhadap pengawalan penyakit.

Dalam mencapai kesihatan yang cemerlang itu, Kementerian Kesihatan meningkatkan usaha dalam mengawal keselamatan makanan selaras dengan Piawaian dan Peraturan-peraturan Kesihatan Awam 1998.

Langkah-langkah diambil bertujuan bagi memastikan produk-produk makanan tempatan adalah setanding dengan produk-produk makanan luar negara dan dalam pada itu juga amalan cara hidup yang sihat juga melibatkan aspek-aspek pemakanan.

Seminar dua hari itu dihadiri oleh lebih 50 orang pengusaha-pengusaha restoran dan pengimport makanan di negara ini.

Seminar anjuran Kementerian Kesihatan dengan Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan itu antara lain bertujuan untuk menerapkan dan meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai konsep-konsep promosi kesihatan, di samping itu juga meningkatkan kesedaran pengusaha-pengusaha restoran mengenai keselamatan makanan.

Taklimat promosi kesihatan bagi pengusaha-pengusaha restoran dan pengimport makanan telah diberikan oleh dua orang pegawai Bahagian Pemakanan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan seorang pensyarah undangan dari Universiti Kebangsaan Singapura, A/Profesor Wong Mee Lian.

# Buku 'Jejak-Jejak' dilancarkan

Oleh
Abdullah Asgar

TUNGKU, 12 Januari. - Sumbangan penulisan yang berbentuk kertas kerja yang dibuat oleh Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman kini dibukukan dengan diberi nama 'Jejak-Jejak'.

Buku tersebut yang setebal 361 muka surat dimuatkan dengan 18 jenis kertas kerja yang pernah ditulis oleh Allahyarham sejak hayatnya yang banyak berkisar pada penubuhan undang-undang Islam di negara ini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz telah merasmikan Majlis Pelancaran Buku Jejak-Jejak di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan menandatangani di halaman pertama buku tersebut secara simbolik.

Akademi Pengajian Brunei (APB) telah diberi kepercayaan oleh UBD untuk menerbitkan buku tersebut sebagai mengenang jasa, budi dan sumbangan Allahyarham yang pernah menjadi Naib Canselor UBD pada tahun 1999 sehingga 2002.

Sejak Allahyarham menjadi Naib Canselor UBD selama hampir tiga tahun beberapa perkembangan dan kemajuan telah dicapai antaranya terbina Dewan Canselor yang ada sekarang dan beberapa lagi pembaharuan dari segi pentadbiran dan akademik.

Buku tersebut mula diusahakan penerbitannya oleh APB sejak Mac tahun lalu dengan mengumpulkan semua kertas kerja yang pernah ditulis oleh Allahyarham termasuk ketika membentangkan kertas kerjanya di luar negara khasnya di Malaysia di mana Allahyarham mula berkhidmat setelah lulus dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

Selain menerbitkan buku Jejak-Jejak, UBD melalui Fakulti Sastera dan Sains Sosial juga sedang berusaha bagi menerbitkan buku Sumbangsih yang juga bertujuan bagi mengenangkan jasa dan budi Allahyarham.

Di samping itu, UBD juga sedang berusaha menerbitkan beberapa buah buku lagi yang semuanya untuk mengenang jasa dan khidmatnya ketika menjadi Naib Canselor UBD.

Buku Jejak-Jejak kini boleh dibeli di APB, UBD dengan harga jualan $20.00 bagi kulit tebal dan $16.00 bagi kulit nipis namun selepas pelancaran sehingga 15 Januari ini setiap pembeli akan diberi potongan harga 20 peratus bagi kedua-dua versi buku itu.

Antara yang menarik dalam buku itu ialah kertas kerja yang bertajuk 'Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam, Konsep Perniagaan Dalam Islam dan Pentadbiran dan Pengurusan Zakat Di Brunei Darussalam'.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menandatangani buku 'Jejak-Jejak' tanda merasmikan pelancarannya. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA

# Penuhi tanggungjawab kepada negara

Oleh
Ak. Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN 6 Januari. - Peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat adalah sesuatu yang berat dan tidak mudah untuk ditunaikan akan tetapi kita semua perlu memahami bahawa matlamat kita untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah untuk memenuhi tanggungjawab kita untuk disumbangkan kepada bangsa dan negara.

Secara menyeluruh peranan dan tanggungjawab seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dapat dilihat daripada tiga sudut utama yang mana di dalamnya terdapat komponen-komponen penting iaitu tanggungjawab kepada negara dan pemerintah, tanggungjawab kepada masyarakat dan tanggungjawab kepada keluarga.

Ini dinyatakan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut di dalam sesi ceramah bertajuk 'Pengalaman Sebagai Pemimpin Pelajar UK' sempena Kursus Kepimpinan MPP PMUBD sesi 2003/2004 berlangsung di Pusat Teknologi Informasi dan Komunikasi, UBD.

Beliau juga menyatakan sememangnya apabila kita amat-amati peranan dan tanggungjawab seorang rakyat itu tidaklah sebegitu mudah untuk ditunaikan lebih-lebih lagi apabila seseorang itu berada di luar negara dan menjadi seorang pemimpin pelajar yang juga berperanan sebagai duta dalam memperkenalkan negara dan berusaha bagi mengangkat martabat negara kita di mata dunia luar kerana ia memerlukan pengorbanan, keikhlasan dan kejujuran dari diri kita sendiri sebagai warga Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga berkata sebagai rakyat kita perlu memberikan taat setia, sokongan dan dukungan kepada pemerintah negara yang mana tanpa sokongan daripada setiap individu rakyat, jentera pemerintahan tidak akan



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

dapat berfungsi secara efisien dan berkesan pada menjaga kepentingan rakyat dan negara sama ada yang melibatkan hal ehwal dalam negeri ataupun mengenai hubungan Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar dan masyarakat dunia antarabangsa.

Selain itu beliau juga menyatakan seorang rakyat mestilah menghormati dan mempertahankan identiti bangsa dan adat istiadat Negara Brunei, bagi tujuan ini, menjadi satu kewajipan bagi setiap rakyat Brunei untuk memahami identiti negara dan bangsa seperti Lagu Kebangsaan Negara Brunei 'Allah Selamatkan Sultan' dan Bendera Kebangsaan Negara Brunei.

"Kita perlu menghormati dengan selayaknya lagu dan bendera kebangsaan seperti berdiri tegak apabila lagu kebangsaan negara dimainkan dan mengibarkan bendera pada hari-hari kebesaran negara."

Apa yang lebih penting, tegas beliau ialah mustahaknya seorang rakyat untuk menjaga dan meningkatkan imej bangsa dan negaranya terutamanya sekali kepada masyarakat luar dengan sentiasa menyanjungi, menghargai dan memperkatakan perkara-perkara yang baik mengenai Negara Brunei Darussalam bukannya mencemuh atau mempersendakan dan memberikan gambaran yang salah apabila membuat perbandingan dengan negara-negara lain terutama sekali apabila seseorang itu berada di luar negara dan menjadi pemimpin bagi sesuatu persatuan.

"Adalah juga perlu mereka menunjukkan yang orang Brunei itu kuat bersatu dan bernegara dengan mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan ketika menyambut sambutan Hari Kebangsaan Ke-20 di tempat belajar masing-masing," katanya.

Beliau seterusnya menambah walau di mana kita berada sebagai pelajar semangat cintakan negara dan patriotisme hendaklah sentiasa disemai di hati kita kerana secara tidak langsung menunjukkan kepada masyarakat di sana yang orang Brunei cinta dan sayangkan negara serta tetap bersatu walaupun di mana mereka berada.



SEORANG kakitangan RBA tidak mahu ketinggalan dalam Kempen Derma Darah bagi membantu mereka yang memerlukannya. - Gambar oleh Masri Osman.

# 8,488 pain darah dikutip tahun 2003

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 13 Januari. - Bahagian Bank Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah berjaya mengutip sejumlah 8,488 pain darah melalui Kempen Derma Darah yang dijalankan sepanjang tahun 2003 di Daerah Brunei dan Muara.

Darah-darah yang didermakan oleh masyarakat prihatin di negara ini digunakan untuk kes-kes kecemasan seperti kemalangan dan mereka yang menjalani rawatan intensif serta semasa seorang pesakit menjalani pembedahan.

Sehubungan dengan itu orang ramai yang berhajat untuk menderma darah dialu-alukan berkunjung ke rumah-rumah sakit yang berhampiran ataupun melalui bank darah bergerak.

Bagi tujuan tersebut, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menerusi projek kemasyarakatannya telah menganjurkan kempen derma darah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan syarikat berkenaan.

Kempen Derma Darah yang diadakan di Pusat RBA di Jalan Terunjing telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para pegawai dan kakitangan di semua bahagian.

# Daerah Belait lima tahun cemerlang PSR

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah PHOA



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Cikgu Apsah binti Haji Abdul Majid menyampaikan hadiah penghargaan kepada seorang murid yang lulus cemerlang dalam PSR tahun lalu.

KUALA BELAIT, 15 Januari. - Pengarah Sekolah-sekolah, Jabatan Sekolah-sekolah, Cikgu Apsah binti Haji Abdul Majid berkata pencapaian keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) seluruh negara bagi tahun ini disasarkan bukan hanya 80 peratus lulus malah 90 peratus ke atas.

Bagaimanapun bagi sekolah-sekolah rendah Daerah Belait beliau mengesyorkan sasaran tersebut kepada 100 peratus lulus. Beliau berucap demikian di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Sekolah-sekolah Rendah daerah ini yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Sayidina Ali, Kampong Pandan di sini.

Beliau berkata, di antara faktor utama yang menyumbang ke arah kecemerlangan akademik berkat kerjasama semua pihak, kepimpinan guru besar, keberkesanan guru-guru, iltizam pelajar-pelajar dan keprihatinan ibu bapa serta penjaga.

Namun demikian tambah beliau, guru-guru sebagai pemimpin sekolah perlu menerima hakikat bahawa kemunduran pelajar-pelajar ada yang di luar bidang kuasa dan tanggungjawab mereka misalnya kerosakan rumah tangga, penceraian dan pengabaian anak-anak merupakan perkara yang mengharukan.

"Kita tidak dapat membina rumah tangga yang telah hancur ataupun mengganggu situasi pelajar-pelajar tersebut, tapi apa yang perlu kita lakukan di sekolah ialah memberi perhatian, bimbingan, kasih sayang dan keyakinan kepada pelajar-pelajar terbabit," ujar beliau.

Beliau percaya guru-guru ada yang pernah menghadapi kes seumpama itu dengan memberi pengorbanan besar untuk kejayaan anak-anak didik mereka yang bermasalah. Guru-guru seperti itu merupakan guru istimewa, mereka menjadi kenangan abadi pelajar-pelajar mereka untuk selama-lamanya, kata beliau.

Seramai 35 murid dari 10 sekolah rendah daerah ini mendapat keputusan 5 A dalam peperiksaan PSR tahun lepas berbanding 23 murid pada tahun sebelumnya, manakala 56 murid dari 13 buah sekolah pula mendapat 4 A tahun lepas, sementara 39 murid tahun sebelumnya.

Dalam pada itu lapan buah sekolah telah mencapai 100 peratus lulus berbanding lima buah sekolah pada tahun sebelumnya. Pada tahun lepas keputusan peperiksaan PSR di daerah ini telah meningkat iaitu 92.50 peratus berbanding tahun hanya 87.37 peratus lulus.

Dengan pencapaian tersebut juga mencatatkan sejarah sebagai daerah pertama mencapai keputusan di tahap cemerlang sehingga lebih 90 peratus lulus, di samping itu daerah ini juga telah lima tahun sejak tahun 1999 telah mencapai keputusan paling ramai lulus PSR berbanding daerah-daerah lain.

Sekolah Rendah PSN Pg. Mohd. Yusof merupakan sekolah cemerlang menghasilkan paling ramai murid mendapat 5 A dan 4 A dan mata pelajaran juga menunjukkan peningkatan kepada 96.70 peratus dalam mata pelajaran Matematik berbanding 91.53 peratus tahun lalu.

Begitu juga Bahasa Melayu meningkat 98.37 peratus dari 98.15 peratus, manakala Bahasa Inggeris 97.75 peratus dari 96.15 peratus dan Sains meningkat kepada 90.85 peratus dari 86.90 peratus serta Kertas Am 96.70 peratus dari 90.60 peratus.

# Tanamkan semangat untuk berjaya

SERIA, 12 Januari. - Pengetua Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Cikgu Haji Abd. Latif menekankan pelajar-pelajar supaya mengubah perangai, sikap dan menanamkan semangat untuk berjaya serta rajin dalam semua bidang.

Selain itu, beliau juga menasihatkan mereka supaya menjauhkan diri dari perkara antisosial dan hendaklah mengikut peratusan serta arahan yang diberikan pihak sekolah.

Beliau menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Minggu Suai Kenal bagi penuntut-penuntut pengambilan ke-15 sekolah itu yang diadakan di sekolah berkenaan.

Menurutnya walaupun sekolah tersebut tidak dapat menjamin pekerjaan tetapi sekolah itu dapat memberi latihan kemahiran dan ilmu pengetahuan kepada penuntut-penuntutnya.

"Dengan kelulusan dan kemahiran yang diperolehi dapatlah dimanfaatkan untuk berjaya serta menyaingi pencari-pencari kerja lain di masa depan," ujarnya.

Beliau menambah peluang pekerjaan masih terbuka kepada lepasan penuntut sekolah itu yang berkelayakan dan berkemahiran kerana mereka dapat menggantikan berpuluhan ribu pekerja asing yang masih bekerja di negara ini.

Katanya dengan adanya kemahiran akan membolehkan seseorang membuka perniagaan sendiri oleh itu lepasan penuntut vokasional dan teknikal diberi peluang mengikuti kursus keusahawanan yang dikendalikan oleh Bahagian Latihan Keusahawanan Jabatan Pendidikan Teknik dan juga kursus yang dikendalikan oleh agensi lain.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan mereka supaya memanfaatkan masa sebaik-baiknya bila berada di sekolah itu dan tidak membuang masa serta belajar dengan tekun.

Beliau juga berharap ibu bapa dan penjaga penuntut serta pengajar-pengajar supaya dapat bekerjasama dengan sekolah itu di semua bidang terutama di segi kedatangan penuntut, pakaian dan disiplin serta menjauhkan mereka dari perkara yang tidak diingini.

Beliau menekankan bahawa sekolah itu sangat mengambil berat di segi kedatangan penuntut dan kedatangan kurang dari 85 peratus sebulan diambil tindakan.

"Surat pemberitahuan pertama, kedua dan ketiga akan dikirim kepada ibu bapa untuk memberi maklum dan untuk berbincang mengenai kedudukan anak mereka. Jika berterusan penuntut akan diberi amaran dan akan diberhentikan dari mengikut kursus," jelasnya.

Seramai 110 orang telah memohon untuk mengikuti kursus pengambilan ke-15 dan dari jumlah tersebut hanya 88 pemohon saja ditawarkan untuk mengikuti lapan bidang kursus di peringkat Sijil Kebangsaan Vokasional (NVC) dan Sijil Kebangsaan Perdagangan (NTC) Tingkat 2 dan 3. Kursus yang ditawarkan NTC 2 Pengimpalan dan Pembuatan, Memotong dan Menjahit Pakaian, NTC 3 Mekanik Kenderaan Bermotor, Membaiki Badan Kenderaan, Membaiki Hawa Dingin dan Peti Sejuk dan Mesin serta NVC dalam bidang Pelajaran Perkeranian.

Semua kursus yang ditawarkan mengambil masa 1 1/2 tahun termasuk latihan industri di jabatan kerajaan dan di syarikat tempatan. Melalui suai kenal itu penuntut-penuntut berpeluang menyesuaikan diri dengan suasana fizikal dan sosial di sekolah itu, di samping berkenalan dan memupuk rasa persahabatan serta bertanggungjawab sesama mereka semua.

Timbalan Pengetua (Pendidikan dan Latihan), Cikgu Haji Ramli bin Haji Mahmud dalam ucapan alu-aluannya berkata sekolah vokasional merupakan satu latihan kemahiran kepada penuntut yang berminat.

Katanya dengan memperolehi kelulusan yang dikeluarkan oleh Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam akan dapat dimanfaatkan untuk kerjaya masa depan ataupun untuk meneruskan pengajian di peringkat Diploma Pra Kebangsaan (PND), Diploma Kebangsaan (ND), Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dan Ijazah.

Sekolah Vokasional juga tambahnya, pilihan tepat yang menawarkan bermacam jenis kursus kemahiran bagi membolehkan para penuntut mempelajari dan menimba ilmu yang berguna serta untuk mempertingkatkan taraf hidup yang lebih menjamin di masa depan memperolehi kelulusan dan kelayakan yang diharapkan.

"Ini akan dapat mengubah nasib seorang pelajar yang kurang berkemampuan dalam mata pelajaran akademiknya tetapi berkemungkinan ada kebolehan dalam bidang teknikalnya, selain itu akan dapat memberi jalan baru untuk menuju meningkatkan taraf kelulusan yang lebih tinggi," jelasnya.

Beliau juga berharap para ibu bapa dan penjaga penuntut supaya akan dapat bekerjasama dengan pihak sekolah terutama dalam hal kedatangan harian anak-anak mereka, di samping menjauhkan diri dari perkara yang tidak diingini berlaku.



PELAJAR-PELAJAR ketika menghadiri pembukaan rasmi Minggu Suai Kenal Pengambilan Ke-15 Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria.

# OGDC pukau pelawat

SERIA, 14 Januari. - Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) menerima serombongan pelawat dari Perkumpulan Wanita Negara Sedunia (ACWW) bagi Rantau Asia Tenggara dan Timur Jauh yang berada di negara ini bagi menghadiri Persidangan Serantau ACWW Kali Ke-7 selama lebih kurang seminggu bermula empat hari lalu.

Rombongan seramai lebih 75 orang itu diketuai oleh Presiden ACWW, Puan Hilda Stewart. Juga menyertai rombongan tersebut Timbalan Presiden ACWW, Puan Ursula Goh.

Sebelum melawat Dewan Galeri mereka terlebih dahulu mendengar penerangan ringkas mengenai sejarah, latar belakang, kemudahan, aktiviti dan acara yang diadakan di OGDC yang disampaikan oleh Ketua OGDC, Neeville Petrie.

Pusat OGDC telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2002. Sejak dari tarikh itu pusat itu terus menerima ramai pelawat termasuk tetamu kenamaan dari dalam dan luar negara, pelajar sekolah dan pelancong dari negara asing. Pada tahun tersebut saja pusat tersebut telah mencatatkan hampir 10,000 pelawat yang bertandang ke situ.

Mereka yang melawat ke pusat itu rata-rata berpuas hati dan terpegun dengan bahan-bahan yang dipamerkan di dewan pameran interaktif yang berunsurkan ilmiah dan pengetahuan am terutama penerokaan dunia sains dan teknologi. Pameran berkenaan mengandungi kawasan orientasi dan tujuh buah galeri mempamerkan penerokaan, penghasilan dan kegiatan berhubung teknologi terkini minyak dan gas.

Galeri juga mempamerkan bentuk bumi, penerokaan, penggalian dan penghasilan serta peluang pekerjaan yang boleh diceburi oleh rakyat negara ini dalam industri minyak dan gas. Di samping itu, pameran juga memperlihatkan simulasi sains misalannya keadaan gempa bumu, simulasi gerakan angin puting beliung dalam bilik khas dan memperkenalkan kanak-kanak kepada dunia sains dan kejuruteraan.

ACWW merupakan sebuah pertubuhan yang besar bagi wanita pendalaman dengan mempunyai keramaian ahli lebih sembilan juta orang di 70 buah negara di seluruh dunia. Majoriti mereka bergantung hidup pada pertanian.

Pertubuhan tersebut aktif dalam projek pembangunan yang mampu bertahan dalam latihan pembangunan dan pertanian, mikro kredit dan penghasilan, isu-isu kesihatan dan makanan termasuk pencegahan HIV/AIDS dan pendidikan, kebolehan membaca, isu alam sekitar dan mendapatkan air bersih serta kebersihan awam.

Matlamat pertubuhan itu untuk memperbaiki taraf kehidupan wanita, keluarga dan masyarakat melalui sokongan jaringan kerja yang meluas dan projek dari akar umbi. Negara Brunei Darussalam pertama kali menjadi tuan rumah bagi Persidangan Serantau ACWW pada tahun 1991.



KETUA Pusat OGDC, Neville Petrie menerangkan mengenai bahan-bahan pameran kepada rombongan pelawat ketika mereka melawat ke Dewan Galeri pusat berkenaan.



KETUA rombongan Akademi Pengajian Brunei, Pengiran Dr. Haji Abu Bakar ketika menyampaikan cenderamata kepada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja, Awang Abdul Hamid bin Abbas.

# APB ADAKAN LAWATAN KE KEMBOJA

Sumbangan
Haji Dayang bin Haji Kassim, APBUBD

KEMBOJA, 23 Disember 2003. - Seramai kira-kira 23 orang mahasiswa dan mahasiswi dari Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) termasuk lima orang pensyarah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kemboja. Lawatan tersebut diketuai oleh Pemangku Pengarah APBUBD, Pengiran Dr. Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Sharifuddin. Lawatan itu antara lain bertujuan untuk meninjau dan melihat serta mempelajari mengenai penghidupan masyarakat Islam dan Melayu Champa di Kemboja yang tinggal bertaburan di kawasan-kawasan ibu negaranya, Phnom Penh.

Lawatan selama 10 hari itu telah memberikan peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi melihat sendiri situasi dan keadaan penghidupan masyarakat Melayu Champa sambil mempelajari susurgalur asal Melayu Champa berkenaan. Program lawatan bermula dengan rombongan APB berpeluang menghadiri satu seminar yang bertajuk 'Melayu Champa: Sejarah dan Cabaran Masa Kini' yang dianjurkan oleh Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Phnom Penh. Seminar tersebut berlangsung di Hotel Micasa, Phnom Penh.




SEMINAR anjuran Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja yang membawa tema 'Melayu Champa : Sejarah dan Cabaran Masa Kini' yang berlangsung di Hotel Micasa, Phnom Penh.

Antara pembentang-pembentang kertas kerja di seminar berkenaan termasuklah Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Phnom Penh, Awang Abdul Hamid bin Abbas serta beberapa tokoh Melayu Champa seperti Pengarah Persatuan Ansar Al-Sonnah Al-Mohammadiah, Yussof bin Abdul Rahman; Pengarah Pusat Anak-anak Yatim Tatok, Haji Kamil dan Timbalan Setiausaha Negara bagi Kementerian Fahaman dan Keugamaan, Yang Berhormat Zakaryya Adam. Seminar dipengerusikan oleh Pensyarah Kanan APB, Dr. Haji Abdul Latiff bin Haji Ibrahim. Seminar menjadi lebih bermanfaat lagi apabila perbincangan berlanjutan dalam sesi soal jawab.

Selain dari itu rombongan pelawat dari APBUBD juga berkesempatan membuat lawatan ke Institut Teknologi Kemboja di mana para pelajar diberikan taklimat oleh Pengarah institut berkenaan dan seterusnya melawat beberapa jabatan seperti Jabatan Sains Komputer, Kejuruteraan, Biokimia dan sebagainya.

Kemuncak lawatan mahasiswa dan mahasiswi APBUBD ialah lawatan ke beberapa buah kampung di pedalaman dan melihat sendiri penghidupan dan aktiviti harian mereka. Antara lain kawasan-kawasan yang dilawati ialah Kilo Bey di wilayah Kampong Cham. Kampung berkenaan terletak kira-kira 150 kilometer dari Phnom Penh dan mengambil masa kira-kira empat jam perjalanan menaiki van dengan keadaan jalan rayanya yang berdebu dan tidak rata serta sempit. Perhentian rombongan ialah di Masjid Nurul Ihsan.

Kedatangan rombongan dialu-alukan oleh penduduk kampung berserta tokoh-tokoh ugama Islam dan tokoh politik Melayu Champa. Barisan dan tepukan gemuruh dari kanak-kanak juga mengalu-alukan kedatangan rombongan yang kemudiannya dijamu dengan air kelapa. Antara atur cara di persinggahan ini ialah ucapan daripada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Phnom Penh, Awang Abdul Hamid. Turut berucap ialah Ketua Rombongan, Pemangku Pengarah APB, Pengiran Dr. Haji Abu Bakar. Selain itu tokoh-tokoh Islam di kampung-kampung berkenaan juga turut berucap.

Dalam persinggahan itu, pengagihan barang-barang yang didermakan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui Pusat Da'wah Islamiah dan juga derma-derma peribadi serta dari APB diagihkan kepada lebih 1,000 orang Islam di kampung-kampung berkenaan. Penyerahan derma-derma tersebut disempurnakan oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar di Kemboja, ketua rombongan pelawat dan juga pensyarah-pensyarah yang ikut serta dalam rombongan.

Rombongan pada hari berikutnya mengadakan lawatan ke Kampong Tralarch, sebuah perkampungan nelayan yang terletak di wilayah Chhnang. Kampung tersebut terletak sejauh 40 kilometer dari Phnom Penh, namun ia memakan masa selama hampir tiga jam untuk sampai kerana terpaksa memandu dengan berhati-hati disebabkan oleh keadaaan jalan raya yang tidak rata dan terlalu sempit. Persinggahan rombongan dalam lawatan ke tempat ini ialah di Masjid Niakmatullah.

Di persinggahan ini juga, acara yang sama berlaku iaitu ucapan daripada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar di Kemboja, dan juga ketua rombongan pelawat. Majlis kemudian diikuti dengan penyerahan derma daripada rakyat dan penduduk

Lihat muka 11




ANTARA barang-barang derma dan bantuan daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan Akademi Pengajian Brunei yang akan diagihkan kepada penduduk-penduduk yang berkenaan.



PARA penduduk Islam Melayu Champa, wilayah Kampong Cham ketika sedang duduk mendengar ucapan dan menunggu bagi pengagihan derma dan bantuan.

# APB adakan lawatan ke Kemboja

Dari muka 10

Negara Brunei Darussalam yang dihantar melalui Pusat Da'wah Islamiah dan juga derma-derma peribadi serta daripada APBUBD kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan. Derma-derma disampaikan oleh wakil kedutaan dan juga ketua rombongan.

Lawatan rombongan diteruskan lagi ke Phum Konpung Loung di Daerah Krako wilayah Pursat yang terletak 96 kilometer dari wilayah Chhnang. Di persinggahan itu rombongan berkesempatan menunaikan sembahyang fardu Jumaat di Surau Al-Hidayah. Di tempat ini, acara yang sama juga berlaku iaitu ucapan daripada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja dan juga ketua rombongan pelawat. Majlis kemudian diikuti dengan penyerahan derma daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dihantar melalui Pusat Da'wah Islamiah dan juga derma-derma peribadi serta derma daripada APBUBD kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan. Derma-derma disampaikan oleh wakil kedutaan dan juga ketua rombongan serta pensyarah-pensyarah yang ikut serta.

Dalam lawatan hari kelima, enam dan tujuh, rombongan pelawat bertolak mengadakan lawatan ke Siem Reap yang jauhnya kira-kira 314 kilometer dari Phnom Penh. Rombongan pergi ke Siem Reap menggunakan kapal kecil dan memakan masa kira-kira enam jam setengah untuk sampai ke sana. Di Siem Reap, Rancangan lawatan diteruskan dengan mengadakan lawatan ke perkampungan Islam dan mendirikan sembahyang Zuhur di Masjid Al-Naikmah. Dalam lawatan ini Kuasa Usaha Sementara Kedutaan dan juga ketua rombongan berkesempatan memberikan ucapan dan seterusnya menyampaikan derma-derma sumbangan daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui Pusat Da'wah Islamiah dan juga derma-derma peribadi serta derma daripada Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

Para ahli rombongan ketika berada di Siem Reap juga berkesempatan mengadakan lawatan ke Angkor Wat, sebuah kawasan kuil zaman kuno yang masih wujud dan tercatat sebagai salah sebuah daripada tujuh keajaiban dunia dan menaiki belon statik setinggi 200 meter dari paras bumi dan melihat Angkor Wat dari udara. Cara penghidupan suku bangsa yang ada di Kemboja ini juga telah dapat diketahui oleh ahli rombongan apabila berkesempatan melawat Perkampungan Budaya yang terletak lima kilometer dari Angkor Wat. Kampung Budaya ini memaparkan sebelas buah replika perkampungan Kemboja memperlihatkan tradisi 19 puak.

Di hari terakhir rombongan berada di Phnom Penh, juga berkesempatan menaiki kapal menyusuri Sungai Mekong dan mengadakan lawatan ke Koh Dach, sebuah kampung yang menghasilkan hasil sutera, Pusat Kesenian dan Kraf Tangan di Trasak Peam dan juga Muzium Pembunuhan Beramai-ramai ( Genocide Museum) di Tuo Sleng yang mana juga merupakan bekas penjara Khmer Rouge yang menempatkan rakyat yang mereka tangkap dan diseksa dan seterusnya dibunuh.

Sebelum berlepas pulang, para rombongan juga sempat mengadakan lawatan ke Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Phnom Penh dan juga berkesempatan mengadakan Majlis Makan Malam dan Apresiasi kepada Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Phnom Penh serta menyampaikan derma wang tunai daripada pelajar dan pensyarah kepada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam sebagai perbelanjaan bagi mencetak kitab Mukaddam untuk diagihkan kepada umat Islam di Kemboja.

Lawatan ini adalah amat bermanfaat sekali bagi pelajar-pelajar dan pensyarah yang menyertai rombongan itu kerana dengan yang demikian dapat mengetahui dan melihat sendiri serta mempelajari cara penghidupan yang dilalui oleh masyarakat Islam Cham Kemboja yang serba daif dan miskin.

Sesungguhnya bantuan yang telah diberikan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah satu yang amat bermakna bagi mereka kerana ini jelas daripada reaksi yang mereka berikan setelah menerima derma dan bantuan berkenaan. Mereka secara umum mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan mereka yang telah menderma dan mendoakan untuk kesejahteraan kita semua. Namun dari pengamatan kami melalui lawatan tersebut apa yang sangat-sangat diperlukan ialah bahan-bahan bacaan dan alat bantuan pendidikan seperti kitab Mukaddam, Al-Quran, peralatan mengajar dan keperluan latihan bagi orang tempatan Melayu Cham Kemboja untuk menjalani latihan perguruan. Dari segi keperluan harian apa yang mereka perlukan ialah peralatan asas seperti penjanakuasa elektrik bagi kegunaan menerangi masjid-masjid dan pembesar suara untuk melaungkan azan serta enjin pam air untuk mendatangkan air ke kolam-kolam mereka yang sentiasa kering akibat musim kemarau yang panjang.



KETUA Rombongan Akademi Pengajian Brunei ketika menyampaikan derma kepada Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja bagi tujuan pencetakan kitab Mukaddam untuk diagihkan kepada penduduk Islam Champa di Kemboja.



PERSINGGAHAN rombongan Akademi Pengajian Brunei di Masjid Al-Naikmah wilayah Siem Reap. Acara pengagihan derma dan bantuan juga dilangsungkan di tempat yang sama.



KUASA Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja, Awang Abdul Hamid bin Abbas ketika berucap di Majlis penyampaian Derma di Masjid Nurul Ihsan, wilayah Kampong Cham.



MAHASISWA dan mahasiswi Akademi Pengajian Brunei bergambar ramai bersama Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di perkarangan Pejabat Kedutaan Besar di Kemboja.



KETUA rombongan, Pg. Dr. Haji Abu Bakar ketika memberikan ucapan sebelum pengagihan derma dan bantuan bagi penduduk Islam Champa di Kampong Traiarch, sebuah kampung nelayan di wilayah Chhnang di Masjid Niakmatullah.



PENDUDUK-PENDUDUK wilayah Pursat ketika sedang mendengar ucapan sambil menunggu pengagihan derma dan bantuan dari rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan juga Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.



# KASIH IBU

**OLEH QISHRA**

**CERPEN**

"SHAM! Sham! Bangun," jerit Mak Zainab.

"Eh! Yelah .. yelah tak usahlah jerit-jerit. Kan masih awal lagi ni," sahut Sham malas sambil memusing badan dan kembali menyelimuti badannya yang tidak berbaju.

"Eh, kau tak pegi kerja ke? Ni dah pukul tujuh setengah. Nanti kau lewat pulak," kata Mak Zainab pula.

"Kepala Sham sakitlah," jawab Sham membohongi emaknya.

"Kalau kepala sakit lekas-lekas makan ubat dan pergi ke klinik jumpa doktor," balas Mak Zainab.

"Emak ni banyak cakaplah. Taulah Sham apa yang Sham nak buat. Pergilah mak dari sini dan tutupkan pintu," kata Sham dengan marah.

"Kau dah hubungi tempat kerja kau Sham," pesan Mak Zainab lagi.

"Emak ni tak sudah-sudah membebel ... membebel ... membebel, keluar!" teriak Sham dengan nyaring. Tiba-tiba kedengaran bunyi telefon, Mak Zainab lalu segera mengangkat.

"Sham! Ada telefon untuk kau," panggil Mak Zainab.

"Dari siapa?" sahut Sham.

"Entah, tak tahu," balas Mak Zainab.

"Kenapa mak tak tanya. Mak ni bodoh sangat. Pergi tanya dari siapa dan dari mana," kata Sham dengan marah.

Begitulah kerenah harian Sham, sentiasa memarahi dan mengatur Mak Zainab. Jika tidak dituruti kemahuannya akan terdengarlah kata-kata yang amat menyakitkan hati. Kadang-kadang tidak disedari oleh Mak Zainab air matanya mengalir namun ia terpaksa tabah menghadapi segalanya yang berlaku.

Walaupun Sham bukan anak kandungnya Mak Zainab tetap menyayangi Sham bagai menatang minyak yang penuh. Dari kecil sehingga Sham mencecah umur tujuh belas tahun, Mak Zainab sendiri tidak pernah memarahinya apatah lagi memukulnya.

Setiap hari Sham meminta duit dari emaknya, walaupun Sham setiap bulan menerima gajinya. Sham beralasan gajinya cuma sedikit, selebihnya disimpannya di bank untuk kegunaannya di kemudian hari.

Siang baginya seperti malam dan malam diibaratkannya bagai siang.

Balik dari kerja, jarang Sham akan terus balik ke rumah. Inilah merisaukan Mak Zainab.

"Sham! Kau dari mana malam baru balik ni?" tanya Mak Zainab.

"Dari rumah kawan," balas Sham lemah.

"Kawan Sham yang mana?" tanya Mak Zainab lagi.

"Mak ni banyak tanya. Sham belajar komputer di rumah kawan Sham. Faham!" teriak Sham.

"Kenapa tak telefon," tambah Mak Zainab.

"Mak, Sham letih nak dengar mak yang selalu membebel dan terus membebel. Mak nak tahu? Sakit telinga ni asyik mendengar mak bercakap. Ambilkan tuala, Sham nak mandi," kata Sham sambil menutup kedua-dua belah telinganya.

"Jangan lupa! Lepas mandi pergi sembahyang. Mak tengok selama ini belum pernah Sham sembahyang," pesan Mak Zainab pula.

"Mak tak boleh nak diam ke. Bising!" jerit Sham sambil menjeling marah sambil meragut tuala dari Mak Zainab.

Cuaca malam tenang. Bulan kelihatan mengembang penuh. Sham memasang televisyen menunggu rancangan kegemarannya, sementara Mak Zainab menolong Zamri memasang langsir. Zamri adalah adik bongsu asuh Mak Zainab. Zamri diasuh oleh ayah dan ibu Mak Zainab sejak kecil.

Mak! Mak! Masak maggi goreng campur telur goreng dua biji dan air manisan campur susu dan hantar ke bilik, cepat sikit Sham dah lapar ni," perintah Sham, sambil merebahkan badannya di lantai lalu mencapai telefon. Jika dia tidak bergayut di telefon tidak tenteram jiwanya untuk berbual-bual dengan buah hatinya walau melarat sehingga ke subuh.

"Tunggu sekejap Sham, mak tolong bongsu Sham memasang langsir ni," balas Mak Zainab.

"Tak boleh tangguh ke? Sham dah lapar ni. Mak ni nak biarkan Sham mati kebuluran di rumah ini ke hah!" teriak Sham sambil menarik nafasnya dan menghembuskannya.

"Heh! Kalau nak makan pergilah masak sendiri. Ini tidak asyik nak mengatur orang saja. Cubalah buat sendiri taklah susah sangat tu," balas Zamri.

"Apa kau peduli dia emak aku, tak usah masuk campur .. penyibuk!" balas Sham.

"Anak biadab! Tidak mengenang budi. Waktu ini emak kau masih ada, kalau dia tidak ada siapa yang memeduli kau," kata Zamri pula.

"Bising! Bising!" teriak Sham lalu menghempaskan pintu biliknya.

"Engkau tu yang tiap-tiap hari buat bising tidak kira siang dan malam terutama menjelang waktu Maghrib mulalah kau memekak sana memekak sini, jalan sana jalan sini, bukankah mengganggu ketenteraman orang lain tu ... sudahlah tak sembahyang langsung. Cubalah hormat sikit dengan jiran-jiran sebelah kita ini, orang sedang sembahyang ke, orang tengah tidur ke, orang sedang sakit ke ... ini tidak asyik teriak-teriak tidak tentu pasal. Cubalah ubah perangai elok-elok, kau tu bukannya kecil lagi dah besar panjang pun. Mulut ni sudah berkalikali menasihati kau Sham tapi kau tak ambil peduli," kata Zamri menerangkan sepuas hati.

"Eleh! .. kalau nak beri ceramah pergi kat masjid," sindir Sham.

"Kurang ajar!" balas Zamri geram.

"Sudahlah Zamri sudah! Nanti didengar jiran sebelah kita," rayu Mak Zainab sambil menggamit badan Zamri.

"Biarkan mereka mendengar. Salah kakak juga terlalu manjakan anak keterlaluan, kelak kakak yang sakit nanti. Siapa yang memeduli kakak nanti kalau dah sakit? Harapkan anak! Tiada hasil, menyusahkan ada," balas Zamri geram.

"Biarlah. Cuma dia seorang saja tempat kakak bergantung, tanpa dia sunyi sepi hidup kakak di rumah ini," balas Mak Zainab lalu menangis.

"Terserahlah pada kakak. Sebenarnya Zamri kasihan melihat kakak diperintah dan dimaki setiap hari. Telinga ini sakit mendengarnya, hati ini tidak tenteram melihatnya. Zamri bukannya apa cuma beri nasihat tapi bila Zamri ingin menerangkannya mulalah kakak menangis," kata Zamri tenang.

Suasana begini sering terjadi di rumah Mak Zainab. Ada-ada saja yang akan didengar. Puas sudah Zamri memujuk kakaknya untuk menasihati Sham tetapi Mak Zainab sering menyembunyikan perangai anaknya yang keras kepala itu.

Pagi itu cuaca cerah. Mak Zainab memasak air. Tiba-tiba kedengaran bunyi telefon. Alangkah terkejutnya Mak Zainab kerana Sham sudah diberhentikan kerja kerana dua hari tidak datang bekerja dan sering ponteng sejak dua bulan kebelakangan.

Sham juga selalu berhutang dari kawan-kawan sekerjanya dan berjanji akan membayar balik tetapi tidak menunaikannya. Bila ditanya bermacam-macam dalihnya.

"Itulah, berkawan dengan orang jahat ... perangai pun ikut jahat," kata Zamri.

"Berkawan salah tak berkawan pun salah," teriak Sham sambil menghentakkan kakinya.

"Bukannya kami nak melarang tapi pilihlah kawan yang boleh dicontohi, ini tidak, kawan ponteng ikut ponteng ... kawan merokok ikut merokok," tegur Zamri tenang.

"Sudah! Sudah! Banyak cakap! Aku merokok bukannya aku kacau orang lagipun aku punya wang sendiri untuk membeli," teriak Sham lagi.

"Malas nak layan orang degil macam kau. Bongsu bukannya nak marah cuma nak beri nasihat. Hemm ... terpulanglah, jangan nanti menyesal pula," balas Zamri.

"Apa yang nak disesalkan? Saya sudah besar dan pandai menyesuaikan diri," sahut Sham.

"Kalau sudah macam tu jangan berkawan dengan orang yang tidak tentu perangainya dan jangan mudah terpedaya serta terpengaruh, kerana kawan bukan semuanya baik dan jujur, nanti jadi bahan percakapan orang pula lagi," jelas Mak Zainab pula.

"Ahhh! Cukup! Cukup! Cukup! Mak tolong diam. Sham nak keluar. Asyik berkurung dalam rumah ini alamat tak tenteramlah mendengar ceramah orang gila yang tidak henti membebel," teriak. Sham lalu menukar bajunya dan terus keluar.

"Kau nak ke mana pula malam-malam ni Sham," tanya Mak Zainab.

Lihat muka 13

# PUISI

### *AKU ANAK MERDEKA*
*(Buat Mas Nani Salwana)*

*I*
*Di jendela sejarah*
*tanggal 1 Januari 1984*
*bergemalah di seluruh negara*
*dengan laungan kalimah*
*Allahu Akbar!*
*Allahu Akbar!*
*Allahu Akbar!*
*Permasyhuran Kemerdekaan*
*sebagai negara berdaulat*
*bebas menentukan arah tuju*
*sebagai negara demokrasi*
*berlandaskan prinsip*
*falsafah Melayu Islam Beraja*
*amalan sempurna.*

*Dengan bertawakal*
*serta teguh pegangan dan pendirian*
*setia keyakinan*
*aku mengerti erti kemerdekaan*
*berani terampil membina*
*- kemakmuran*
*- kesejahteraan*
*- keamanan*
*- keharmonian*
*- kerukunan*
*maka berkembanglah kemajuan*
*di medan pembangunan.*

*II*
*Di tanggal hari keramat ini juga*
*dengan takdir dan izin Allah Subahanahu Wataala*
*lahirlah aku dibumi tercinta*
*bersama semangat laungan*
*Allahu Akbar!*
*Allahu Akbar!*
*Allahu Akbar!*

*Mataku terbuka*
*nafasku lega*
*bermulalah lambaran kehidupan*
*yang cukup bermakna*
*bersama kemerdekaan tulen*
*akan bersemadi cinta kesetiaanku*
*duduk sama rendah*
*berdiri sama tegak*
*sebagai anak merdeka.*

*Setiap musim meraikannya*
*aku terasa*
*- kehangatan*
*- kegembiraan*
*- kesejahteraan*
*- kemeriahan*
*kerana*
*kemerdekaan adalah kedaulatan negara*
*dan aku cintakannya ke akhir zaman.*

*III*
*Kini*
*tanggal 1 Januari 2004*
*kembali lagi*
*maka genaplah 20 tahun*
*kemerdekaan ini sudah dewasa*
*bersama dewasanya diriku*
*namun usaha diteruskan*
*dalam membangun dan memajukan*
*apa yang penting kegigihan dan semangat*
*yang ingin maju ke depan.*

*Aku tahu*
*usaha demi usaha*
*kita masih bersatu menyelesaikan*
*dalam hambatan globalisasi*
*yang tidak selaras dengan aspirasi*
*apatah lagi budaya dan cara hidup kita*
*yang sudah merdeka*
*apa yang penting*
*kejayaan dalam mencorak kemerdekaan*
*di landasan yang betul.*

*Dewasaku*
*menggenggam satu tekad*
*berkembang mekar hasrat*
*memburu ilmu di padang luas*
*dengan ketabahan dan ketekunan*
*kejayaan kucapai di ruang cita-cita*
*dengan segulung kertas yang punya makna*
*maka bersinarlah cahayanya kejayaan hidup*
*ke hujung usia*
*kerana*
*aku anak Merdeka*
*cintakan Merdeka*
*mendaulatkan Merdeka*
*MERDEKA!*

**Haji Tengah bin Haji Salleh**

### *PERTEMUAN I*

*Aku hanya ingin memberitahu*
*perasaa hatiku*
*aku hanya mahu*
*cinta ikhlas darimu.*

*Aku dapat lihat*
*kaulah pilihanku*
*kaulah yang paling kuperlu.*

*Berilah peluang*
*untukku bersamamu*
*dan aku sanggup tunaikan*
*setiap keinginan.*

*Semua orang perlu cinta*
*begitu juga kau dan aku*
*kekalkanlah persahabatan kita*
*luahkanlah perasaanmu.*

*Biarlah pertemuan kita*
*berakhir dengan cinta*
*dan jangan sekali-kali*
*hatiku dikecewa.*

### *PERTEMUAN II*

*Segala memori takkan kulupa*
*yang penuh dengan keindahan*
*delima yang menimpa kita*
*di saat-saat bersama dalam persahabatan.*

*Sudah lama kita tidak bertemu*
*agaknya apa yang kamu lakukan sekarang*
*rasa hati sangat rindu*
*sejak perpisahan kita yang lalu.*

*Walaupun kita tak lagi bersua*
*aku tahu persahabatan akan sentiasa terjalin mesra.*

*Kamu semua takkan kulupa*
*kerana kita sudah berjanji*
*untuk menjadi sahabat selamanya.*

*Sekarang kita serahkan saja pada Tuhan*
*untuk membuat penentuan*
*di hari pertemuan*
*kita yang penuh kegembiraan.*

### *JAUH TAPI DEKAT*

*Diriku jauh di rantau orang*
*rasa rindu pada yang tersayang*
*tapi walaupun berjauhan*
*dirimu tetap di ingatan.*

*Wajahmu selalu di fikiranku.*
*senyumanmu selalu membuat hati rasa rindu*
*ingin rasa hati hendak bertemu*
*tapi apa boleh aku lakukan*
*kah jauh dari pandangan.*

*Terima kasih atas warkahmu*
*yang kau utus untukku*
*warkahmu itu*
*pengubat rasa rinduku.*

*Masa telah banyak berlalu*
*tak kusabar untuk pulang ke tanah airku*
*bersua denganmu*
*wahai kekasihku.*

**Nurza**

Dari muka 12



"Ke mana saja. Mak tak usah nak tahu. Faham!" sahut Sham nyaring.

"Sudahlah Sham, tak usah pergi," rayu Mak Zainab sambil menyapu air matanya yang mula menitis.

"Emak ni bodoh! Bodoh! Bodoh! Tak dengar ke Sham dah cakap, ..." sahut Sham.

"Hei!! Pergi anak biadab. Tak hormat langsung pada orang tua, macam itu kau cakap pada mak kau. Kurang ajar! Pergi kau dari sini," bentak Zamri dengan lantang lantas menampar pipi Sham.

Sham membalas dengan menendang perut Zamri dan terus menghilangkan diri. Zamri menahan kesakitan.

"Zamri! Sudahlah, sudah .. tak baik bertengkar," rayu Mak Zainab sambil menangis teresak-esak.

Keadaan senyap seketika. Jiran-jiran sebelah rumah yang lain tiada pula kelihatan keluar. Mereka faham apabila berlaku keriuhan di rumah Mak Zainab, itu punca dari kelakuan buruk Sham sejak kebelakangan ini.

Pagi minggu yang indah, Mak Zainab sedang menyapu halaman dan tanpa disedarinya seorang perempuan bersama seorang lelaki muda yang tidak dikenalinya datang menghampiri.

Perempuan berusia lingkungan lewat lima puluhan itu memperkenalkan dirinya dan anaknya. Wanita itu memberitahu mereka datang dari kampung yang lain dan menceritakan hal sebenar bahawa Sham telah menjual gelang tangan emas kepada anak lelakinya yang kebetulan sama sekolah dengan Sham tahun lepas.

Anak lelaki itu memberitahu bahawa Sham telah memaksanya membeli gelang itu dengan harga tujuh puluh ringgit. Lelaki itu memberitahu dia tidak mempunyai wang sebanyak itu, kemudian Sham memaksanya lagi dengan harga lima puluh ringgit sehingga akhirnya dengan harga serendah tiga puluh ringgit, itu pun dengan cara paksaan kerana Sham benar-benar memerlukan wang. Mak Zainab terkejut. Rupa-rupanya Sham telah mencuri gelang emas yang dicari-carinya, pemberian Zamri dua tahun lepas.

"Sudah pandai mencuri. Nak jadi apa? Memalukan," kata Zamri.

"Sumpah! Sham tak curi gelang tu, itu semua tak benar," kata Sham mengelak.

Jangan cakap macam tu Sham. Mak tak ajar kau mencuri!" balas Mak Zainab yang sudah mula menitiskan air matanya.

"Bosan, bosan, itu salah ini salah ... ahh!!" teriak Sham lalu menghempaskan pintu dengan kuat.

"Sham! Buka pintu Sham," rayu Mak Zainab sambil menangis.

"Sudah! Sudah! Sham tak mahu dengar lagi. Faham!" teriak Sham.

"Sudahlah kak, tak usah dilayan orang gila macam tu. Bila cakap sikit mulalah nak marah. Kalau dah mencuri tu mengaku sajalah tak usah nak berdalih-dalih," tambah Zamri.

"Siapa gila! Siapa pencuri! Tuduh orang tak tentu pasal," sahut Sham. Kedengaran ada barang dihumbankan dari kamar tidurnya.

"Sudahlah Zamri, nanti bising pulak dia lagi," tambah Mak Zainab.

Malam makin larut. Langit semakin gelap dan bila-bila masa saja akan turunlah hujan. Jam hampir menunjukkan pukul sebelas lima belas minit. Sham perlahan-lahan membuka pintu dan terus keluar. Mak Zainab lalu menutup pintu perlahan-lahan supaya tidak didengar oleh Zamri yang sudah pun tidur tetapi tanpa pengetahuannya, Zamri yang pura-pura tidur mendengarnya.

"Ke mana Sham tu pergi malam-malam ni?" tanya Zamri hairan.

"A ... ke ... ke ... rumah kawannya main komputer," balas Mak Zainab gugup.

"Kak, dengar sini. Kalau apa-apa terjadi pada Sham, Zamri tak mahu ikut campur lagi. Puas sudah Zamri nasihatkan kakak jangan menyembunyikan apa-apa yang terjadi pada diri Sham mahupun di luar atau di rumah ini. Ingat, jangan nanti menyesal dan jangan dikata Zamri tidak menegur dan peduli," pesan Zamri geram.

Mak Zainab cuma mampu berdiam diri. Matanya bergenang merah kerana teringat kata-kata Zamri itu. Walaupun dia faham dengan tingkah-laku Sham yang semakin hari semakin teruk, tetapi Mak Zainab menyembunyikannya dari pengetahuan Zamri tetapi Zamri banyak tahu dari cerita orang lain dan dapat menilai gerak-geri Sham.

Jam sudah pukul dua setengah pagi. Sham masih belum balik. Hati Mak Zainab kembali risau, tidurnya pun tidak tenteram.

Setengah jam kemudian bunyi telefon mengganggu tidur Zamri dan Mak Zainab tetapi Zamri terlebih dahulu mengangkatnya. Seorang anggota polis memberitahu bahawa Sham telah dibawa ke hospital kerana kemalangan.

Dari rumah hingga sampai ke hospital, Mak Zainab tidak henti-henti mengeluarkan air mata kerana risaukan Sham.

Selepas Sham menghantar pulang teman wanitanya Marisha, Sham singgah ke rumah seorang kawannya yang sudah menanti dan kemudian masuk ke dalam kereta yang dipandu Sham. Kereta itu kepunyaan kawan Sham yang duduk di sebelah Sham. Polis mengejar mereka kerana mereka disyaki membawa beberapa botol minuman keras dan beberapa kotak syabu adalah hasil dari makluman orang kampung yang pernah memerhatikan kegiatan mereka.

Apabila kereta yang dipandu oleh Sham melalui selekoh, Sham hilang kawalan lalu terlanggar pagar besi di sepanjang jalan lantas terbabas ke dalam jurang kerana keadaan jalan yang terlalu licin disebabkan oleh hujan yang turun.

Sham disahkan koma, sementara kawannya yang seorang lagi meninggal dunia akibat kecederaan yang teruk. Lebih memeranjatkan Mak Zainab ialah Marisha iaitu teman wanita Sham yang datang melawat Sham memberitahu dengan terus-terang bahawa dia telah mengandung tiga bulan. Mak Zainab terpaku sejenak mendengarkan dan cuma mampu memeluk erat Marisha yang sedang menangis. Pandangan Mak Zainab kabur lalu jatuh pengsan di hadapan Marisha.

Hari berlalu tidak terasa. Sudah dua bulan Sham terlantar koma dan Mak Zainab pula semakin hari semakin sudah jauh berubah, tidak macam dahulu lagi.

Setiap hari Mak Zainab berendam air mata kerana sangat sedih dengan penderitaan Sham. Kasihan Mak Zainab yang tidak terurus lagi dengan dirinya dan kadang-kadang dia sendiri juga sakit akibat sentiasa memeduli anaknya, Sham.

Ada pula yang mengatakan Mak Zainab sudah gila kerana mereka sendiri ternampak Mak Zainab bercakap seorang diri, ketawa seorang diri dan kadang-kadang termenung sambil menangis tetapi Mak Zainab tetap masih menyayangi Sham. Demi anaknya Sham, Mak Zainab rela berkorban apa sahaja sehingga anaknya sembuh.

ANEKA

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن تليبيشن
# susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

## RABU 21 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.15 SESAME STREET
5.00 GILLETTE WORLD OF SPORT
5.45 BERITA
6.00 WORLD APART SR. I - *'March Of The Crab'*
6.28 AZAN MAGHRIB
6.45 SIRAH NABAWIYAH

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.20 LENSA PELAJAR
7.41 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA - *'Diangdangan Bujang Si Gandam'*
9.20 MUTIARA HUTAN
10.00 NEWS AT 10
10.30 SUKAN ANTARABANGSA
11.00 PHUA CHU KANG HACK - *'Slippery Slope'*
12.15 DOA DAN SIARAN TAMAT

## KHAMIS 22 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 ANIMATION SPECIAL - *'Mulan'*
11.110 TAYANGAN GAMBAR - *'Antz'*
12.33 AZAN ZUHUR
12.40 MOVIE SPECIAL - *'Aliens Invade Hollywood'*

**PETANG**

1.50 TAYANGAN GAMBAR MELAYU - *'Pasrah'*
3.55 AZAN ASAR
4.02 ANIMATION HOUR - *'Adventures From The Book Of Virtue/Yokies'*
5.00 ON THE BALL
5.30 BODY INVADERS - *'Brain Attack'*
5.45 BERITA
6.29 AZAN MAGHRIB
6.45 FIQHUL MIRATS

**MALAM**

7.00 SURAH-SURAH PILIHAN
7.25 WARTA ISLAM
7.42 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
9.00 AN-NUUR - Siaran Langsung
10.00 NEWS AT 10
10.30 DRAMA - *'Jangan Lukai Hatinya'*
11.00 WAYANG PILIHAN - *'Notting Hill'*
12.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

## JUMAAT 23 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.15 SESAME STREET
11.15 SEIMBAS
11.30 BERITA
11.40 UNDERSEA EXPLORER - *'Whales'*
12.15 BRUM
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung

**PETANG**

1.30 VISI SUCI
2.00 TETAMU SUKAN
2.30 DINAMIK
3.00 TAYANGAN GAMBAR CHINA - *'The Bride With White Hair II'*
3.55 AZAN ASAR
4.45 USOP SONTORIAN
5.15 CROCODILES FILE
5.45 BERITA
6.00 ESCAPE STORIES
6.296 AZAN MAGHRIB
6.45 BICARA IMAN

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 HARMONI
7.42 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
9.00 FIKIR-FIKIR SR. 2
9.30 TWO WORLD - *'World Of The Trumpet Fish'*
10.00 NEWS AT 10
10.40 KHUTBAH JUMAAT
11.55 TELEDRAMA - *'Pemain Ombak'*
12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

## SABTU 24 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 ANIMATION HOUR : *'Rocketkidz: Heros Of The City/Ripley's Believe It or Not'*
11.00 THE BIG PLANET
11.30 BERITA
11.40 DRAMA : Menyimpul Kenangan - Ulangan
12.15 DOKUMENTARI - POTRET - *'Petikan Irama Pingai* - Ulangan
12.34 AZAN ZUHUR

**PETANG**

1.00 PANGGUNG PETANG SABTU - *'Assassin'*
2.30 KAMPUNG KITA - *'Kampong Burong Pinggai'* - Ulangan
3.00 OUTER BOUNDS
3.30 SMALLVILLE
3.55 AZAN ASAR
4.30 PERTANDINGAN KUIZ HIJRAH 1425 - 'Suku Akhir Kedua'
5.20 TATTOED TEENAGE ALIEN FIGHTERS FROM BEVERLY HILL
5.45 BERITA
600 WILD RESCUE
6.29 AZAN MAGHRIB
6.45 PEDOMAN AQIDAH

**MALAM**

7.00 DUNIA ASIA
7.25 WILD ITALY
7.42 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 HIBURAN HUJUNG MINGGU
10.00 NEWS AT 10
10.30 TAYANGAN GAMBAR - *'The Turner Affair'*
12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

## AHAD 25 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 SESAME STREET
11.15 TAMAN ABC
11.30 BERITA
11.40 SUNDAY MATINEE - *'Good Burger'*
12.34 AZAN ZUHUR

**PETANG**

1.30 ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 PREVIEW
1.55 ENGLISH PREMIER LEAGUE 2003/2004 HIGHLIGHT
2.50 JUARA - Siaran Langsung
3.25 DINOTOPIA
3.56 AZAN ASAR
4.30 OLEH OLEH TEMASEK
5.00 KAUNSELING MASYARAKAT - *'Menghadapi Masalah'*
5.10 ANIMATION - *'The Wacky World Of Tex Avery'*
5.45 BERITA
6.15 WILD HORIZONS - *'Destination Antarctica'*
6.30 AZAN MAGHRIB
6.45 AT TIBBUL ISLAM

**MALAM**

7.00 BRUNEI SIOK SR. 4
7.42 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 TIRAI KELUARGA - *'Bintang Pujaan'*
10.00 NEWS AT 10
11.30 GUINESS RECORDS : PRIME TIME
11.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

## ISNIN 26 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.10 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR : EDY AND CICI/THE LITTLE FLYING BEAR
5.15 EVEN WEIRDER
5.45 BERITA
6.00 VETS IN THE SUN
6.30 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN KELUARGA

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 SAJIAN KITA
7.41 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA : 'SAMBAT MALAM HARI'
9.30 SUKAN GLOBAL
10.00 NEWS AT 10
10.30 SUKAN GLOBAL
11.00 EXTREME MACHINE IV - THE WORLD'S GREATEST SHIPS - *'Power and Glory'*
11.45 DOA DAN SIARAN TAMAT

## SELASA 27 JAN

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.10 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR : 'STORIES FROM MY CHILDHOOD'
5.00 CROCODILES HUNTER
5.45 BERITA
6.05 BEDUDUN SR. 1
6.30 AZAN MAGHRIB
6.45 AL-ISLAM

**MALAM**

7.00 DRAMA - *'Suluh'*
7.25 DOKUMENTARI -
7.43 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 KAMPUNG KITA - *'Kampong Burong Pinggai II'*
9.30 KHAZANAH
10.00 NEWS AT 10
10.30 GENE RODDENBERRY'S ANDROMEDA YR.2 - *'Exit Strategies'*
11.15 KEEN EDDIE
12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

Dari muka 2

Disember,
kota kekasihku
membahang
ke hati
satu berdiri
dan satu goyah sepi
berguguran daun-daun
menjadi abu dan debu.

Disember,
bergema
ke hati
dan jantung kota kekasihku.

(A.S. Isma : Disember, 1963, dipetik dari : *Gelanggang Filem*).

Sajak-sajak yang digubah menggunakan ayat-ayat pendek hingga menimbulkan bunyi berteriak, memberontak dengan perasaan meronta itu lebih mementingkan ciri-ciri kemanusiaan sebagai tema persajakan, tetapi tidak sehebat dan bombastik 'Diponegoro' karya Khairil Anwar.

Maju
bagimu Negeri
menydiakan api
....................
maju
serbu
serang
terajang.

Begitulah penyajak-penyajak selepas revolusi banyak menemukan unsur-unsur kemanusiaan dalam sajak-sajak mereka, kerana kemerdekaan itu hak sejati bangsa yang melibatkan sajak-sajak bernafas 'humanisme'. Akhirnya dapat dirumuskan bahawa melihat unsur-unsur persajakan penuh 'ambitious' di Brunei telah begitu lama penulis yang bertapak di tanah air mereka sejak tahun 40-an lagi, melalui saluran individu lebih menonjol memberi kesan 'apekitif' dan 'dinamis'.

Dalam kelahiran kreatif sastera puisi yang berkembang itu banyak menyentuh berbagai-bagai persoalan, perasaan, keluhan, rintihan, kesedihan, perjuangan, politik, sosial, ekonomi, kemasyarakataan, ugama dan lain-lain. Hasil daripada pengucapan yang berbeza-beza corak dan ragam oleh penyair-penyair itu, kreatif sastera termasuk sajak memerlukan waktu penghayatan yang tinggi agar dapat diperhatikan mutunya. Semangat cintakan bangsa dan ugama oleh penyair Yura Halim dalam sajaknya bertajuk 'Ke Makam Bolkiah' yang ditulis pada 5 Mei 1956 dengan jelas menggambarkan cinta kepada bangsanya seperti madahnya :

Dalam lembaran sejarah Nusa
terbentang jelas jasa perkasa
harum setanggi kuntum rajasa
Bolkiah khalifah kebangsaan bangsa.

Di Kota Batu istana pusara
tumbuh hidup kupandang-pandang
ibarat Raudah mencanai nan gaharah
tapi nangis rindu berlinang.

Nilai jasamu mulia Nakhoda
menjelma suka di rimba murba
peninggalanmu di maya Nakhoda
panji kuning merenung hamba.

Tapi, ratu kamilah berpisah
bercerai jasmani rohani bukan
semangat tetap seia, segunung lurah
mencipta makmur daulat aman.

Dengan semangat Hari Raya Fitrah
semoga Allah kabulkan doa
darahaku rohmu di Syurga Al-Jannah
kami nan hidup bahagia sentosa.

Selaras dengan pengucapan puisi ini 'manusia mati meninggalkan nama' dan 'harimau mati meninggalkan belang', begitulah selalunya kita mengenang jasa kebaikan seseorang yang telah mencurahkan jasanya untuk negara dan bangsa - tidak luput dalam ingatan sejarah bangsanya. Kemudian penyair yang selalu merintih akan meluahkan curahan jiwanya yang disalurkan rintihan sukmanya dapat dilihat daripada penyair Adi Kelana dalam sajaknya 'Di Balik Mega' bersuara khabar berita di musim kandas :

Kandas
beduk cinta berdua
bulan bersembunyi di balik mega.

Janji tiada diucapkan
sumpah tiada tersaksikan
kita saling bertanya
sampaikah anda ke perlabuhan?

Bersama semalam jua
jantung penuh getaran
esok ada khabaran.

Akhir hari bersama
bulan di balik mega.

Muara,
30 Disember, 1959.

Sekadar pengertian - generasi zamanku, apa yang kuserahkan padamu ini kunamakan sajak, - apa sebenarnya yang dikatakan sajak, biarlah engkau yang menjadi hakimnya - 'Sajak adalah dunia bagi penyair'.

Justeru itu - beberapa ungkapan untuk tinjauan menyentuh perasaan 'janji tiada diucapkan', 'sumpah tiada tersaksikan', "kita saling bertanya", 'sampaikah anda ke perlabuhan?'. Keluhan-keluhan seperti ini merupakan kiasan perbandingan hidup di mana setiap individu akan bertanggungjawab apa yang pernah berlaku dan sampai bilakah masyarakat menunggu untuk kita sampai ke perlabuhan dalam nada keluhan tersebut.

Dalam antologi puisi Brunei banyak digarapkan peranan yang menjurus kepada soal-soal menuntut Kemerdekaan Tanah Air sejak tahun 40-an lagi sehinggalah mencapai kemerdekaan tahun 1984. Hal ini dibuktikan dengan termuat satu rencana dalam majalah Mastika keluaran Februari, 1966 iaitu rencana bertajuk 'Penyajak-penyajak Di Brunei Menuntut Kemerdekaan Melalui Sajak' diturunkan oleh M. Razali, Brunei antara lain beliau bersuara demikian:

Hak menuntut Kemerdekaan Negeri adalah hak asasi dari seluruh rakyat negeri itu - sebagai salah seorang penyajak yang berperasaan halus, tentulah perasaan hendak Kemerdekaan itu lebih-lebih lagi terasa dalam kalbunya - agak susah diperkatakan 'Kemerdekaan' yang sejati (Kemerdekaan Diri : Lahir dan Batin), kerana sesiapa belum pernah mengecap udara Kemerdekaan yang diperkatakan tadi.

Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei Darussalam sejak tahun 1962 banyak meneruskan usaha gigih menyatukan tenaga penyair dengan mengadakan ceramah-ceramah sastera, penerbitan buku-buku dalam bidang menyalurkan kreatif sastera bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan pihak Universiti Brunei Darussalam.

**DALAM antologi puisi Brunei banyak digarapkan peranan yang menjurus kepada soal-soal menuntut Kemerdekaan Tanah Air sejak tahun 40-an lagi sehinggalah mencapai kemerdekaan tahun 1984. Hal ini dibuktikan dengan termuat satu rencana dalam majalah Mastika keluaran Februari 1966 iaitu rencana bertajuk 'Penyajak-penyajak Di Brunei Menuntut Kemerdekaan Melalui Sajak' diturunkan oleh M. Razali, Brunei.**

Di Tanah Melayu (Malaysia) Gapena, dan (Singapura) Asas 50 berjaya membangun masyarakatnya melalui perpaduan dan kebaikan yang dipeloporinya oleh tokoh-tokoh sasterawan mereka seperti : Tongkat Waran, Keris Mas, Masuri S.N., A. Samad Said dan lain-lain dalam menampung pembangunan peribadi bangsa menentang penjajahan Jepun - British di bawah lambang semboyan 'Seni Untuk Masyarakat'.

Di Indonesia kita mengenali Angkatan 45 yang lahir selepas revolusi dipelopori oleh Khairil Anwar serta rakan-rakannya seperti Referee Afandi, Asrul Sani, Setore Setomorong dan lain-lain yang menentang pihak Belanda dan Jepun.

Di Filipina - sejarah membuktikan bahawa sastera banyak mempengaruhi kemerdekaan negara Filipina. Dipelopori sendiri oleh pejuang nasionalisme tulen, mereka berjuang mati-matian di hujung pena menyatukan ke arah perpaduan semangat kebangsaan seperti : Jos Rizal, Marcelo H., Del Pilar dan Graciano Lopez.

Bibit-bibit kebangsaan mula ditanamkan melalui pementasan drama di khalayak masyarakat Filipina - tetapi setelah pihak Amerika menyedari hal ini - maka mereka kemudiannya mengharamkan sebarang pertunjukan drama tersebut, tetapi pengarang-pengarang Filipina masih bersemangat menuntut kemerdekaan, mereka mengalihkan perjuangan mereka melalui novel sehingga Pengisytiharan Kemerdekaan dalam tahun 1946.

Di India - perjuangan untuk mencapai kemerdekaan : Di dahului oleh perjuangan pena, pejuang mereka mendiang 'Pendeta Nehru' dan mendiang 'Togory'. Edward Bulwe - Iytfon pernah melafazkan kepentingan pena itu sebagai :

"Mata pena itu lebih tajam dari mata pedang."

Mereka terus berjuang di hujung mata pena akhirnya sampai kepada titik memusnahkan penjajahan Amerika dalam tahun 1947 dan Nehru sendiri menegaskan bahawa India 'Merdeka' dengan bersenjatakan kemahuaan menulis dan berpidato.

## KESIMPULAN

Bahawa pada keseluruhan penciptaan kesusasteraan baik di Negara Brunei Darussalam mahupun Indonesia dan Malaysia atau Kepulauan Alam Melayu - harus berani meluahkan daya tenata cipta sastera disatukan bersama berjuang menerusi angkatan, persatuan atau badan-badan sastera yang menyumbang ke arah matlamat revolusiner dan memberi kesan yang mendalam kepada perjuangan humanisme, kebebasan dan keadilan sejagat.

**Bahan Rujuk :**

Yura Halim. *Sekayu Tiga Bangsi, Loyang Tua Balan Berkias* 11, 1983.

Adi Kelana. *Di Balik Mega*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1986.

M. Razali, Brunei. *Mastika* 'Penyajak Brunei : Menuntut Kemerdekaan (melalui sajak)', Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia, Februari 1966.

H.B Jassin. *Chairil Anwar Pelopor Angkatan* 45, Pt. Gramedia, Jakarta 1996, Indonesia.

Salmi Mesra. 'Perkembangan Puisi dan Prosa Melayu Brunei : Suatu Tinjauan Ringkas', Kertas Kerja dalam *Dialog Borneo - Kalimantan V*, Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia 5-7 Jun 1998.

———— *Garis-Garis Hitam - Kumpulan Antologi Puisi*, Gunung Intan, Brunei 1979.

———— 'Puisi : Penciptaan Dalam Penilaian' - Kertas Kerja dalam *Seminar Bulanan Jabatan Kesusasteraan Melayu*, Sesi 1997/98, Universiti Brunei Darussalam. 27 Februari 1999.

***PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.***

# ALAI PINTAR

1. Di manakah Perlawanan Akhir Tarik Kalat Se-Borneo berlangsung semasa sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 dilangsungkan?

   a) Istana Nurul Iman
   b) Taman Haji Sir Muda 'Ali Saifuddien
   c) Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

2. Negara manakah yang menganggotai Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA)?

   a) Australia, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Viet Nam, Demokratik Rakyat Lao.
   b) Myanmar, Kemboja, Viet Nam, Thailand dan Australia.
   c) Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina, Thailand, Viet Nam dan Demokratik Rakyat Lao.

3. Apakah tema Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup?

   ..........................................................
   ..........................................................
   ..........................................................

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN**

***SYARAT PERADUAN***

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

***HADIAH-HADIAH MENARIK***

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

***TARIKH TUTUP***

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
2. Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 14 Januari 2004.
   1. A 2. B 3. Judi amalan jijik, maksiat dan dosa besar.

***BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 607***

Nama : ..........................................................
..........................................................
..........................................................
Umur : ..........................................................
Alamat : ..........................................................
..........................................................
..........................................................
Telefon rumah (jika ada) : ..........................................
Sekolah : ..........................................................
..........................................................

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 607,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

**TIADA PEMENANG SOALAN ALAI PINTAR KELUARAN 14 JANUARI 2004**

# PERADUAN MENULIS ESEI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-20

## TEMA

MEMPERKUKUH Semangat Patriotisme Di Kalangan Para Belia dan Penuntut.

## KATEGORI

Peraduan ini terbahagi kepada empat kategori, iaitu:

1. Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Bawah (Tingkatan 1, 2 dan 3).
2. Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Atas (termasuk Maktab Jururawat, Maktab Perguruan Ugama, Sekolah Vokasional, Maktab Teknik dan yang setaraf dengannya).
3. Penuntut-penuntut Pengajian Tinggi (Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei).
4. Belia-belia yang berumur 20 tahun pada tahun 2004 (bukan penuntut mana-mana sekolah atau pengajian tinggi).

## TAJUK ESEI

Peserta Kategori 1 dikehendaki memilih salah satu daripada tajuk-tajuk berikut:

1. Pengalaman Saya Menyertai Sambutan Hari Kebangsaan Negara.
2. Salah Satu Acara Sambutan Hari Kebangsaan Yang Saya Suka.
3. Bendera Negaraku Kemegahanku.

Berikut ialah tajuk-tajuk esei untuk Kategori 2 (pilih salah satu):

1. Lagu Kebangsaan Patut Dihayati Oleh Semua Lapisan Masyarakat.
2. Semangat Cintakan Negara Hendaklah Disemai Sejak Di Bangku Sekolah.
3. Tanah Airku Kebanggaanku.

Kategori 3 diminta memilih salah satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini:

1. Usaha Mengisi Ruang Kemerdekaan Belum Selesai.
2. Penuntut Pencetus Wawasan dan Idea-idea Besar Untuk Negara.
3. Mengangkat Martabat Bahasa Melayu Tanggungjawab Semua Pihak.

Kategori 4 juga akan memilih salah satu daripada tajuk-tajuk berikut:

1. Kami Anak Merdeka.
2. Saya Sedia Hadapi Cabaran Demi Untuk Negara.
3. Belia Mesti Berilmu, Bermoral dan Bijaksana.

## SYARAT DAN PERATURAN

1. Terbuka kepada para belia dan penuntut sebagaimana mengikut kategori-kategori yang ditetapkan di atas.
2. Warga Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
3. Esei hendaklah dalam Bahasa Melayu dan menggunakan ejaan baru sama ada rumi atau jawi.
4. Esei hendaklah asli bukan terjemahan, saduran atau apa jua cara yang boleh membawa pengertian bukan karya asli. Walau bagaimanapun penggunaan bahan rujukan dan nota kaki adalah dibolehkan asalkan tidak menjejaskan keaslian esei.
5. Panjang esei adalah seperti berikut:

Kategori 1 : Tidak kurang daripada 150 perkataan

Kategori 2 : Tidak kurang daripada 350 perkataan

Kategori 3 : Tidak kurang daripada 450 perkataan

Kategori 4 : Tidak kurang daripada 350 perkataan

6. Esei hendaklah dihantar dalam empat salinan termasuk salinan asal menggunakan kertas A4 yang ditaip pada sebelah muka surat sahaja.
7. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar sebuah skrip esei yang belum pernah terbit dalam mana-mana media massa sama ada dalam ataupun luar negeri.
8. Nama peserta, nama pena (jika ada), nombor kad pengenalan dan alamat penuh (yang mudah dihubungi) hendaklah ditulis dalam borang yang disediakan oleh pihak penganjur yang boleh didapati daripada akhbar PELITA BRUNEI atau:

Penyambut Tetamu,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Dan cawangan-cawangan Jabatan Penerangan di Daerah-daerah Belait Tutong dan Temburong.

9. Esei bersama borang peraduan yang lengkap diisi dan disertakan salinan kad pengenalan (depan belakang) hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Peraduan Menulis Esei,
(Ketua Bahagian Akhbar)
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat pada **28 Februari 2004.**

10. Setiap skrip esei yang sampai kepada pihak penganjur akan disusuli dengan pengakuan penerimaan oleh Jawatankuasa Peraduan. Jawatankuasa ini tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan skrip semasa dalam pengiriman.
11. Jawatankuasa Peraduan akan melantik panel hakim dan keputusan panel hakim adalah muktamad.
12. Esei yang mendapat hadiah penghormatan dan saguhati akan menjadi hak milik kepada pihak Penganjur Peraduan dan berhak menerbitkan semula esei-esei berkenaan sama ada dalam akhbar atau buku yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Negara Brunei Darussalam tanpa dibayar.

## HADIAH

Hadiah penghormatan dan saguhati serta sijil akan diberikan kepada skrip esei yang terbaik mengikut kategori:

Kategori 1
Pertama - $200.00
Kedua - $150.00
Ketiga - $100.00
3 hadiah saguhati - $50.00

Kategori 2
Pertama - $300.00
Kedua - $250.00
Ketiga - $200.00
3 hadiah saguhati - $100.00

Kategori 3
Pertama - $500.00
Kedua - $400.00
Ketiga - $300.00
3 hadiah saguhati - $100.00

Kategori 4
Pertama - $300.00
Kedua - $250.00
Ketiga - $200.00
3 hadiah saguhati - $100.00

## BORANG PERADUAN MENULIS ESEI SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-20

Nama ..................................................

Jantina .................................. Tarikh lahir ..................................

Bangsa .................................. Kerakyatan ..................................

No. Kad Pengenalan .................................. Warna ..................................

Alamat atau Sekolah/Maktab (jika penuntut) ..................................

..................................................

..................................................

Tingkatan/Pengajian (jika penuntut) ..................................

Tel. Rumah .................................. Tel. Bimbit ..................................

Tel. Pejabat ..................................

Tajuk Esei ..................................

..................................................

Kategori ..................................

Saya dengan ini telah memahami syarat dan peraturan yang ditetapkan dan akan mematuhinya. Saya juga akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang masalah yang timbul dari esei yang dikemukakan ini serta mematuhi keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Peraduan sebagai keputusan yang muktamad.

.................................. ..................................
Tarikh Tandatangan

Pelita فليتا بروني BRUNEI

IKLAN اعلان

BILANGAN 3 RABU 21 JANUARI 2004 رابو 28 ذوالقعده 1424 PERCUMA

## JAWATAN KOSONG DI JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PERMOHONAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang terdiri terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai **Pegawai Tugas-Tugas Khas Bergaji Hari** di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS**
**GAJI : $103.00 SEHARI**
**BILANGAN KOD : JDBM-01-04**
**DI JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

a. Mempunyai pengetahuan tentang Kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
b. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan akademik professional yang diiktiraf setanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab jawatan Pegawai Tugas-Tugas Khas berkenaan. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah satu kelebihan.
c. Mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam bidang berkaitan komputer merupakan satu kelebihan.

**SYARAT-SYARAT LAIN**

a. Mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa berkerja, pada hari-hari kelepasan awam dan cuti-cuti awam serta bertugas di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
b. Mempunyai perwatakan, tingkah laku, sikap berdaya usaha, proaktif dan pergaulan yang baik serta mempunyai kemampuan untuk memimpin sesuai dengan tugasnya yang sentiasa berdamping rapat dengan penduduk-penduduk mukim dan kampong.
c. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

1. Ketua Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung termasuk Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.
2. Sebagai Ketua Urusetia kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Brunei dan Muara.
3. Pengurus, perancang dan pemikir dalam menyediakan serta mengubal dasar, strategi kemajuan dan hala tuju Institusi Mukim dan Kampung dan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.
4. Menyelaras, mengendali dan memantau Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung antaranya pemilihan dan pencalonan jawatan Penghulu Mukim/Ketua Kampung, lantikan-lantikan Penghulu Mukim/Ketua Kampung, permohonan cuti serta sokongan-sokongan.
5. Penasihat, perantaraan dan penyelaras dan tempat tumpuan Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Mukim dan Kampung.
6. Mengadakan permuafakatan dan perjumpaan dengan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung.
7. Mengumpul, menyediakan dan mengemaskinikan profail mukim dan kampong.
8. Mengumpul, menyediakan dan mengemaskinikan maklumat-maklumat Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung.
9. Merancang, menyelaras dan menggerakkan bersama Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung akan program-program kerja Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.
10. Mengawasi, melawat serta menganalisa perkembangan dan perlaksanaan program-program dan projek-projek Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.
11. Meneliti dan membuat analisa serta mengambil tindakan lanjutan ke atas laporan-laporan dan minit-minit mesyuarat Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung.
12. Menyediakan dan mengemaskini maklumat mengenai dengan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung serta profail Mukim dan Kampung.
13. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

**PERINGATAN:**
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan didalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan Borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhimatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kealamat seperti berikut:- Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Brunei dan Muara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup: Hari Rabu, 4 Februari, 2004.**

## JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN

### PROGRAM INKUBATOR PERNIAGAAN

JABATAN Pendidikan Teknik melalui Seksyen Latihan Keusahawanan sedang menawarkan Pengambilan Ke empat Fasa 1 Program Inkubator Perniagaan iaitu Program Latihan Perkembangan Keusahawanan selama satu (1) bulan.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:-**

* Lepasan penuntut institusi teknikal dan vokasional
* Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
* Belum mempunyai pekerjaan
* Berminat untuk menjadi usahawan

**PROSEDUR PERMOHONAN**
Borang-borang permohonan boleh didapati dari Seksyen Latihan Keusahawanan, Jabatan Pendidikan Teknik dan dari institusi-institusi teknikal dan vokasional.

Semua borang permohonan yang telah lengkap diisikan berserta dengan salinan-salinan sijil dan dokumen hendaklah dihantar ke Jabatan Pendidikan Teknik.

**TARIKH TUTUP**
Pemohon-pemohon boleh menghantar borang permohonan sebelum hari **Selasa, 3 Februari 2004.**

Jabatan Pendidikan Teknik berhak untuk menolak permohonan yang tidak lengkap dan diterima lewat dari tarikh tutup.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**
Maklumat tambahan tentang program yang ditawarkan boleh diperolehi daripada Seksyen Latihan Keusahawanan, Jabatan Pendidikan Teknik, Jalan Pasar Baru, Gadong. Nombor Talian: 2425555

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

**No. Tawaran: RTB/01/04**

**TAWARAN BAGI "PORTABLE DIGITAL MICROWAVE RADIO LINK"**

**Syarat-Syarat Tawaran:-**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan dan ujian "PORTABLE DIGITAL MICROWAVE RADIO LINK" bersesuaian dengan keperluan am dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup bertulis dengan :- TAWARAN : "PORTABLE DIGITAL MICROWAVE RADIO LINK" NO. TAWARAN: RTB/01/04
tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam. Dengan memasukkannya ke dalam peti tawaran yang terletak di:- Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari hari **Isnin, 1 Mac 2004** . jam 2.00 petang.
3. Tiga salinan ceraian bahagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada:- Pengarah Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Metneri, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan, BB 8610, Negara Brunei Darussalam (UP : Jurutera Penguasa) tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 1 Mac 2004.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam dengan yuran yang tidak dikembalikan sebanyak $ 100.00.

## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**TAWARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Syarat-Syarat Tawaran:-**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubungkaitnya dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
3. Bayaran Dokumen Tawaran dan pentadbiran bagi DA/K/SSP/01/-JPPE/2004 hingga DA/K/SSP/04/JPPE/2004 adalah sebanyak $ 30.00 sementara Bayaran Tawaran bagi DA/K/SSP/06/DS(R)/2004 adalah sebanyak $10.00, masing-masing (tidak dikembalikan). Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutharga, Stor dan Perbekalan, di Blok 'A' Tingkat 1 (1) dengan menunjukkan resit asal "Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran".
5. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
6. Bayaran Dokumen Tawaran dan Pentadbiran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
7. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan Resit Bayaran Dokumen Tawaran yang asal hendaklah masukkan ke dalam sampul surat biasa.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Tajuk seperti mana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam. Tawaran bagi DA/K/SSP/01/JPPE/2004 hingga DA/K/SSP/04/JPPE/2004 dan DA/K/SSP/06/DS/(R)/2004 hendaklah dihantar tidak lewat pada hari **Isnin, 9 Februari 2004,** jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

| BILANGAN TAWARAN | KETERANGAN | BAYARAN DOKUMEN | TARIKH TUTUP DAN WAKTU |
|---|---|---|---|
| DA/K/SSP/ 01/JPPE/ 2004 | TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PE-NGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH LUBOK PULAU TUTONG, DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN | $ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan) | 9/2/2004 (tidak lewat jam 2.00 petang |
| DA/K/SSP/ 02/JPPE/ 2004 | TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH ABDUL RASHID TANJONG MAYA TUTONG, DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN | $ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan) | 9/2/2004 (tidak lewat jam 2.00 petang |
| DA/K/SSP/ 03/JPPE/ 2004 | TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH PENAPAR TUTONG, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN | $ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan) | 9/2/2004 (tidak lewat jam 2.00 petang |
| DA/K/SSP/ 04/JPPE/ 2004 | TAWARAN MEMUNGGAH, MEMBERSIHKAN, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH BAGI SEKOLAH RENDAH PENAPAR TUTONG, DAERAH TUTONG, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN | $ 30.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan) | 9/2/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang) |
| DA/K/SSP/ 06/DS(R)/ 2004 | MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG MEJA DAN KERUSI MURID SEBANYAK 4,565 SET UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KERAJAAN | $ 10.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan) | 9/2/2004 (tidak lewat dari jam 2.00 petang) |

**WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN**

| | |
|---|---|
| ISNIN - KHAMIS | **8.00 PAGI - 11.30 PAGI**<br>**1.30 PETANG - 2.30 PETANG** |
| SABTU | **8.00 PAGI - 10.00 PAGI** |

## JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran: JDT/02/2004**

**TAWARAN UNTUK MENYEWA KEDAI NO.8 PEKAN BANGAR DAERAH TEMBURONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan (Penduduk Tetap Daerah Temburong sahaja) untuk menyewa dan menguruskan ruang Kedai No. 8 Pekan Bangar Temburong dengan syarat-syarat berikut:-

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. Tawaran adalah untuk tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.
2. Pemohon adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
3. Pemohon adalah dinasihatkan supaya mengadakan lawatan ke kedai tersebut untuk melihat sendiri keadaan kedai berkenaan sebelum menghadapkan tawaran mereka.
4. Pemohon hendaklah menyatakan jenis perniagaan yang akan dibuat.
5. Borang tawaran hendaklah disertakan dengan keterangan yang lengkap mengenai dengan pengalaman dalam perniagaan. Salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration Business Names Act) Bab 16 dan 17 mestilah disertakan.
6. Wang bayaran tawaran (tender fee) sebanyak $ 25.00 hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Temburong dan salinan resit wang bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran. Wang bayaran tawaran tidak akan dikembalikan sama ada permohonan berjaya atau tidak.
7. Tawaran mestilah ditulis dengan betul dan jelas dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan pengenalan di luarnya adalah seperti berikut:- "TAWARAN PENYEWAAN KEDAI N0. 8 PEKAN BANGAR TEMBURONG"
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dialamatkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan dengan dialamatkan kepada:- Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawab, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
9. Tarikh tutup menghantar tawaran pada hari **Isnin, 9 Februari 2004** jam 1.45 petang. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
10. Tawaran hendaklah dihadapkan melalui borang tawaran yang telah disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong.
11. Tawaran hendaklah juga dihadapkan bersama salinan pendaftaran perniagaan masing-masing.
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.
13. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan lengkap bagi tawaran ini boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Temburong pada waktu bekerja.

**Bilangan Tawaran: JDT/01/2004**

**TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (2004 HINGGA 2006) UNTUK JABATAN DAERAH TEMBURONG**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat kilang papan atau syarikat-syarikat penjual kayu di Daerah Temburong untuk membekalkan kayu bagi tempoh dua (2) (2004 hingga 2006) kepada Jabatan Daerah Temburong.
2. Keterangan dan spesifikasi lengkap bagi tawaran ini boleh diperolehi di Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan, Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu bekerja.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan ditulis nama atau bilangan tawaran di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim.
4. Tawaran hendaklah dihantar dan dialamatkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara dengan dialamatkan kepada:-
   Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Tarikh tutup menghantar tawaran ialah pada hari **Isnin, 26 Januari 2004** jam 1.45 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
6. Tawaran hendaklah dihadapkan melalui borang tawaran yang telah disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong.
7. Tawaran bayaran tawaran (tender fee) sebanyak $ 25.00 hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Temburong dan salinan resit wang cagaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran. Wang bayaran tawaran adalah tidak dikembalikan.
8. Penender-penender mestilah menyatakan tempoh sah laku tawaran (validity) di dalam borang yang disediakan.
9. Penender-penender hendaklah juga menghadapkan sama salinan pendaftaran perniagaan masing-masing.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang termurah.

## DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

**KEBANKRAPAN NO. 8/2000**

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD ...... Pemiutang/Pemetisyen.

LAWAN

**ABDULLAH BIN HAJI TALIP**
**(K. P. BRUNEI NO. 030309- K)** ...... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 Oktober 2003.
   Nama dan alamat terakhir Bankrap diketahui : Abdullah bin Haji Talip, No. 1, Simpang 250, Kampong Sengkurong 'B', Jalan Jerudong, BG 1321, Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Permohonan : - 26 Ogos 2003.
   Bertarikh : 18 November 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 102/2003**

BAIDURI BANK BERHAD ......... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**CHIONG SIN KOK (BPIC NO. 094902)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 November 2003.
   Nama dan alamat terakhir diketahui : Chiong Sin Kok, No. 7, 1st Floor, Block B, Latiffudin Complex, Tungku Link Road, Jalan Gadong, BE 2921, Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Petisyen : - 23 Ogos 2003. Bertarikh : 10 Disember 2003.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 129/2002**

HSBC FINANCE (B) BERHAD .......... Pemiutang//Pemetisyen

LAWAN

**PHIONG CHOON FATT**
**(K. P. BRUNEI NO. 155248 - HIJAU)** ...... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 8 November 2003.
   Nama dan alamat terakhir Bankrap diketahui : Phion Choon Fatt, No. 1, Simpang 214, Gate 42, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD 2717, Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Pemohonan : - 30 Ogos 2003. Bertarikh : 13 Disember 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 182/2002**

STANDARD CHARTERED BANK .......... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**LAU ING KWONG**
**(BGIC NO. 170432)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 November 2003.
   Nama dan alamat terakhir diketahui : Lau Ing Kwong, No. 3, Level 5, Desa Complex, Kampong Pengkalan, Jalan Batu Bersurat, Gadong BE 3519, Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Petisyen : - 15 Januari 2003. Bertarikh : 10 Disember 2003.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 166/2003**

IBB KREDIT BERHAD ...... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen.

LAWAN

**SITI AJIMAH BINTI ABD RAHMAN @ AJINAH (BYIC NO. 00-016166)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Disember 2003.
   Nama dan alamat terakhir diketahui : Siti Ajimah binti Abd. Rahman @ Ajinah, No. 729A, Rumah Guru-Guru Sekolah Tanah Jambu, Jalan Muara BU 1129, Negara Brunei Darussalam.
   Tarikh Petisyen : - 30 September 2003.
   Bertarikh : 22 Disember 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 189/2003**

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD ...... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen.

LAWAN

**ZULKIFLEE BIN HAJI JAMAHAT**
**(BYIC NO. 078655)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Disember 2003.
   Nama dan alamat terakhir diketahui : Zulkiflee bin Haji Jamahat, No.2, Kampong Perpindahan Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.
   Bertarikh Petisyen : 22 Oktober 2003. Tarikh : 22 Disember 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

b) **Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi de-ngan seberapa segera yang boleh.**
c) **Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

## DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

**KEBANKRAPAN NO. 102/2003**

BAIDURI BANK BERHAD ......... Pemiutang Penghakiman/-Pemetisyen

LAWAN

**CHIONG SIN KOK (BPIC NO. 094902)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 Februari 2004** jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 17 Februari 2004 jam 2.00 petang.

Bertarikh : 10 Disember 2003

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 166/2003**

IBB KREDIT BERHAD .......... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**SITI AJIMAH BINTI ABD RAHMAN @ AJINAH**
**(BYIC NO. 00-016166 - KUNING)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 4 Disember 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Februari 2004** jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 18 Februari 2004 jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 22 Disember 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 182/2002**

STANDARD CHARTERED BANK .......... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**LAU ING KWONG (BGIC NO. 170432)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 1 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **17 Februari 2004** jam 2.30 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 17 Februari 2004 jam 2.30 petang.

Bertarikh : 10 Disember 2003

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**KEBANKRAPAN NO. 189/2003**

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD ...... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen.

LAWAN

**ZULKIFLEE BIN HAJI JAMAHAT**
**(BYIC NO. 078655)** ...... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 4 November 2003.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Februari 2004** jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **18 Februari 2004** jam 9.00 pagi.

Bertarikh : 22 Disember 2003.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

**Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.**

**Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah di-serah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.**

**Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai de-ngan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.**

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.

2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat I, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
   a) Tawaran yang mempunyai rujukan **KK/2/2004, KK/3/2004, DRG/9/2004,** dan **DRG/10/2004** hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Isnin, 9 Februari 2004.**
   b) Tawaran yang mempunyai rujukan **KK/1/2004, DRG/1/2004, DRG/2/2004, DRG/3/2004, DRG/4/2004, DRG/5/2004** dan **DRG/6/2004** hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 9.00 pagi, hari **Isnin, 26 Januari 2004.**
   c) Tawaran yang mempunyai rujukan **DRG/7/2004, DRG/8/2004** dan **KK/TK/1/2004** hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Isnin, 9 Februari 2004.**

3) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.

5) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-
Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

### TAWARAN BIASA

**BILANGAN TAWARAN : KK/1/2004 :** TERM CONTRACT FOR DAILY CLEANING SERVICES FOR SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM FOR THE PERIOD OF (3) THREE YEARS.
Kelayakan Pemborong / Pembekal berdaftar dengan Kementerian Pembangunan & Kementerian Kesihatan. Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/1/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 1/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/2/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 2/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/3/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 3/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00

**BILANGAN TAWARAN : DRG/4/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 4/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/5/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 5/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/6/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 6/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/7/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 7/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/8/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 8/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : KK/2/2004 :** MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ECG ELECTRODES DAN TRANSMISSION GEL SELAMA TIGA (3) TAHUN. Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : KK/3/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF TRACHEOSTOMY TUBES FOR ENT DEPT, RIPAS HOSPITAL FOR THREE YEARS (3) TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/9/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS (3) (LIST 9/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

**BILANGAN TAWARAN : DRG/10/2004 :** SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THREE YEARS(3) (LIST 10/2004). Yuran Tawaran : $ 200.00.

### TAWARAN KECIL

**BILANGAN TAWARAN : KK/TK/1/2004 :** TAWARAN BAGI KANTIN HOSPITAL PENGIRAN ISTERI HAJJAH MARIAM TEMBURONG BAGI TEMPOH TIGA TAHUN. Yuran Tawaran : $ 100.00.

---

## JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di dalam Perkhidmatan Kerajaan di bawah Kementerian Pertahanan seperti berikut :-

**1) BIDAN (STAFF)**
**BILANGAN KOD : 104-07-321**
**(DI JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN)**
**TANGGAGAJI : M7-8 EB9 $1,310.00 - $2,315.00 SEBULAN**

**KELAYAKAN MINIMUM :**
(a) Mempunyai Sijil Perbidanan Bahagian II dan mestilah yang berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB) yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
(b) Telah dan sedang berkhidmat terus menerus sebagai Bidan Tingkat Khas atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 10 tahun.
(c) Mempunyai pengalaman yang luas di semua Bahagian Perbidanan.

**TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**
(a) Bertanggungjawab untuk membantu Pegawai Perubatan dan Pegawai Jururawat Kanan dalam mengendalikan kerja-kerja perbidanan dan pengawasan kesihatan bagi ibu-ibu dan kalangan kanak-kanak bagi Klinik Keluarga Tentera.
(b) Diantara tugas dan tanggungjawab yang dilakukan adalah seperti berikut :-
   (i) Memberikan pemeriksaan biasa terhadap ibu-ibu mengandung semasa klinik bagi ibu-ibu mengandung dan memastikan mereka berjumpa Pegawai Perubatan bagi pemeriksaan kandungan bermula 6 minggu kandungan hingga 40 minggu seperti perjanjian yang telah ditetapkan.
   (ii) Menentukan ibu-ibu selepas bersalin untuk berjumpa Pegawai Perubatan bagi pemeriksaan selepas bersalin.

**2) PENOLONG PEGAWAI PERBEKALAN**
**BILANGAN KOD : 104-42-234**
**(DI JABATANARAH KEWANGAN DAN PERBEKALAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN)**
**TANGGAGAJI : C3-4 EB5 $1,990.00 - $2,970.00 SEBULAN**

**KELAYAKAN MINIMUM :**
(a) Mempunyai Higher National Diploma (HND) dalam bidang yang sesuai yang diperlukan oleh jawatan ini dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
(b) (i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dengan urusan perdagangan atau kewangan atau yang sebanding dengannya dalam tanggagaji C1-2 EB3 tidak kurang 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik.
   (ii) Mempunyai laporan prestasi ditahap BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai laporan penilaian prestasi yang lebih baik adalah mendapat keutamaan.
   (iii) Mempunyai Rekod Perkhidmatan yang baik dan bersih dari Tindakan Tata tertib/Jenayah.
   (iv) Mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan.

**SYARAT-SYARAT LAIN :**
Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh Peraturan-Peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**
**Bagi Penolong Pegawai Perbekalan di Unit Tawaran**

Bertanggungjawab kepada Pegawai Perbekalan dan membantunya dalam segala hal ehwal seperti berikut :

(a) Membantu Setiausaha kepada Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pertahanan khususnya dalam mengkordinasikan mesyuarat, menyediakan kertas kerja, penyediaan minit dan tindakan-tindakan ke atas keputusan Lembaga;
(b) Membantu dalam menguruskan pengeluaran tawaran secara iklan dan jemputan kepada pembekal-pembekal; dan
(c) Membantu dalam menguruskan kontrak-kontrak berterusan termasuk menyediakan spesifikasi tawaran, mengeluarkan tawaran dan menyediakan kontrak untuk ditandatangani.

**Bagi Penolong-Penolong Pegawai Perbekalan di Unit-Unit Perbekalan**

Bertanggungjawab kepada Pegawai Perbekalan dan membantunya dalam segala hal perbekalan seperti berikut :
(a) Membantu menguruskan perolehan (pembelian/perkhidmatan) yang diperlukan oleh semua Jabatanarah di Kementerian Pertahanan, ABDB dan Pasukan Simpanan Gurkha mengikut Peraturan Kewangan Kerajaan seperti berikut :
   (i) Unit PW bagi peralatan pesawat terbang dan perhubungan.
   (ii) Unit PX bagi peralatan kenderaan, senjata & bahan letupan, muzikal, latihan, pemeliharaan kem dan kesihatan.
   (iii) Unit PY bagi peralatan kapal, teknikal, komputer, skuadron tempur khas dan pemadam api.
   (iv) Unit PZ bagi peralatan stor umum, perabot, pakaian, kelengkapan perseorangan dan catuan; dan
(b) Membantu dalam menyemak dan mengesahkan tuntutan-tuntutan yang diterima dari pembekal/pemborong ke atas perkhidmatan pembekalan/pembaikan/pemeliharaan yang telah dilaksanakan dan menghadapkannya ke Bahagian Kewangan untuk urusan pembayaran.

**Bagi Penolong Pegawai Perbekalan di Unit Dokumentasi dan Penyelidikan Pasaran (UDPP)**

Bertanggungjawab kepada Penolong Pengarah Perbekalan dan membantunya dalam hal-hal berikut :
(a) Membuat kajian sumber perolehan dari dalam dan luar negeri dan mengedarkan maklumat mengenainya kepada Pegawai-Pegawai Perbekalan;
(b) Mengurus pendaftaran pembekal-pembekal yang ingin membekalkan barangan atau memberikan perkhidmatan kepada Kementerian Pertahanan dan seterusnya memberikan penerangan dan khidmat nasihat mengenai peraturan pendaftaran dan tatacara memberikan tawaran atau sebutharga;
(c) Menyediakan laporan-laporan perolehan dan juga prestasi pembekal;
(d) Menyelaras format-format dokumen yang digunakan oleh Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan; dan
(e) Sebagai kordinator yang menyelaras keperluan Jabatanarah bagi penggunaan sistem berkomputer (BLIS).

**Bagi Penolong Pegawai Perbekalan di Unit Kawalan Mutu dan Pengangkutan (KM & PGKTN)**
Bertanggungjawab kepada Penolong Pengarah Perbekalan dan membantunya dalam hal-hal berikut :
(a) Mengurus penerimaan barang dan memastikan kualiti serta kuantitinya menepati pesanan;
(b) Menguruskan penghantaran barang-barang yang dihantar ke luar negeri untuk diperbaiki dan juga barang persendirian Anggota Tentera yang dihantar berkursus atau bertugas di luar negeri dan juga Askar-Askar Pinjaman British; dan
(c) Menguruskan pengambilan barang-barang dari Pelabuhan Muara, Lapangan Terbang Antarabangsa dan Pejabat Pos bagi barang-barang yang dipesan terus dari firma-firma luar negeri.

**UMUM**

Menjalankan apa jua arahan dan pembahagian kerja yang diberikan dari masa ke semasa oleh pihak atasan.

**TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN :** 3 tahun.

**KURSUS/LATIHAN :** Kursus/latihan yang berkaitan dengan tugas akan diberikan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan organisasi.

**PEPERIKSAAN :** Tidak ada.

**KENAIKAN PANGKAT :** Kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi boleh dipertimbangkan jika memenuhi syarat kelayakan dan tertakluk jua kepada kekosongan jawatan.

**AM:**
Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas sama di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**PERINGATAN :**
Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenan tidak akan dilayan.

Borang permohonan boleh didapati di Bangunan K19, Bahagian Pengambilan Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup : HARI RABU, 25 Februari 2004**

## PEMBATALAN JAWATAN KOSONG DI KEMENTERIAN PERTAHANAN

**MERUJUK iklan PELITA BRUNEI keluaran 7 Januari 2004.**

Iklan Bil. : (1) **PEGAWAI HAL EHWAL BEKAS PERAJURIT KANAN** yang dikeluarkan di Muka Surat 5 adalah dengan ini **DIBATALKAN** kerana setiap jawatan dalam Bahagian II ke atas adalah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengiklankan. Bagaimanapun kementerian tersebut memaklumkan terdapat beberapa perubahan jawatan dan juga kelayakan dalam jawatan-jawatan berkenaan. Untuk maklumat lanjut iklan-iklan tersebut akan diiklankan kembali pada keluaran 28 Januari depan.

# KEMASUKAN MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM IJAZAH PERTAMA, LANJUTAN DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM SESI AKADEMIK 2004/2005

CALON-CALON yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan bagi mengikuti program-program pengajian seperti yang disenaraikan. Untuk dipertimbangkan bagi kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam, pemohon-pemohon dikehendaki memenuhi syarat-syarat am dan syarat-syarat khusus yang dinyatakan di setiap program pengajian.

**BAHAGIAN 1 - NOTA AM**

1.1 Hanya kelulusan-kelulusan dari Universiti / Institusi / Lembaga Peperiksaan yang diiktiraf oleh Senat Universiti yang akan dipertimbangkan.

1.2 Bagi kemasukan ke program ijazah pertama hanya kelulusan-kelulusan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei - Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' level) atau yang sebanding yang diambil dalam dua (2) kali peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan yang akan dipertimbangkan. Bagi kemasukan ke program diploma dan sijil pendidikan hanya kelulusan-kelulusan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa ('O' level) atau yang sebanding yang diambil dalam dua (2) kali peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan yang akan dipertimbangkan.

1.3 Mata pelajaran Lukisan, Kertas Am atau Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua tidak akan dipertimbangkan sebagai salah satu mata pelajaran peringkat lanjutan ('A' level). Walau bagaimanapun mata pelajaran Lukisan boleh dipertimbangkan sebagai salah satu mata pelajaran peringkat lanjutan ('A' level) yang relevan bagi calon-calon yang memohon program BA Primary Education, BA Education, Sarjana Muda Sastera Pendidikan (major dalam Bahasa Melayu atau Kesusasteraan Melayu), Sarjana Muda Pendidikan atau B Ed (General Science) yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah.

1.4 Kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh London GCE 'O' level examination Syndicate adalah tidak diiktiraf sebagai sebanding dengan kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu Sijil Am Pelajaran Brunei - Cambridge Peringkat Biasa.

1.5 Pemohon-pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat biasa kemasukan boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program ijazah pertama sebagai pemohon 'mature'. Syarat-syarat yang ditetapkan dicatatkan di bilangan 3.1.

1.6 Pemohon-pemohon mesti lulus tapisan keselamatan dan disahkan sihat untuk mengikuti program pengajian di Universiti Brunei Darussalam.

1.7 Pemohon-pemohon mesti memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti Brunei Darussalam dari semasa ke semasa.

1.8 Memenuhi syarat-syarat kemasukan am minimum tidak menjamin kemasukan bagi mengikuti program-program Universiti Brunei Darussalam dan kemasukan bagi mengikuti sebahagian program pengajian adalah bersifat persaingan.

1.9 Universiti Brunei Darussalam berhak untuk menolak permohonan-permohonan yang tidak lengkap, diterima lewat dari tarikh tutup atau yang mengandungi maklumat palsu.

1.10 Hanya calon-calon yang disenaraipendekkan / berjaya yang akan dihubungi

**BAHAGIAN 2 - SENARAI PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT-SYARAT KEMASUKAN (SYARAT-SYARAT AM DAN KHUSUS PROGRAM PENGAJIAN)**

**2.1 - IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Pada masa ini berbagai jenis program Ijazah Doktor Falsafah sedang ditawarkan. Pemohon-pemohon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program-program ini dari :- Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah - Fakulti Sastera dan Sains Sosial - Fakulti Sains

Nota:
Pemohon-pemohon yang berminat adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan ketua jabatan di fakulti/institut berkenaan sebelum menghantar borang permohonan.

**2.2 - IJAZAH SARJANA**

**Syarat Am Kemasukan**
Syarat minimum bagi mengikuti Ijazah Sarjana ialah kelazimanya Ijazah Kepujian Kelas Kedua yang relevan atau kelulusan sebanding dari institusi yang diiktiraf oleh Senat Universiti.
Pemohon-pemohon bagi program ijazah Sarjana Pendidikan mestilah juga mempunyai pengalaman kerja yang relevan.

**2.2.1 Program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan** Pada masa ini berbagai jenis program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan sedang ditawarkan. Pemohon-pemohon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program-program ini dari :

- Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah
- Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial
- Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar
- Fakulti Sains
- Akademi Pengajian Brunei

Program-program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan yang ditawarkan adalah sama ada 1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa.

**Nota** :
Borang-borang permohonan bagi program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan bolehlah dihantar ke Universiti Brunei Darussalam pada bila-bila masa sepanjang tahun. Pemohon-pemohon yang berminat adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan ketua jabatan di fakulti / institut berkenaan sebelum menghantar borang permohonan.

**2.2.2 Program Ijazah Sarjana Secara kerja kursus / kerja kursus disertasi / kerja kursus dan projek**

i) **Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS)**
111 - Sarjana Sastera Secara kerja kursus dan disertasi dalam Bahasa Melayu dan Linguistik
112 - MA by coursework and dissertation in Applied Linguistics

Program-program Ijazah Sarjana yang ditawarkan oleh FASS adalah sama ada 1 hingga 2 tahun sepenuh masa atau 2 hingga 4 tahun separuh masa.

ii) **Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar (FBEPS)**
78 - Master of Public Policy (MPP) by Coursework - (1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa)
92 - MBA by coursework - (1½ tahun sepenuh masa atau 2½ tahun separuh masa)
387 - Master of Enviromental Management (MEM) by coursework - (I tahun sepenuh masa)

Pemohon-pemohon program MBA dan MEM yang tidak memenuhi syarat am boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon mempunyai pengalaman kerja yang relevan dan kelulusan-kelulusan akademik atau profesional lain yang bersesuaian dan sebanding.

iii) **Fakulti Sains (FOS)**
91 - MSc by coursework in Petroleum Geoscience - (1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa)

iv) **Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (IPISHOAS)**
113 - Master of Syariah by coursework and dissertation
114 - Master of Usuluddin by coursework and dissertation
115 - Master of Arabic Language by coursework and dissertation
Pemohon-pemohon mestilah mempunyai ijazah Kepujian Kelas Kedua atau 'Jayyid' dalam disiplin yang relevan

Jawatankuasa Kemasukan Universiti boleh menghendaki pemohon-pemohon untuk menduduki dan lulus ujian Bahasa Arab.

Program-program Ijazah Sarjana yang ditawarkan oleh IPISHOAS adalah sama ada 1 hingga 2 tahun sepenuh masa atau 2 hingga 4 tahun separuh masa.

**2.3 - DIPLOMA LEPAS IJAZAH**

69 - Diploma Perundangan Islam Dan Guaman Syari'e (2 tahun separuh masa)

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Brunei Darussalam atau Institusi-Institusi lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti ; atau
Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari institusi yang diiktiraf oleh Senat Universiti ; atau
Ijazah pertama / Diploma lain yang sebanding dengan yang di atas.

71 - **DIPLOMA KAUNSELING LEPAS IJAZAH**
- (1 tahun sepenuh masa)
Terdapat dua jenis program yang ditawarkan
a) **Diploma Kaunseling Lepas Ijazah untuk Guru / Pegawai Pelajaran**
(i) mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Brunei Darussalam atau universiti lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti; dan,
(ii) mempunyai kelayakan profesional dalam pengajaran.
b) **Diploma Kaunseling Lepas Ijazah untuk Pegawai Sektor Awam/Swasta/Bukan Guru**

mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Brunei Darussalam atau universiti lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti.
Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman kerja dalam pembangunan sumber tenaga manusia atau kerja sosial.

**2.4 - SIJIL PENDIDIKAN LEPAS IJAZAH**

**Syarat Kemasukan**
Ijazah yang relevan dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh Senat Universiti

58 - Postgraduate Certificate in Technical Education - (1 tahun sepenuh masa )
79 - Postgraduate Certificate in Education (Secondary) - (1 tahun atau 1½ tahun sepenuh masa )
74 - Sijil Pendidikan Lepas Ijazah (Menengah ugama) - (1 tahun sepenuh masa)
81 - Pendidikan Lepas Ijazah (Menengah) - (1 tahun sepenuh masa)
63 - Sijil Pendidikan Lepas Ijazah dalam Pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua - (1 tahun sepenuh masa)

**2.5 - IJAZAH PERTAMA**

Semua program ijazah pertama yang ditawarkan adalah 4 tahun sepenuh masa kecuali sebaliknya dinyatakan.

**Syarat-syarat Am Kemasukan**
Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) kelulusan peringkat lanjutan ('A' level ) yang relevan dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' level ) atau yang sebanding yang diperolehi dalam dua (2) kali peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (2001 - 2003). **dan**

Bagi program-program dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level) atau skor 6.5 dalam IELTS (diperolehi dalam tempoh tiga tahun kebelakangan) atau skor keseluruhan minimum 550 dalam TOFEL.

Bagi program-program dalam Bahasa Melayu, sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level).

Bagi program-program dalam dwibahasa (BA, BA Major in Brunei Studies dan Sarjana Muda Pendidikan) sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O'level) atau skor 5.0 dalam IELTS (diperolehi dalam tempoh tiga tahun kebelakangan).

**2.5.1 Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah**

Kod Program — Nama Program

02 - **Sarjana Muda Sastera Pendidikan**
Major sama ada dalam Bahasa Melayu atau Kesusasteraan Melayu. Satu Minor dipilih sama ada dari Bahasa Melayu, Sejarah, Pengajian Islam, Pengajian Brunei atau Kesusasteraan Melayu.
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah sekurang-kurangnya gred D atau lebih baik dan salah satu kelulusan mestilah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

06 - **BA Education**
Major either in Geography, Economics, History or Teaching of English as a Second Language (TESL). One Minor chosen either from Geography, Economics, TESL, History or Mathematics.
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' Level) mestilah dalam mata pelajaran *Geography, Economics, History* atau mata pelajaran-mata pelajaran lain yang relevan yang bahasa penghantarnya Bahasa Inggeris dengan gred D atau lebih.

08 - **BSc Education**
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' Level) mestilah dalam mata pelajaran-mata pelajaran Sains dengan gred D atau lebih baik.

24 - **BEd (General Science)**
Selain daripada syarat kemasukan am, pemohon-pemohon praperkhidmatan (pre-service) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah dalam mata pelajaran *Biology, Chemistry atau Physics*. Calon-calon mestilah juga mempunyai tiga (3) kelulusan mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level) yang termasuk sama ada mata pelajaran *Biology, Chemistry, Physics atau Mathematics.*
Guru-guru yang masih berkhidmat dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar dalam Integrated Science atau pemegang-pemegang Sijil Pendidikan yang diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam atau kelayakan-kelayakan lain yang sebanding juga akan dipertimbangkan.

07 - **BA Primary Education**
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah relevan dengan program *BA Primary Education* dengan gred D atau lebih baik. Salah satu kelulusan pe-ringkat lanjutan ('A' level) mestilah mata pelajaran yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris.

35 - **Sarjana Muda Pendidikan**
Satu pengkhususan dipilih sama ada dari Pendidikan Bahasa Melayu, Pendidikan Jasmani atau Pendidikan Seni Lukis. Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah sekurang-kurangnya gred D atau lebih baik dan berkaitan dengan program ini.

25 - **BEd (Primary Education)**
**- (3 tahun Sepenuh Masa)**
Program ini dikhaskan untuk guru-guru yang meninggi taraf sahaja, dengan pengkhususan seperti berikut :
Pendidikan Bahasa Melayu
*Science & Mathematics Education*
*Teaching of English as a Second Language*
Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Pendidikan Seni Lukis
Pendidikan Jasmani
Pendidikan Khas (separuh masa - 4 tahun tempoh pengajian)
Pemohon-pemohon mestilah :
(i) mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman sebagai guru berkelayakan dan memegang sekurang-kurangnya satu (1) sijil / diploma latihan dalam perkhidmatan dalam bidang pengkhususan yang dimaksudkan;
(ii) telah mengajar dalam bidang pengkhususan yang dimaksudkan selama tiga (3) tahun dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan; dan,
(iii) mempunyai sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level ) bagi pengkhususan dalam Teaching of English as a Second Language dan Science and Mathematics Education, atau
mempunyai sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level) bagi pengkhususan dalam Pendidikan Bahasa Melayu, Pendidikan Awal kanak-Kanak, Pendidikan Seni Lukis, Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Khas.
Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang terlibat secara aktif dalam bidang pengkhususan yang dimaksudkan di sekolah atau di Kementerian Pendidikan.

**Nota:**
Semua program pendidikan di peringkat ijazah pertama memerlukan temu duga. Pemohon-pemohon mestilah berjaya dalam temu duga yang akan dijalankan oleh Jawatankuasa Kemasukan Universiti.

**2.5.2 Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar**

21 - **B. Business Administration** with option to transfer to BA in Accounting and Financial Management course at Sheffield University or other universities if qualified.
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah sama ada dalam mata pelajaran *Geography, History, Economics, Public Affairs, Mathematics, Accounting, Law, Sociology, Management of Business, English Literature* atau mana-mana mata pelajaran Sains dengan sekurang-kurangnya gred C atau lebih baik dan sekurang-kurangnya kepujian credit 6 dalam mata pelajaran Mathematics dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O'level)
Accounting, Law, Sociology, Management of Business, English Literature atau mana-mana mata pelajaran Sains dengan sekurang-kurangnya gred C atau lebih baik dan sekurang-kurangnya kepujian credit 6 dalam mata pelajaran Mathematics dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O'level)

05 - BA (Public Policy and Administration)Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A'level) mestilah sama ada dalam mata pelajaran Geography, History, Economics, Public Affairs, Mathematics, Accounting, Law, Sociology, Management of Business., English Literature atau mana-mana mata pelajaran Sains dengan sekurang-kurangnya gred C atau lebih baik dan sekurang-kurangnya gred lulus dalam mata pelajaran Mathematics dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O'level).

31 - BA (Economics)
(i) Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah sama ada dalam mata pelajaran Geography, History, Economics, Public Affairs, Mathematics, Accounting,. Law, Sociology, Management of Business, English Literature atau mana-mana mata pelajaran Sains; dan mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Mathematics dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. ('O' level).

**2.5.3 Fakulti Sastera dan Sains Sosial**

29 - **Sarjana Muda Sastera / BA**
Major sama ada dalam Bahasa Melayu dan Linguistik, *Geography*, History atau Kesusasteraan Melayu dan satu minor dipilih dari sama ada *Geography, History, English Language Studies, Anthropology and Sociology, South East Asian Studies*, Bahasa Melayu dan Linguistik, atau Kesusasteraan Melayu. Pelajar-pelajar juga boleh mengambil kursus minor yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti lain seperti *Economics, Mathematics, Policy Studies*, Pengajian Brunei dan lain-lain.

Tiga mata kuliah akan diambil di tahun pertama. Kombinasi major dan minor akan ditentukan di penghujung tahun pertama.

Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah dalam gred D atau lebih baik (kecuali mata pelajaran Lukisan). Bagi English Language Studies kedua-dua kelulusan mestilah mata-pelajaran-mata-pelajaran yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris dan pemohon-pemohon mestilah juga mempunyai kelulusan gred B (4) dalam mata pelajaran English Language dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. ('O' level)

LIHAT MUKA 5

DARI MUKA 4

**2.5.4 Fakulti Sains**

11 - **B. Engineering in Electronics and Electrical Engineering** - a twinning programme with the University of Glasgow with option to transfer to other universities if a student obtains an overall grade 'C' average over the first two years.
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah dalam mata pelajaran *Mathematics* and *Physics* dengan gred C atau lebih baik.

10 - **B. Sc. (Maths)** with option to transfer to B. Sc. Programme in Computer Science at Strathclyde University or other universities if qualified.
Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah dalam mata pelajaran Sains termasuk *Mathematics* dengan gred C atau lebih baik.

33 - **B. Sc. (Biological Sciences)**
Dua kelulusan di peringkat lanjutan mestilah dalam mata-pelajaran Sains termasuk *Biology* dengan gred C atau lebih baik.

34 - **B. Sc. (Biotechnology)**- a twinning programme with the University of Windsor.
Ketiga-tiga kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) mestilah dalam mata-pelajaran *Chemistry* dengan gred B atau lebih baik dan *Biology* dan *Mathematics* dengan gred C atau lebih baik.

**2.5.5 Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien**

26 - Sarjana Muda Bahasa Arab
27 - Sarjana Muda Usuluddin
28 - Sarjana Muda Syariah

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dengan gred purata 'Jayyid' atau yang sebanding atau dua kelulusan di peringkat lanjutan ('A' level) dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang bahasa pengantarnya Bahasa Arab dengan gred C atau lebih baik.

**Note:** Bahasa pengantar bagi program kod 26, 27 dan 28 ialah Bahasa Arab.

**2.5.6 Akademi Pengajian Brunei**

23 - **Sarjana Muda Sastera / BA**
Major dalam Pengajian Brunei dan satu minor dipilih dari mana-mana kursus yang ditawarkan oleh Universiti.Kedua-dua kelulusan di peringkat lanjutan('A' level) mestilah dalam gred D atau lebih baik.

**BAHAGIAN 2.6 - DIPLOMA & SIJIL**

Kod Program Nama Program

70 - **Diploma in Primary Education**
- ( 3 tahun sepenuh masa )

Pemohon-pemohon yang ingin mengikuti program *Diploma in Primary Education* mestilah berusia sekurang-kurangnya 16 tahun pada 2 Ogos 2004; dan,
(i) mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya lima (5) kepujian (credit) dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level) atau yang sebanding yang diperolehi dalam dua(2) kali peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (2001 - 2003);
(ii) kelulusan lima (5) kepujian (credit) ini mestilah termasuk mata pelajaran *English Language* atau skor 6.5 dalam IELTS atau skor keseluruhan minimum 550 dalam TOFEL dan tiga (3) mata pelajaran lain yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris; dan,
(iii) berjaya dalam temu duga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kemasukan Universiti.

60 - **Certificate in Lower Secondary Science Education** -
(3 tahun sepenuh masa)Pemohon-pemohon yang ingin mengikuti program *Certificate in Lower Secondary Science Education* mestilah berusia sekurang-kurangnya 16 tahun pada 02 Ogos 2004; dan,
(i) mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya empat (4) kepujian (credit) dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O'level) atau yang sebanding. Kelulusan empat (4) kepujian (credit) mata pelajaran tersebut mestilah termasuk *English Language* atau skor IELTS 6.5 atau skor keseluruhan minimum TOEFL 550 dan sekurang-kurangnya dua *Pure Science subjects (Chemistry, Physics, Biology)*,
(ii) berjaya dalam temu duga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kemasukan Universiti.
Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai gred 7 dalam *Elementary Mathematics.*

51 - **Sijil Penulisan Kreatif**
(1 tahun sepenuh masa)
Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan :

Sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian (credit) dengan gred B atau lebih baik termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan/atau Kesusasteraan Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level) atau yang sebanding, atau
Sekurang-kurangnya tiga kepujian dengan gred C atau lebih baik termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan/atau Kesusasteraan Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level) atau yang sebanding dan mestilah juga mempunyai pengalaman dalam penulisan dan penerbitan artikel.
Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dan kemahiran berkaitan seperti penerbitan dan pengalaman kerja dalam penulisan kreatif, penyuntingan, penterjemahan, penyiaran, penerangan, perhubungan awam, pengiklanan dan penerbitan di jabatan-jabatan kerajaan atau sektor swasta.
Pemohon-pemohon yang memenuhi syarat kemasukan di atas dikehendaki menghadiri temu duga. Keputusan penerimaan untuk mengikuti program ini adalah tertakluk kepada hasil temu duga tersebut. Kemasukan untuk mengikuti program ini adalah tidak dijamin dan bersifat persaingan.

61 - **SIJIL KAUNSELING**
- (1 tahun sepenuh masa)
Terdapat dua jenis program yang ditawarkan :
a) **Sijil Kaunseling untuk Pegawai Sektor Awam/Swasta/ Bukan Guru Terlatih :**
mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya empat (4) kepujian (credit) dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' level).
Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman kerja dalam pembangunan sumber tenaga manusia atau kerja sosial.
b) **Sijil Kaunseling untuk Guru / Pegawai Pelajaran :**

52 - **Sijil Pengajaran Bahasa Melayu** -
(1 tahun sepenuh masa)

53 - **Sijil Pengurusan Pendidikan** - (1 tahun sepenuh masa)
59 - **Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak** - (1½ tahun sepenuh masa)
62 - **Sijil Pendidikan Khas** - (1½ tahun separuh masa)
55 - **Certificate in Special Education** - (1½ tahun separuh masa)
Syarat-syarat kemsukan bagi program kod - 61(b),52, 53, 59, 62 & 55 ialah:
Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelayakan Sijil Pendidikan dari Universiti Brunei Darussalam atau yang sebanding dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman mengajar.

56 - **Certificate in English Language Teaching** - (2 tahun separuh masa)
Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelayakan Sijil Pendidikan dari Universiti Brunei Darussalam atau yang sebanding.

57 - **Certificate in Technical Education** - (1 tahun sepenuh masa)
Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Ordinary National Diploma/Higher National Diploma dalam bidang teknikal atau vokasional yang relevan, atau yang sebanding.

**BAHAGIAN 3**

3.1 **PEMOHON 'MATURE'**
Jawatankuasa Kemasukan Senat boleh mempertimbangkan kemasukan seseorang pemohon yang memohon program ijazah pertama universiti sebagai pemohon 'mature' jika calon :

1) telah mencapai umur sekurang-kurangnya 25 tahun pada tarikh kemasukannya mengikuti program ijazah;
2) telah mengambil peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau peperiksaan yang sebanding dan telah memperolehi salah satu dari berikut :

* kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu jika ia memohon untuk mengikuti program ijazah dalam Bahasa Melayu,
* kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris jika ia memohon program ijazah dalam dwibahasa (BA, Sarjana Muda Sastera major dalam Pengajian Brunei dan Sarjana Muda Pendidikan),
* Kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris atau skor 6.5 dalam IELTS atau skor keseluruhan minimum 550 dalam TOEFL jika ia memohon untuk mengikuti program ijazah dalam Bahasa Inggeris. Jika ia memohon untuk mengikuti program *Bachelor of Business Administration* dan *BA (Economics)* dan mana-mana program yang mempunyai minor dalam *Economics*, kepujian (credit) 6 dalam *Mathematics* adalah diperlukan.
* Gred 'Jayyid' dalam 5 mata pelajaran termasuk Bahasa Arab dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama (SPU) yang dikendalikan oleh Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (SMALHB) atau yang sebanding atau telah memperolehi Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) yang dikendalikan oleh SMALHB atau yang sebanding dan calon dikehendaki untuk menduduki ujian Bahasa Arab yang dikendalikan oleh Universiti jika ia memohon program-program ijazah yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien;

3) lazimnya telah mengambil peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan ('A' level) atau peperiksaan yang sebanding dan telah memperolehi sekurang-kurangnya satu kelulusan peringkat lanjutan ('A' level) atau yang sebanding dalam mata pelajaran yang relevan dengan program ijazah yang dipohonkan; dan,
4) selepas mengambil peperiksaan Sijil Am Pelajaran/SPU/STPUB calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja yang relevan dengan program ijazah. Walau bagaimanapun pengalaman bekerja minimum tiga (3) tahun dalam bidang pendidikan boleh dipertimbangkan bagi kemasukan ke program-program ijazah yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah.

3.2 **PROSEDUR PERMOHONAN**
Semua borang permohonan yang telah lengkap diisikan berserta dengan salinan-salinan sijil dan dokumen yang berkaitan yang telah disahkan hendaklah dihantar seperti berikut:

(i) Pegawai / Kakitangan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bolehlah mendapatkan borang permohonan dari kementerian masing-masing. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar ke kementerian berkenaan melalui Ketua Jabatan / Unit / Bahagian masing-masing.

(ii) Pegawai / Kakitangan Kerajaan lain dan Syarikat Swasta bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Universiti Brunei Darussalam. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan / Syarikat masing-masing.

(iii) Pemohon-pemohon lain bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Universiti Brunei Darussalam, dan mengembalikannya ke tempat yang sama.

3.3 **TARIKH-TARIKH TUTUP**

3.3.1 Pemohon-pemohon yang masih dalam perkhidmatan Kerajaan/Swasta dalam negeri dan yang memohon program Sarjana secara kerja kursus/kerja kursus dan disertasi/kerja kursus dan projek - 15 Februari 2004

3.3.2 Pemohon-pemohon praperkhidmatan (pre-service) dalam negeri - 19 Februari 2004

3.3.3 Pemohon-pemohon luar negeri yang memohon Biasiswa Kerajaan Negara Brunei Darussalam bolehlah menghantar borang permohonan sebelum 26 Februari 2004 seperti yang dinyatakan dalam iklan-iklan berkenaan.

3.4 **MAKLUMAT TAMBAHAN**
Maklumat tambahan tentang program-program pengajian yang ditawarkan boleh diperolehi daripada:
Penolong PendaftarBahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar Tingkat Satu, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam Jalan Tungku Link Gadong BE-1410 Negara Brunei Darussalam
atau
Penolong-Penolong Pendaftar Fakulti / Institut / Akademi yang menawarkan program yang dipohonkan

**Nota:**
Bermula pada sesi akademik 2003/2004 semua program M Ed. / Sarjana Pendidikan dijalankan pada bulan Januari. Bagi kemasukan pada bulan Januari 2005 program M Ed./ Sarjana Pendidikan akan diiklankan pada pertengahan tahun 2004 dan borang-borang permohonan boleh diperolehi selepas itu.

**INSTITUT PERUBATAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Program Ijazah Kod 32 'Bachelor of Biomedical Science"**
- Program kembar dengan Universitit Queensland, Australia bagi sesi akademik 2004/2005

Calon-calon yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan bagi mengikuti program yang tersebut di atas. Tempoh pengajian program ijazah ini ialah tiga tahun dan pelajar-pelajar yang berkelayakan akan mengikuti 3 semester pertama di Universiti Brunei Darussalam dan 3 semester lagi di Universiti Queensland, Australia. Pelajar-pelajar berpeluang untuk berpindah ke ' Graduate Entry Degree in Medicine' di Universitit Queensland, Australia tertakluk kepada pencapaian yang baik dan temu duga selepas menyelesaikan program ijazah 'Bachelor of Biomedical Science'. Selepas mengikuti 2 semester pertama dalam program ijazah 'Bachelor of Biomedical Science di Universitit Brunei Darussalam, pelajar-pelajar juga berkelayakan untuk berpindah ke ijazah ' Dentistry' di Universiti Queensland, Australia atau ke ijazah 'Bachelor of Science' di Universiti Brunei Darussalam

**Syarat-syarat Kemasukan**

i) Kelulusan peringkat lanjutan ('A' level) dengan gred B,C,C atau lebih baik termasuk subjek *Mathematics* dan *Chemistry*. Atau

Kelulusan-kelulusan yang diiktiraf oleh Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Queensland, Australia,

ii) Kemahiran Bahasa Inggeris : Bahasa Inggeris yang sebanding dengan skor C atau lebih baik dalam peperiksaan peringkat biasa ('O' level), atau skor 6.5 atau lebih baik dalam IELTS dan skor 6.0 atau lebih baik sebagai 'individual writing band score', atau skor keseluruhan minimum 550 dalam TOEFL dan minimum 5 dalam TWE, atau skor minimum 213 atau lebih baik dalam TOEFL berkomputer.

Hanya kelulusan-kelulusan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' level) atau yang sebanding yang diperolehi dalam dua (2) kali peperiksaan dalam tempoh tiga tahun (3) kebelakangan (2001 - 2003) yang akan dipertimbangkan.

Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat kemasukan akan ditemuduga. Kemasukan untuk mengikuti program ini adalah tidak dijamin dan bersifat persaingan.

**Prosedur Permohonan**
i) Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Tingkat Satu, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.
ii) Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar dengan menyertakan salinan-salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah disahkan ke tempat yang tersebut di atas.

**Tarikh Tutup**

**Tarikh tutup menghantar borang permohonan ialah 09 Februari 2004.**

**Nota:**

i) Universiti Brunei Darussalam berhak menolak permohonan yang tidak lengkap, diterima selepas tarikh tutup atau mengandungi maklumat palsu.
ii) Pemilihan temu duga akan diadakan pada minggu ketiga bulan Februari 2004. Pemohon-pemohon yang disenaraipendekkan sahaja yang akan dihubungi.
iii) Program ini akan dijalankan pada minggu kedua bulan **Mac 2004.**

**INSTITUT PERUBATAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Program Ijazah Kod 36 - "Bachelor of Biological Science (Pre-medical studies)'**

- Program artikulasi dengan Universiti Calgary, Kanada, bagi sesi akademik 2004/2005

Calon-calon yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan bagi mengikuti program yang tersebut di atas. "The Pre-medical Studies" adalah program dua tahun dan setelah berjaya menyelesaikannya, pelajar-pelajar akan meneruskan pengajian ke program lanjutan "Pre-medical Studies" selama satu tahun di Universiti Calgary, Kanada. Pelajar-pelajar berpeluang untuk berpindah ke 'Undergraduate Medical Programme" di Universiti Calgary, Kanada tertakluk kepada pencapaian yang baik, esei dan temu duga selepas menyelesaikan program "Pre-medical Studies". Selepas menyelesaikan program dua tahun dalam "Bachelor of Biological Science (Pre-medical Studies)" di Universiti Brunei Darussalam, pelajar-pelajar juga berpeluang menyelesaikan program ijazah "Bachelor of Biological Science" dalam tempoh dua tahun lagi di Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam.

**Syarat-syarat Kemasukan**

i) Kelulusan peringkat lanjutaan ('A' level) dengan gred A,B,B atau lebih baik termasuk subjek *Mathematics* dan *Biology,*
atau
Kelulusan-kelulusan yang diiktiraf oleh Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Calgary, Kanada, dan

ii) Kemahiran Bahasa Inggeris: Bahasa Inggeris yang sebanding dengan skor C atau lebih baik dalam peperiksaan peringkat biasa ('O' level), atau skor 6.5 atau lebih baik dalam IELTS dan skor 6.0 atau lebih baik sebagi "individual writing band score" atau skor keseluruhan minimum 550 dalam TOEFL dan minimum 5 dalam TWE, atau skor minimum 213 atau lebih baik dalam TOFEL berkomputer.

Hanya kelulusan-kelulusan Peperiksaan Sijil Am Brunei -Cambridge Peringkat Lanjutan ('A'level) atau yang sebanding yang diperolehi dalam dua (2)kali peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (2001 - 2003) yang akan dipertimbangkan.

Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat kemasukan akan ditemuduga. Kemasukan untuk mengikuti program ini adalah tidak dijamin dan bersifat persaingan.

**Prosedur Permohonan:**

i) Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Tingkat Satu, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.

ii) Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar dengan menyertakan salinan-salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah disahkan ke tempat yang tersebut di atas.

**Tarikh Tutup**

**Tarikh tutup menghantar borang permohonan ialah 09 Februari 2004.**

**Nota:**

i) Universiti Brunei Darussalam berhak menolak permohonan yang tidak lengkap, diterima selepas tarikh tutup dan mengandungi maklumat palsu.
ii) Pemilihan temu duga akan diadakan pada minggu ketiga bulan Februari 2004. Pemohon-pemohon yang disenaraipendekkan sahaja yang akan dihubungi.
iii) Program ini akan dijalankan pada bulan **Ogos 2004.**

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Kementerian Kewangan, Tingkat I, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut:

| Kelas Penender | I | II | III | IV | V | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Dokumen - Kertas | $10.00 | $25.00 | $50.00 | $250.00 | $500.00 | $1,000.00 | $2,000.00 |
| Dokumen -elektronik | - | - | - | $155.00 | $280.00 | $530.00 | $1,030.00 |

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V, (IV, V & VI) kategori 1 sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 24 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari **Isnin, 9 Februari 2004**.
**BIL: JKR/DDS 055/2003 CDE(JP) - T.V : PEMBAIKAN SALIRAN DI PEKAN TUTONG, TUTONG.** No. Projek : 03/DDS/CDE(JP)/831-023. Yuran Tawaran : $250.00. Yuran Dokumen-e : $30.00. Jumlah Yuran : $280.00. (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV dan kategori 1.1 sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 21 Januari 2004. Tarikh tutup hari **Isnin, 26 Januari 2004** hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).
**BIL: JKR/DOR/SRM 059/2003 : PEMOTONGAN DAHAN-DAHAN KAYU DAN POKOK DI DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.** Yuran Tawaran : $25.00. Yuran Dokumen : $25.00. Jumlah Yuran Tawaran : $50.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada Syarikat-Syarikat yang berdaftar di dalam semua kelas dan dimestikan mempunyai lesen KSPS yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam di bawah kategori Supply and Rental of Vehicle sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 24 Januari 2004. Tarikh tutup hari **Isnin, 26 Januari 2004** hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).
**BIL: JKR/DTS/SME/43/2003 : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYEWAKAN KENDERAAN LIMA BELAS (15) UNIT DOUBLE CAB PICKUP, TERMASUK OPERASI DAN PEMELIHARAAN KENDERAAN UNTUK JABATAN KERJA RAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.** No. Projek : DTS/SME/18/2003. Jumlah Yuran Tawaran : $250.00. (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar di dalam semua kelas dan dimestikan mempunyai lesen KSPS yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam di bawah kategori Supply and Rental of Vehicle sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 24 Januari 2004. Tarikh tutup hari **Isnin, 26 Januari 2004** hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Peti Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).
**BIL: JKR/DTS/SME/44/2003 : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYEWAKAN KENDERAAN LIMA BELAS (15) UNIT, SEVEN (7) SEATER 4 WHEEL DRIVE MULTI-PURPOSE VEHICLE, TERMASUK OPERASI DAN PEMELIHARAAN KENDERAAN UNTUK JABATAN KERJA RAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.** No. Projek : DTS/SME/19/2003. Jumlah Yuran Tawaran : $250.00. (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar di dalam semua kelas dan dimestikan mempunyai lesen KSPS yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam di bawah kategori Supply and Rental of Vehicle sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 26 Januari 2004. Tarikh tutup hari **Isnin, 26 Januari 2004** hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Peti Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).
**BIL: JKR/DTS/SME/45/2003 : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYEWAKAN KENDERAAN LIMA BELAS (15) UNIT 14 KAKI 'FLATBED TRUCK'., TERMASUK OPERASI DAN PEMELIHARAAN KENDERAAN UNTUK JABATAN KERJA RAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.** No. Projek : DTS/SME/20/2003. Jumlah Yuran Tawaran : $250.00. (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar di dalam semua kelas dan dimestikan mempunyai lesen KSPS yang dibenarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam di bawah kategori Supply and Rental of Vehicle sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 24 Januari 2004. Tarikh tutup hari **Isnin, 26 Januari 2004** hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Peti Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam).
**BIL: JKR/DTS/SME/46/2003 : MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYEWAKAN KENDERAAN LIMA BELAS (15) UNIT LIMA (5) TON TIPPER TRUCK TERMASUK OPERASI DAN PEMELIHARAAN KENDERAAN UNTUK JABATAN KERJA RAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.** No. Projek : DTS/SME/21/2003. Jumlah Yuran Tawaran : $250.00. (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas VI, (V & VI) di bawah kategori 1 sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 17 Januari 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari **Isnin, 2 Februari 2004**.
**BIL: JKR/DDS 054/2003 CDE(SPECS) - T.VI : KAWALAN HAKISAN DAN KERUNTUHAN BENTENG PENAHAN TEMBOK KONKRIT DEKAT KANDANG, BERAKAS GARRISON.** No. Projek : 03/DDS/CDE-(SPECS)/K7307. Yuran Tawaran : $500.00. Yuran Dokumen-e : $500.00. Jumlah Yuran : $1,000.00. (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar kelas VI dan di kategori 1 (Civil Engineering) sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 7 Februari 2004. Tarikh tutup hari **Isnin, 9 Februari 2004** hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan).
**BIL: JKR/DOR/SRC 058/2003 : PEMBINAAN JALAN TUTONG-SERIA, FASA III JALAN PENGHUBUNG TELISAI-LUMUT.** Yuran Tawaran : $1,000.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Dokumen : $1,000.00 (Tidak dikembalikan). Yuran Tawaran : $2,000.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III & IV di kategori 2 sahaja.**
Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran hari Sabtu, 24 Disember 2004 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari **Isnin, 26 Januari 2004**.
**BIL: JKR/DBSEB 001/2004 : MEMBINA SATU (1) BANGUNAN TAMBAHAN STESEN PENYELIDIKAN PERTANIA BIRAU, , DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.** No. Projek : (JKR/SEB/DBS801/0900(D). Yuran Dokumen : $25.00 (Tidak dikembalikan).

## JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**JUALAN LELONG**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong barang-barang dan perkakas-perkakas Bomba akan diadakan pada tarikh , masa dan tempat seperti yang disebukan di bawah:-

**PERHATIAN:**
Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang-barang dan peralatan perkakas bomba yang dibeli tidak kewat dari tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut.

| BIL | KETERANGAN LELONG | TEMPAT LELONG | TARIKH/MASA |
|---|---|---|---|
| 1. | 693 buah perkakas : Hose 63.5mm x 30m ANGUS DURALINE & 63.5mm x 30m SUPRA FLEX 500, 38.1mm x 25m ANGUS DURALINE & 38.1mm x 25m SUPRA FLEX 500, Water Gel, Cabinet 4 Drawer, Penggulung/Penambal Hose, Kerusi E/12/TIONSR/-1369/-96.E12/TIONSR/1341/96, E12/TIONSR/1358/96, E12/TIONSR/1364, Traumer Burn Pack, Katil Kayu, Bookcase Sliding Glass Door F/15/Y/1/16/90, Dafting Table (MUTOH), Vertical Blind, Blank Cap, Select-O-Matic SM 10F, AWANG Branch, Tip Nozzle, Metal Strainer, Control Dividing Breeching, Collecting Head, Stand Pipe c/w key and bar, FB 15 x /w pick up tube, select-O-Matic SM 100-H, Dividing Breeching (tidak bernombor), Suction Hose 4 in, coupling Hose 63.5 mm x 30m, Coupling Hose 38.1mm x 25m, harga asal tidak dapat dikesan dan 11 Buah Distress Signal Type D.S.3, Grame Alat Pernafasan, Air Liner Eqpt dan Hose Bandage. | Balai Bomba Seria, Ibu Pejabat Operasi 'B' Daerah Belait | Hari Sabtu, 31 Januari 2004 jam 10.00 pagi |
| 2. | 62 buah katil (besi), Snap Tank (pam sikut), Suction Hose 4", AWG Nozzle, Stand Pipe, FMB 5X, Metal Strainer, 2-Way Collecting Head, Select-O-Matic Branch, Control Dividing Breeching, BA Cylinder dan Enjin Motorsangkut SUZUKI 30 HP | Balai Bomba Seria, Ibu Pejabat Operasi 'B' Daerah Belait | |

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**Bilangan Tawaran: JPI/1/2004**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 9 Februari 2004** bagi tajuk berikut:-

**Bilangan Tawaran JPI/1/2004 -**
**TAWARAN BAGI MARINE INSURANCE**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Setiap syarikat yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk pembayaran yuran sebanyak B$ 100.00 wang tunai bagi tiap-tiap satu tawaran.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

**TAWARAN BAGI KERJA "PMONet - IT Network Infrastructure for Economic Planning and Development Department"**

**Bilangan Tawaran : JPKE/ADM/ICT - 2004**

1. SYARIKAT-SYARIKAT yang berdaftar adalah dipelawa menawarkan perkhidmatan bagi kerja di atas.
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di Aras 5 (East Wing), Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Blok 2A Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.
3. Bayaran B$100.00 (tidak dikembalikan) dikenakan bagi setiap pengambilan dokumen tawaran.
4. Lawatan ke tapak dimestikan seperti keterangan berikut pada **Isnin, 26 Januari 2004** jam 9.00 pagi di Ibu Pejabat JPKE Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping Bandar Seri Begawan. Hari **Rabu, 28 Januari 2004** jam 9.30 pagi di Pejabat Sukatan dan Timbangan, JPKE di Bangunan, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Temburong. Hari **Sabtu 31 Januari 2004** jam 8.30 pagi masing-masing di Pejabat Sukatan dan Timbangan, JPKE, Bangunan Mahkamah Lama, Jalan Enche Awang, Tutong jam 8.30 pagi, dan di Pejabat Sukatan dan Timbangan, JKE, Bangunan bekas Jabatan, Daerah Belait, Jalan Mc Kerron, Kuala Belait jam 2.00 petang.
5. Tarikh tutup menghantar tawaran ialah pada hari **Isnin, 9 Februari 2004** tidak lewat jam 2.00 petang.
6. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditutup rapi dan ditandakan "PMONet - IT Network Infrastructure for Economic Planning and Development Department" - Bilangan Tawaran JPKE/ADM/ICT - 2004.
7. Sampul surat tawaran hendaklah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Peti Tawaran, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

## JUALAN LELONG DI JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

### JUALAN LELONG

**1 CHAIN BLOCK; 3 SOCKET 4"; 1 SET FITTING (BALANCING WARM-UP POOL); 3 BUAH TIMBANGAN; 8 LANE LINE (YANG SUDAH DIPAKAI); 1 SET WATER POLO GOAL POST; 75 BUAH KATIL BESI (SINGLE); 8 BUAH KATIL BESI DUA TINGKAT; 112 KEPING TILAM; 7 BRACKET - KEDUDUKAN PUMP (BESAR DAN KECIL)**

DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Belia dan Sukan akan mengadakan jualan-jualan lelong bagi barang-barang yang tersebut di atas :-

Pada : **Hari Khamis, 29 Januari 2004**
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Di Kolam Renang Kebangsaaan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.
Harga : Tertakluk kepada kesanggupan pembeli

### JUALAN LELONG

**(i) 4 BUAH TAYAR JENIS TRACTOR MODAL 13.6/12 X 28**
**(ii) 27,000 BANTAL, BAKUL, PLASTIK DAN PENGANTUNG BAJU**

DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Belia dan Sukan akan mengadakan jualan-jualan lelong bagi barang-barang yang tersebut di atas :-

Pada : **Hari Khamis, 29 Januari 2004**
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Di Pusat Stor, Jabatan Belia dan Sukan.

### JUALAN LELONG

**4 BUAH MESIN RUMPUT MODAL 3.5HP DAN 18.35 HP**

Pada : **Hari Khamis, 29 Januari 2004**
Jam : Jam 9.00 pagi
Tempat : Di Kompleks Sukan Padang Berakas, Jabatan Belia dan Sukan.
Harga : Tertakluk kepada kesanggupan pembeli.

### JUALAN LELONG

**(i) 13 BUAH MESIN RUMPUT SIKUT MODAL BS 3100 & KAAZ K 33**
**(ii) 4 BUAH MESIN PENYEMBUR RUMPUT MODAL 249 & k 16**

Pada : **Hari Khamis, 29 Januari 2004**
Jam : 9.15 pagi
Tempat : Di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.
Harga : Tertakluk kepada kesanggupan pembeli

### JUALAN LELONG
### 47 BUAH MESIN RUMPUT

Pada : **Hari Khamis, 5 Februari 2004**
Jam : Jam 9.00 pagi
Tempat : Di Kompleks Sukan Padang Berakas, Jabatan Belia dan Sukan.
Harga : Tertakluk kepada kesanggupan pembeli.

## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN

### JUALAN LELONG

**1 BUAH KENDERAAN TOYOTA LANED CRUISER HARD TOP**
**5 BUAH BOT LAJU FIBER GLASS TANPA ENJIN**
**3 BUAH BOT LAJU TANPA ENJIN**

Pada : Hari Selasa, 3 Februari 2004
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Bangunan Bahagian Pencegah dan Perisikan, Pelabuhan Muara , Negara Brunei Darussalam

**Syarat-Syarat lelong seperti berikut:-**

1. Peserta yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai sahaja pada hari tersebut kepada Pegawai Kastam yang dilantik.
2. Peserta yang berjaya hendaklah memindah barang lelong yang dibelinya daripada lokasi jualan lelong selewat-lewatnya tiga (3) hari dari tarikh lelong tersebut.
3. Mana-mana barang yang tidak dipindah selepas jualan itu nanti, Jabatan Kastam dan Eksain Diraja tidak akan bertanggungjawab ke atas barang-barang berkenaan.

## UNIT KESELAMATAN JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI

### TAWARAN MEMBEKAL BAHAN-BAHAN AKREDITASI KHAS

**Bilangan Tawaran: KDN.BAC/S2-01/04**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen Tawaran boleh diperolehi dari Brunei Accreditation Centre (BAC.KDN) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Multi-Purpose Hall, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Jalan Berakas.
3. Borang Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910 sebelum tarikh tutup.
4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Borang Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau difikirkan tidak munasabah.

| BIL. TAWARAN/ KETERANGAN | BAHAN KHAS | TARIKH TUTUP /WAKTU |
|---|---|---|
| KDN. BAC/S2 01/04/ TAWARAN MEMBEKAL BAHAN-BAHAN AKREDITASI KHAS | Security Cards - 4000<br>Ribbons - 53 | **Hari Isnin, 26 Januari 2004 jam 2.00 petang** |

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3029 :-**
SURVIVAL KIT INDIVIDUAL (QTY : 1033 EA).
Bayaran Tawaran : $10.00 (Tidak dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3017 (A):-**
SUPPLY OF TURRET TRUCK (MHE) (QTY : 3 EA).
Bayaran Tawaran : $10.00 (Tidak dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3052 :-**
MOBILE COMMAND POST (QTY : 1EA).
Bayaran Tawaran : $10.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 16 Februari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 16 Februari 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/T/3043 :-**
JPPK/LTN/58/2003.
CADANGAN PENGUBAHSUAIAN IBU PEJABAT KEMENTERIAN PERTAHANAN (K1).
Bayaran Tawaran : $25.00 (Tidak dikembalikan). Kelas II. Kategori : 2, 4a & 5f. Completion Period : Two (2) months.

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 9 Februari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 30 Januari 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Y/3011:-**
WASPADA CLASS FIRE SUPPRESSION SYSTEM (QTY: 3 SE).
Bayaran Tawaran : $20.00 (Tidak dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3032 :-**
FUEL COMPRESSED HEXAMINE COOKER COMPLETE (QTY: 15,000 EA).
Bayaran Tawaran : $10.00 (Tidak dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/124:-**
SHOES MENS LEATHER WHITE (THREE YEARS CONTRACT)
SIZE 6, SIZE 61/2, SIZE 7, SIZE 71/2, SIZE 8, SIZE 81/2,SIZE 9, SIZE 91/2, SIZE 10,

Bayaran Tawaran : $30.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 9 Februari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 9 Februari 2004 jam 10.30 pagi.

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Z/3030 :-**
TABLE FOLDING LEGS 6 FT X 3FT (QTY: 577EA).
Bayaran Tawaran : $10.00 (Tidak dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/X/3065 :-**
(ALAT-ALAT SUKAN) OLYMPIC INCLINE PRESS (QTY : 2EA) PREACHER CURL (QTY: 2EA).
T-BARROW (QTY: 2EA).
BARBELL RACK (QTY: 2EA).
WEIGHT TREE A- FRAME (QTY: 2EA).
ADJUSTABLE HIP EXTENSION (QTY: 2EA).
0-09 ADJUSTABLE BENCH (QTY: 2EA).
ADJUSTABLE DECLINE BENCH (QTY: 2EA).
DUMBBELL RACK (QTY: 2EA).
Bayaran Tawaran : $10.00 (Tidak dikembalikan).

**Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2003/Y/3010 :-**
GENERATOR 10 KVA (QTY: 4EA).
Bayaran Tawaran : $20.00 (Tidak dikembalikan).

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari **Isnin, 26 Januari 2004**. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 26 Januari 2004 jam 10.30 pagi.

a) Wang Bayaran Tawaran dan Yuran Dokumen hendakah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkiah Garison BB 3510, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN :**
Isnin - Khamis : 8.00 pagi -11.30 pagi dan 2.00 petang - 3.30 petang.
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang pa-ling rendah.

d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang dite-rima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.

e) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

f) Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

## PENUTUPAN SEMUA KAUNTER PEMBAYARAN BIL ELEKTRIK SEMPENA TAHUN BARU CINA PADA 22 JANUARI 2004.

DIMAKLUMKAN bahawa semua kaunter-kaunter pembayaran Bil. Elektrik termasuk Kupon Meter Pra-Bayar akan ditutup pada :-

**22 Januari 2004 - Kelepasan Awam (Tahun Baru Cina)**

Pelanggan-pelanggan yang berhasrat untuk berurusan dengan kaunter pembayaran termasuk pembayaran Bil. Elekrik dan pembelian Kupon Meter Pra Bayar akan dapat berurusan sebelum tarikh berkenaan.

Jabatan memohon maaf jika berlaku sebarang ke tidak selesaan.

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**TAWARAN MEMBEKALKAN KAYU KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

**Syarat-Syarat Tawaran:-**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah diterima daripada Syarikat-syarikat Kilang Papan atau Syarikat-syarikat Penjual Kayu yang berdaftar untuk membekalkan kayu kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara selama dua (2) tahun bagi tahun 2004 hingga 2005 seperti yang disebutkan di bawah:-

| JENIS KAYU TIDAK BERKETAM | UKURAN YANG DIKEHENDAKI | HARGA METRIK TON 1.0160 Metrik Ton ( 50 cu.ft) | |
|---|---|---|---|
| | | Kayu Tidak Berubat | Kayu Berubat CCA |
| KAYU SELANGAN BATU | 31.75mm ke atas x 76.20mm ke atas (1 ¼ inci ke atas x 3 inci ke atas) Panjang 3660mm ( 12 kaki ) 4270mm ( 14 kaki ) 4880mm ( 16 kaki ) 5486mm ( 18 kaki ) 6095mm ( 20 kaki ) 6710mm ( 22 kaki ) | | |
| KAYU KAPOR | 31.75mm ke atas x 76.20mm ke atas ( 1 ¼ inci ke atas x 3 inci ke atas) Panjang 3660mm ( 12 kaki ) 4270mm ( 14 kaki ) 4880mm ( 16 kaki ) 5486mm ( 18 kaki ) 6095mm ( 20 kaki ) 6710mm ( 22 kaki ) | | |
| KAYU KERIUNG | 31.75mm ke atas x 76.20mm ke atas (1 ¼ inci ke atas x 3 inci ke atas) Panjang 3660mm (12 kaki) 4270mm (14 kaki) 4880mm (16 kaki) 5486mm (18 kaki) 6095mm (20 kaki) 6710mm (22 kaki) | | |
| KAYU MERAKA | 31.75mm ke atas x 76.20mm ke atas (1 ¼ inci ke atas x 3 inci ke atas) Panjang 3660mm ( 12 kaki ) 4270mm ( 14 kaki ) 4880mm ( 16 kaki ) 5486mm ( 18 kaki ) 6095mm ( 20 kaki ) 6710mm ( 22 kaki ) | | |
| LAIN-LAIN KAYU | 31.75mm ke atas x 76.20mm ke atas ( 1 ¼ inci ke atas x 3 inci ke atas) Panjang 3660mm ( 12 kaki ) 4270mm ( 14 kaki ) 4880mm ( 16 kaki ) 5486mm ( 18 kaki ) 6095mm ( 20 kaki ) 6710mm ( 22 kaki ) | | |

2. Cagaran Tawaran $ 200.00
3. Syarat-syarat tawaran dan cara-cara membuat tawaran:-

3.1 Pembekal-pembekal hendaklah menyatakan harga tiap-tiap jenis serta ukuran kayu bagi harga 1.0160 Metrik Ton ( 50 cu.ft) yang diawet dengan bahan kimia CCA menurut aturan atau kayu yang tidak berubat (tidak beawet). Pembekal hendaklah menghantar ke Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

3.2 Penerangan lanjut dan borang memasuki tawaran boleh didapati di Bahagian Teknikal, Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada waktu bekerja biasa sebelum tarikh tutup.

3.3 Pembekal-pembekal yang berjaya hendaklah membekalkan dengan seberapa segera apabila pesanan dibuat dari masa ke semasa mengikut jenis kayu dan ukuran kayu dalam satu-satu pesanan.

3.4 Pembekal-pembekal yang berjaya mestilah bersedia dan boleh membekalkan jenis dan ukuran kayu yang tidak termasuk dalam senarai tetapi boleh disediakan mengikut harga tawaran kumpulan jenis bahan kayu yang berkenaan.

3.5 Salinan pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan. Tawaran tidak diterima jika tidak disertakan salinan Pendaftaran Perniagaan.

3.6 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup (sealed) tanpa sebarang nama pengirim di luar sampul surat kecuali menyatakan:-

**Tawaran Membekalkan Kayu**
**Kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.**
**Bil : JDBM /01/01/2004**

Dan tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran seperti alamat di bawah:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Negara,**
**Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara,**
**Bangunan IBB, Jalan Pemancha,**
**Bandar Seri Begawan, BS 8710**
tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 26 Januari 2004**

3.7 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh membatalkan pembekal yang berjaya sekiranya didapati perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.





| CODE | COUNTRY NAME | PROMOTION RATE | CODE | COUNTRY NAME | PROMOTION RATE |
|---|---|---|---|---|---|
| 61 | AUSTRALIA | $0.70 | 212 | MOROCCO | $1.00 |
| 880 | BANGLADESH | $1.00 | 977 | NEPAL | $1.00 |
| 1 | CANADA | $0.50 | 64 | NEW ZEALAND | $0.70 |
| 86 | CHINA | $0.60 | 968 | OMAN | $1.00 |
| 20 | EGYPT | $1.00 | 92 | PAKISTAN | $1.00 |
| 33 | FRANCE | $0.70 | 63 | PHILIPPINES | $0.70 |
| 49 | GERMANY | $0.70 | 966 | SAUDI ARABIA | $0.90 |
| 852 | HONGKONG | $0.60 | 65 | SINGAPORE | $0.40 |
| 91 | INDIA | $1.00 | 94 | SRI LANKA | $1.00 |
| 62 | INDONESIA | $0.60 | 886 | TAIWAN | $0.60 |
| 98 | IRAN | $1.00 | 66 | THAILAND | $0.60 |
| 81 | JAPAN | $0.60 | 971 | U.A.E. | $1.00 |
| 962 | JORDAN | $1.00 | 44 | UK | $0.50 |
| 82 | KOREA SOUTH | $0.90 | 1 | USA | $0.50 |
| 608 | MALAYSIA-EAST | $0.30 | 84 | VIETNAM | $0.90 |
| 60 | MALAYSIA-WEST | $0.40 | | | |

**PATUHI UNDANG-UNDANG JALAN RAYA**